

Imam Mazhab Fiqh dan Hadis

Makmor Tumin

If you are able to contribute...

1. Improvements to the materials (including publication possibilities) by contacting me through the following email: makmor.tumin@gmail.com
2. Financially by sharing the cost and effort (any amount is appreciated).
 - a. Here is the PayPal: <https://www.paypal.me/akmalmakmor>
 - b. Here is the bank account number: 7005307962 (Makmor Tumin - CIMB Bank)
3. A minute of your time by sharing the materials if you find them beneficial for others.

Isi Kandungan

Isi Kandungan	1
Bahagian A: Imam-Imam Mazhab Fiqh	2
Bab 1: Mengenali Empat Mazhab Utama	3
Bab 2: Imam Asy-Syafie (Bahagian 1), Kegigihan Seorang Ibu.....	10
Bab 3: Imam Asy-Syafie (Bahagian 2), Ar-Risalah dan Al-Umm	17
Bab 4: Imam Abu Hanifah (Bahagian 1), Peniaga yang Warak di Kuffah	25
Bab 5: Imam Abu Hanifah (Bahagian 2), Kekuatan Akal yang Bertunjangkan Keimanan.....	33
Bab 6: Imam Malik (Bahagian 1), “Aku Tidak Tahu” (La Addri)	41
Bab 7: Imam Malik (Bahagian 2), Digeruni dan Terus Diseksa	48
Bab 8: Imam Ahmad bin Hanbal (Bahagian 1), Pekerti Merendah Diri	55
Bab 9: Imam Ahmad bin Hanbal (Bahagian 2), Al-Quran Bukan Makhhluk	63
Bab 10: Kesimpulan, Keistimewaan Keempat-empat Imam	70
Bahagian B: Imam-Imam Hadis	1
Bab 11: Prolog - Penyusun dan Perawi Hadis Terawal.....	2
Bab 12: Imam al-Bukhari (Bahagian 1) – Biografi yang Unik	7
Bab 13: Imam al-Bukhari (Bahagian 2) – Anugerah Ingatan.....	12
Bab 14: Imam al-Bukhari (Bahagian 3) - Cemburu	18
Bab 15: Imam Muslim (Bahagian 1) – Seorang yang Tegas dan Bijak Pandai.....	24
Bab 16: Imam Muslim (Bahagian 2) - Kekuatan Sahih Muslim	30
Bab 17: Imam at-Tirmidhi (Bahagian 1) – Anugerah Ingatan dan Ad-Darir (Buta)	36
Bab 18: Imam at-Tirmidhi (Bahagian 2) - Sunan at-Tirmidhi dan Shama'il Muhammadiyah.....	42
Bab 19: Imam Abu Dawud (Bahagian 1) – Hubungan yang Hebat antara Mentor dan Mentee.....	49
Bab 20: Imam Abu Dawud (Bahagian 2) - Sunan Abi Dawud dan Surat kepada Masyarakat Makkah.....	55
Bab 21: Imam an-Nasa'i (Bahagian 1) – Belajar dan Mengembara.....	61
Bab 22: Imam an-Nasa'i (Bahagian 2) - Kisah Sunan an-Nasa'i	67
Bab 23: Imam Ibn Majah (Bahagian 1) - <i>Rehlah 'Ilmiah</i> (Perjalanan dalam Mencari Ilmu)	72
Bab 24: Imam Ibn Majah (Bahagian 2) - Sunan Ibn Majah	78
Bab 25: Epilog - Kitab at-Tis'ah dan Perbincangan Kontemporari Hadis	83
Rujukan.....	87

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Bahagian A: Imam-Imam Mazhab Fiqh

Bab 1: Mengenali Empat Mazhab Utama

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah Rabbil Alamin

Hamdan hamidin, hamdan syakirin, hamdan yuwafi ni amahu wayukafiu mazidah

Allaumma solli ala sayyidina Muhammad


Wa ala alihi wasahbihi ajmain

Amma Ba'd

- Berbanyaklah kita bersyukur kepada Allah kerana telah banyak memberi kita nikmat sehinggakan kita boleh lagi berada dalam majlis ilmu.
- Pada kali ini kita akan berusaha untuk menambah ilmu dengan mengenali empat imam besar yang telah membentuk mazhab, iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali.
- Selain daripada bertujuan menambah ilmu, Bab ini juga diharap dapat meningkatkan amalan, sebagaimana yang digariskan oleh mazhab kita iaitu mazhab Syafie dan juga meningkatkan rasa hormat kita kepada rakan yang berlainan mazhab.
- Sebelum kita membincangkan secara am tiap-tiap satu imam berkenaan, wajarlah kita bincangkan terlebih dahulu apakah yang berlaku di antara zaman Nabi Muhammad SAW sehingga zaman mazhab ini.
- Sebagaimana yang kita tahu, Nabi wafat pada 11 Hijrah dan Imam Abu Hanifah lahir pada 80 Hijrah dan mula menyumbang secara produktif selepas tahun 110 Hijrah.
- Pertama, mazhab tidak diperlukan sebelumnya kerana para sahabat besar masih hidup, bukan sahaja sebagai khalifah pada zaman khalifah ar-Rasyidin tetapi juga (bagi sesetengah sahabat serta Tabi'in) menjadi ahli fiqh terkemuka, sehingga dilantik menjadi mufti dan qadi.
- Terdapat tiga orang sahabat yang mempunyai pendekatan fiqh yang berbeza telah secara langsung dan tidak langsung mempengaruhi empat mazhab yang besar.
- Ibnu Omar dikatakan mempunyai pandangan yang tegas tentang fiqh dan ia kemudiannya banyak mempengaruhi fiqh Imam Malik.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

- Ibnu Abbas mempunyai fiqh yang sederhana tegas yang secara langsung dan tidak langsung mempengaruhi Imam asy-Syafie.
- Ibnu Mas'ud mempunyai pendekatan yang agak berbeza dan ia kemudiannya dikatakan mempengaruhi Imam Abu Hanifah.
- Imam Ahmad pula fiqhnya agak terkemudian dan dipengaruhi ketiga-tiga imam, khususnya Imam Malik dan Imam asy-Syafie.



Pernah terjadi dalam dunia Islam fanatik kemazhaban mencapai tahap yang membimbangkan. Pada ketika itu, mazhab Syafi'e diangkat terutamanya di Mekah. Pengikutnya diberi keutamaan bersembahyang di bahagian dinding Hajar-Ismael, manakala tiga mazhab yang lain bersembahyang di dinding yang lain. Mereka mempunyai 4 Imam meskipun bersembahyang pada waktu yang sama.

[Dari catatan Ibn Battutah (Syaiikh al-Qadhi Abu 'Abdillah Muhammad bin Ibrahim al-Lawati)]

-
- Ringkasnya, sepanjang zaman pemerintahan Umayyiah sungguhpun para sahabat masih ramai yang ada tetapi anak para sahabat dan kehidupan para tabi'in juga boleh menjadi rujukan umat Islam.
 - Keduanya, apabila sudah semakin berkurangnya para sahabat yang masih ada, Umar bin Abdul Aziz yang terkenal dengan kewarakannya telah memilih dan melantik mufti dan qadi dari kalangan ahli fuqaha yang alim dan warak sahaja.
 - Tujuh dari kalangan mereka juga nantinya menjadi guru kepada sebahagian besar guru-guru kemudiannya.

Tujuh Ahli Fuqaha Madinah

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com


- Said ibn Al-Musayyib
 - Urwah ibn Zubayr
 - Abu Bakr ibn Abd al-Rahman
 - Qasim ibn Muhammad
 - Ubaydullah ibn 'Abdullah ibn 'Utba ibn Mas'ud
 - Sulayman ibn Yasar
 - Kharija ibn Zayd ibn Thabit
-
- Ketiganya, terdapat perkembangan yang tidak sihat tentang akidah dan fiqh umat Islam sehingga munculnya gerakan Syiah dan Khawarij.
 - Empayar Islam yang semakin besar, dari Barat ke Morocco, Timur hingga ke sempadan China, telah menyebabkan ajaran Islam bercampur dengan amalan adat resam dan budaya.
 - Dengan itu, perlulah ada projek penjernihan akidah dan fiqh yang dilakukan oleh imam-imam besar.
 - Dalam bahagian ini, kita hanya sepintas lalu membincangkan keempat-empat mereka dan dalam Bab lain kita akan cuba perincian tentang hikmah berdasarkan adab dan akhlak yang mereka tinggalkan kepada kita.
 - Pertamanya ialah **Nukman bin Thabit, atau Abu Hanifah** yang keturunannya berasal daripada jajahan Parsi yang sekarang ini di bandar Kabul, Afghanistan.
 - Beliau lahir pada 80 Hijrah dan dibesarkan dalam keluarga peniaga pakaian, khususnya sutera dan meninggal dunia pada 150 Hijrah.
 - Beliau hidup pada zaman peralihan kuasa Umayyah kepada Abasiyyah apabila pemerintahan Umayyah digulingkan pada tahun 132 Hijrah.
 - Pembelajaran beliau berpusat di Kufah.
 - Beliau terkenal dengan pendekatan fiqh ar-Ra'yi, iaitu membuka peluang kepada pelbagai pandangan terhadap ayat Quran dan hadis bagi membolehkan manfaat yang lebih besar diperoleh oleh umat Islam.
 - Abu Hanifah pernah diminta oleh khalifah Abasiyyah (Jaafar al-Mansur) untuk menjadi mufti bagi pihak istana tetapi telah menolaknya kerana tidak mahu bersekongkol dengan pihak pemerintah.
 - Beberapa orang muridnya yang terkenal ialah Abu Yusuf yang pada zaman ini terkenal sebagai ilmuwan ekonomi Islam terawal dan Muhammad ibn Hassan al-Saibani yang kemudiannya menjadi guru kepada Imam asy-Syafie dalam memahami Mazhab Hanafi.

- Abu Hanifah sendiri tidaklah menulis kitabnya sendiri tetapi murid-muridnya kemudiannya mengumpulkan ajarannya dalam sebuah kitab yang popular, Fiqh al-Akbar dan juga al-Faraid (Wallahua'lam).
- Beliau kemudiannya dipenjara kerana enggan bekerjasama dengan pemerintah sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 150 Hijrah, tahun yang juga Imam asy-Syafie dilahirkan.
- Imam yang kedua pula ialah **Imam Malik** yang berpusat di Madinah.
- Lahir pada tahun 93 Hijrah dan diberikan umur yang panjang beserta ilmu yang tinggi, meninggal pada tahun 179 Hijrah.
- Sekiranya Imam Abu Hanifah terkenal kerana menubuhkan Madrasah ar-Ra'yi, Imam Malik terkenal dengan Madrasah al-Hadis, iaitu semua pandangan tidak boleh diterima melainkan yang datang daripada Quran dan hadis sahaja.
- Beliau bukan sahaja mendapat manfaat daripada imam-imam besar, al-Fuqaha as-Sab'at tetapi juga mendapat manfaat daripada guru-guru dari kalangan wanita, misalnya dari Amra binti Abdul Rahman, yang mana namanya ada disebut dalam riwayat-riwayat hadis imam-imam hadis yang besar.
- Anaknya sendiri, Fatimah, pernah diangkat menjadi guru agama dan dikatakan juga diberikan autoriti mengeluarkan fatwa.
- Imam Malik terkenal dengan kitabnya al-Muattaq yang merupakan himpunan hadis dan hukum-hakam.
- Oleh kerana pada zamannya bukan sahaja terdapat banyak hadis yang dikumpulkan bahkan sesetengah hadis berbeza dengan yang lain, maka Imam Malik menggunakan metodologi memerhatikan amalan orang-orang Madinah, khususnya di Masjid Nabawi sendiri.
- Rumahnya sendiri terletak di hadapan Masjid Nabawi.
- Bagi beliau, di Madinah itulah kita akan dapat melihat bagaimana amalan ibadat dilakukan oleh para cucu-cicit Nabi dan para sahabat.
- Sekiranya ada hadis yang tidak jelas, maka amalan orang-orang Madinah boleh dijadikan hukum-hakam.
- Beliau juga tidak mahu bekerjasama dengan pemerintah dan pernah diseksa di bawah pemerintahan Abasiyyah yang mana gabenor Madinah yang juga bernama Jaafar telah menyeksanya sehingga bahunya terkehel (*dislocated*).
- Beliau terkenal dengan sikap tegasnya dan sangat serius dengan ilmu hadis dan hukum-hakam yang diajarnya sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 179 Hijrah itu.

- Ketiganya, **Imam asy-Syafie**, atau nama sebenarnya Muhammad bin Idris yang merupakan ahli keluarga Nabi Muhammad SAW sehinggalah kepada al-Mutalib (jalur ibunya).
- Dilahirkan di Daghzah (Gaza), Palestin, kemudiannya dibawa ibunya berpindah ke Mekah dan kemudiannya menambah ilmu dengan Imam Malik di Madinah.
- Selain daripada Quran, Imam asy-Syafie telah menghafal kitab al-Muattaq sejak kecil lagi.
- Pernah dihantar ke Najran untuk mengajar dan memegang jawatan agama namun telah dituduh terlibat dengan gerakan Syiah sehinggakan dibawa ke mahkamah pengadilan di Baghdad di bawah pemerintahan khalifah Harun ar-Rasyid.
- Lahir pada tahun 150 Hijrah dan meninggal dunia pada usia 54 tahun di Mesir pada tahun 204 Hijrah.
- Belajar di Madrasah al-Hadis dengan Imam Malik, kemudiannya Madrasah ar-Ra'yi Imam Abu Hanifah ketika berada di Baghdad di bawah murid Imam Abu Hanifah, iaitu Muhammad ibn Hassan as-Saibani yang disebut tadi.
- Kemudian beliau mengembara lagi ke Mesir untuk berguru dengan mazhab al-Layth Ibn Sa'd dan Nafisah binti Hassan (menantu Jaafar as-Sadiq) yang kedua-duanya disebut oleh Imam Syafie sebagai guru yang hebat.
- Ketika di Baghdad, beliau telah menulis kitab ar-Risalah yang membincangkan gabungan hujah Imam Malik dan Imam Abu Hanifah berserta pandangannya sendiri.
- Kemudian, di Mesir itulah beliau telah menghasilkan kitab al-Umm yang terkemuka dan banyak dirujuk sehingga hari ini.
- Keempat, **Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbali** yang merupakan imam yang terkenal dengan sifat zuhud dan banyak mengumpul hadis, terutamanya yang tidak begitu didengari di tanah Hijaz.
- Lahir pada tahun 163 Hijrah, juga dapat hidup panjang dengan barakah ilmu.
- Meninggal dunia pada tahun 241 Hijrah.
- Pada zamannya, pengaruh falsafah, khususnya yang berkembang di bawah pemerintahan al-Makmun, sudah semakin tidak dapat dikawal.
- Pengaruh Greek dan Parsi begitu kuat dalam sebahagian umat Islam dengan fahaman rasionalisme ataupun logik akal.
- Khalifah al-Makmun sendiri memartabatkan ajaran Muktazilah yang antara lain menyebut Quran itu adalah makhluk, justeru tidak kekal.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

- Imam Ahmad terkenal dengan mempertahankan Islam daripada pelbagai bentuk kekufuran sebagaimana Abu Bakar terkenal dengan penentangannya terhadap pelbagai bentuk kemurtadan.
- Beliau terkenal dengan kitabnya al-Musnad yang merupakan himpunan hadis melebihi 40,000 secara keseluruhannya.
- Diseksa dan dipenjara sehinggalah meninggal dunia pada tahun 241 Hijrah itu.
- Imam Bukhari pernah menuntut ilmu dengan Imam Ahmad, khususnya pada zaman mudanya.



Imam Bukhari lahir pada 194 Hijrah dan meninggal pada 256 Hijrah dan dikategorikan sebagai generasi ketiga (Tabi'in at-Tabi'in), kerana menurut Ulama', sesiapa yang lahir pada dan sebelum 220 Hijrah, termasuk dalam kategori generasi ketiga Islam. Beliau sendiri, menurut majoriti ulama', membentuk mazhabnya sendiri, walaupun Ibnu Qayyim dikatakan menyebut beliau bermazhab Hanbali, dan Ibnu Kathir dikatakan menyebut beliau bermazhab Syafi'e. Wallahua'lam, mudah-mudahan Allah SWT menjauhkan kita daripada bersifat fanatik yang tidak diredhai Allah.

- Secara keseluruhannya, pada masa ini, majoriti umat Islam mengikuti mazhab Hanafi, diikuti oleh Syafie, Maliki dan Hanbali.
- Sedar atau tidak, kita telah ditentukan oleh Allah, mengikut mazhab Syafie kerana ulama yang mula-mula sampai di Asia Tenggara ini ialah ulama dari kalangan ulama Syafie.

- Mazhab Hanafi diikuti secara majoriti kerana pemerintahan Islam, baik Abasiyyah mahupun Uthmaniah, menjadikan mazhab Hanafi sebagai mazhab rasminya dan negara-negara jajahannya pun, seperti India dan Pakistan juga mengikut mazhab yang sama.
- Mazhab Syafie diikuti oleh ramai kerana Imam asy-Syafie itu sendiri banyak mengembara, baik dari Mekah ke Madinah, ke Najran, Yaman, kemudian ke Baghdad dan kemudiannya ke Mesir.
- Mazhab Maliki pula berkembang di Afrika Utara dan Selatan Eropah, di Andalusia.
- Mazhab Hanbali pada suatu ketika tidak banyak diikuti.
- Namun, apabila sudah terlalu banyak umat Islam yang menjadi fanatik terhadap mazhab, maka ajarannya dipulihkan sebagaimana yang diamalkan di Arab Saudi pada ketika ini.
- Secara amnya, kita boleh fahami mazhab-mazhab ini dengan skala lima, iaitu ke kiri ahli hadis, dan yang paling kanan ahli ar-Ra'yi.
- Imam Malik dan Imam Ahmad dekat dengan Madrasah al-Hadis.
- Imam Abu Hanifah dekat dengan Madrasah ar-Ra'yi.
- Imam asy-Syafie berada di tengah-tengah kedua-duanya.
- Mudah-mudahan usaha kita dalam melakukan Bab untuk memahami adab dan akhlak imam mazhab-mazhab ini diberkati Allah SWT. Aamiin.
- Kita juga perlulah faham bahawa banyak unsur tokoh tambah bagi mengagungkan tokoh-tokoh mazhab oleh peminat fanatiknya. Wallahua'lam.
- Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu alaikum warahmat Allah hi wabarakatuh.

Bab 2: Imam Asy-Syafie (Bahagian 1), Kegigihan Seorang Ibu

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah Rabbil Alamin

Wassolatu wassalamu ala sayyidina Muhammad

Wa ala alihi wasohbihi ajmain

Rabbisyrahli sodri wayassirli amri wahlul ukdatammillisani yafkahu kawli

Amma Ba'd

“Emak ku ada berpesan: “Jangan engkau percaya kata-kata orang yang tidak tetap pendirian, berubah kata-katanya hanya dalam tempoh dua Jumaat.””

- InsyaAllah kata-kata berkenaan pernah dikatakan oleh Imam Asy-Syafie yang menunjukkan bahawa bukan sahaja pentingnya berhati-hati dalam mendengar kata-kata orang, tetapi yang lebih mustahak dalam Bab kita kali ini ialah tentang hubungan rapat Imam Syafie dengan ibunya, Fatimah binti Abdillah.
- Imam Syafie terkenal bukan sahaja kerana kewarakannya, ketinggian ilmu bahasa Arabnya, kehebatan bacaan Qurannya, kedalaman ilmu hadis dan fiqhnya, tetapi juga terkenal kerana kerap menyebut pesanan-pesanan ibunya dalam kuliah-kuliahnya.
- Beliau dilahirkan pada 150 Hijrah, tahun di mana Imam Abu Hanifah meninggal dunia (sesetengah berkata pada hari yang sama), di sebuah pekan bernama Asqalan di wilayah Gaza di Palestin.
- Di Palestin, pada hari ini terdapatnya masjid Hasyim bagi mengenang pedagang Quraisy yang terkemuka yang juga moyang kepada Nabi Muhammad SAW serta keturunan Imam Syafie.
- Untuk catatan, Hasyim meninggal dunia di Gaza dan meninggalkan anaknya, Syaiba (Abdul Muttalib) di Madinah yang kemudiannya dibawa oleh Muttalib.
- Bapa Imam Syafie telah meninggal dunia sebelum usia beliau mencapai 2 tahun, dan dijaga oleh ibunya dengan penuh dedikasi dengan harapan anaknya akan menjadi ilmuwan Quraisy yang dihormati dunia.
- Nama beliau sebenarnya ialah Muhammad bin Idris bin al-Abbas bin Usman bin Syafi'e ibn al-Sa'ib bin Ubaid bin 'Abd Yazid bin Hashim bin

al-Muttalib bin 'Abd Manaaf bin Qusay bin Kilab bin Murrâh (Wallahua'lam).

- Wajarlah dicatatkan di sini bahawa Bani Hashim dan Bani al-Mutalib (Walaupun tidak begitu popular) dikira sebagai satu rumpun Ahlul Bayt kerana pernah terjadi selepas Perang Hunayn, keturunan Bani Hashim dan Bani al-Mutalib diberikan harta rampasan Ghanimah yang lebih, yang mana saudara Hashim yang lain seperti Abdu Syams dan Naufal, tidak diberikan keutamaan yang sama.
- Ada disebut bahawa nabi menerangkan kepada mereka bahawa Bani Hashim dan Bani al-Mutalib sejak dari zaman Jahiliyah lagi adalah saudara rapat, lebih-lebih lagi anak Hashim, Syaiba telah diselamatkan oleh al-Mutalib untuk kembali kepada keluarga kaum Quraisy di Mekah dengan nama Abdul Mutalib (yang membawa maksud Hamba Mutalib, Wallahua'lam).
- Ibunya pula bernama Fatimah bint 'Abdullah bin al-Hasan bin al-Hussain ibn Ali bin Abi Talib.
- Namun begitu, menurut Syeikh Abdal Hakim Murad yang merujuk catatan Fakhruddin ar-Razi, ibunya adalah dari Bani Azd, suku Bani Yaman, bukan dari keturunan Bani Quraisy.
- Setelah kematian suaminya Idris, Fatimah, dengan sehelai sepinggang, bersama bayinya, cekal dan bertawakal, berhijrah mengikut jalan darat dan laut untuk pergi ke Mekah bagi memastikan anaknya Muhammad (asy-Syafie) mendapat pendidikan ilmu di Kota Mekah itu.



Setelah bapanya, Idris, meninggal dunia, Ibu kepada Muhammad atau asy-Syafie mengambil langkah untuk membawa anaknya berhijrah ke tanah Hijjaz untuk bertemu dengan keturunannya al-Mutalib (saudara kepada Bani Hashim) sekaligus menimba ilmu bagi membolehkan asy-Syafi'e menjadi ilmuwan terunggul. Perlulah dicatatkan bahawa keturunannya bersambung terus kepada al-Mutalib, bukannya Hashim sebagaimana yang terdapat di dalam catatan-catatan lain, Wallahua'lam. Walau bagaimanapun, keluarga al-Mutalib, sebagaimana keluarga Bani Hashim, termasuk dalam kalangan Ahlul Bayt keseluruhannya.

- Ibunya sangat gigih berusaha bagi membolehkan Imam Syafie mendapatkan ilmu, khususnya ilmu adab atau akhlak dan begitu jugalah ilmu-ilmu lain.
- Ibunya juga sering mendoakan supaya asy-Syafie diberikan barakah ilmu, menjadi ilmuwan yang berakhlak mulia dan berpengetahuan tinggi serta terpuji di kalangan bani Quraisy.
- Sejak kecil lagi beliau telah berusaha untuk menghafal al-Quran dan telah berjaya menghafalnya pada usia 7 tahun dan kemudiannya menghafal kitab al-Muattaq karangan Imam Malik pada usia 9 tahun.
- Kesempitan hidup menyebabkan keluarga dua beranak ini terpaksa kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.
- Namun, itu bukanlah masalah bagi Fatimah kerana yang penting baginya, anaknya mendapat pendidikan secukupnya.
- Oleh kerana tidak mempunyai peralatan menulis, ada catatan menyebut bahawa Fatimah pergi ke kawasan buangan untuk mencari bahan-bahan seperti tulang, yang boleh digunakan anaknya untuk menulis.
- Untuk catatan, teknologi menulis di atas kertas hanya ada selepas tahun 100 Hijrah, apabila umat Islam mula mempunyai hubungan dengan tamadun China.
- Maka pada ketika itu, pelajar-pelajar lain yang berada, telahpun memiliki peralatan asas untuk belajar.
- Imam Syafie, yang masih kecil, pernah memberitahu ibunya bahawa gurunya hanya memberi perhatian kepada kanak-kanak lain kerana mereka lebih bersedia dengan bahan-bahan pembelajaran.
- Ketika mengikuti kelas pada usia 5 hingga 6 tahun itu, ibunya dalam keadaan kemiskinan, tentulah tidak dapat menyediakan keperluan sebagaimana ibu-ibu yang lain.
- Tetapi beliau dapat menyediakan nasihat meminta asy-Syafie bertumpu kepada apakah yang anak-anak lain pelajari daripada guru-guru itu.

- Ada dicatatkan, pada suatu ketika, kanak-kanak berkenaan diminta mengkaji surah Ali 'Imran.
- Semasa ketiadaan guru berkenaan, asy-Syafie datang kepada kanak-kanak lain, membaca dan menerangkan surah Ali 'Imran berkenaan sehinggakan beliau menjadi rujukan kanak-kanak yang lain kerana pada usia 7 tahun beliau telah menghafal keseluruhan al-Quran itu.
- Peranan asy-Syafie ini telah menyebabkan gurunya dapat melihat bagaimana dalam tempoh yang singkat, semua muridnya dapat melipat gandakan kualiti.
- Setelah faham kedudukan peranan asy-Syafie itu, gurunya telah memberi perhatian kepada beliau sehinggakan beliau telah diangkat menjadi pembantu gurunya.
- Beliau tidak puas dengan sekadar menghafal al-Quran, lalu menghafal kitab al-Muattaq dan masih tidak puas lagi lalu mempelajari ilmu bahasa Arab dengan mendampingi Bani Hudail.
- Bani Hudail ialah Bani Abdullah ibn Mas'ud dan bani ini terkenal dengan bahasa Arab yang tinggi dan ianya digunakan oleh Imam Syafie, bukan sahaja untuk memahami al-Quran dan hadis tetapi juga menjadikan beliau sebagai pembaca al-Quran yang sangat luar biasa kualitinya.
- Kehebatannya dalam pelbagai bidang semenjak kecil lagi, termasuk dalam bidang fiqh, telah menyebabkan mufti Mekah pada ketika itu, iaitu Muslim bin Khalid al-Zanji, melantik beliau untuk mengajar ilmu fiqh, sekaligus memberikan fatwa-fatwa tertentu semasa usia remaja lagi.
- Pernah suatu ketika beliau memberi kuliah pada bulan puasa dalam keadaan panas terik di siang hari.
- Beliau membawa bekalan air lalu meminumnya.
- Lalu ditanya oleh murid-muridnya, "Ya Imam, bagaimana tuan boleh mengajar kami tentang hukum-hakam sedangkan tuan minum air pada bulan puasa?"
- Asy-Syafie antara lain menjawab, "Cuaca begitu panas terik dan aku sangat dahaga dan aku belum baligh lagi. Maka tidaklah berdosa bagiku untuk meminum air pada bulan puasa ini".
- Beliau mempunyai minat dalam aktiviti fizikal seperti memanah, berkuda dan berenang.
- Beliau sangat hebat memanah, terkenal dengan panahan *10 out of 10*.
- Sebagaimana yang telah disebut tadi, beliau mempunyai kualiti bacaan al-Quran dan bahasa Arab yang tinggi, sehingga ada catatan yang menyebut "Imam al-Zakhfarani" bertanya kepada tetamu di

kalangan orang Badwi yang datang, Islam dan bukan Islam, kenapa mereka berada di situ.

- Mereka menyebut, mereka mahu mendengar kehebatan dan kelunakan suara asy-Syafie itu.
- Pernah suatu ketika, beliau diberitahu supaya dapat meningkatkan lagi ilmu hadis dan fiqhnya dengan berjumpa Imam Malik yang berada di Madinah.
- Sebelum ini, Fatimah, ibunya, mendedahkan kepadanya tentang ilmu akhlak dan ilmu-ilmu lain melalui Muslim ibnu Khalid al-Zanji.
- Mengetahui adanya Imam Malik, ibunya sendiri meminta Amir Mekah untuk menulis surat kepada Amir Madinah supaya menemukan anaknya asy-Syafie dengan Imam Malik itu.
- Pada usia 23 tahun, beliau berhijrah ke Madinah bersama surat sokongan untuk berjumpa Imam Malik.
- Sebagaimana yang kita pernah bincangkan sebelum ini, Imam Malik terkenal dengan ketegasannya dan tentulah beliau tidak suka mengajarkan ilmu kepada seseorang hanya kerana orang itu ada kedudukan dan hubungan dengan para pemerintah.
- Imam asy-Syafie sendiri membawa surat berkenaan tetapi telah ditolak oleh Imam Malik meskipun beliau menerangkan silsilah keturunan Quraisynya.
- Namun begitu, kesungguhan yang ditunjukkan oleh Imam Syafie telah membuka hati Imam Malik.
- Antara lain, asy-Syafie bersungguh-sungguh menyatakan keinginannya menuntut ilmu sebagaimana bersungguh-sungguhnya seorang ibu mencari bayinya yang hilang.
- Apabila asy-Syafie menunjukkan kesungguhan dan kemampuannya membaca al-Muattaq, dengan ilmu firasat yang dimiliki oleh Imam Malik, beliau dapat mengetahui asy-Syafie ini akan menjadi ilmuwan yang terbilang.
- Keperluan untuk berhijrah ke Madinah telah menyebabkan Fatimah, ibunya, menjual apa sahaja yang mereka ada sungguhpun keluarga ini tidak mempunyai apa-apa, sehingga makan dan minum merekapun bergantung kepada pemberian orang, sehingga ada catatan yang menyebut, kadang-kadang mereka berdua berkongsi sebiji kurma untuk terus hidup sehingga ke esok harinya.
- Imam Syafie pernah bercadang untuk bekerja.
- Namun, tidak diterima ibunya kerana bagi Fatimah, kerjanya ialah menuntut ilmu.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

- Justeru itu, semasa berada di Madinah, mereka terus sehelai sepinggang sehingga ketika belajar, Imam Syafie hanya menggunakan air liurnya sebagai dakwat dengan menandakan pada bahan tulisan yang beliau ada.
- Imam Malik bertanya apa yang dilakukan beliau dan beliau menyebut bahawa beliau sedang mencatat nota-nota gurunya, Imam Malik itu.
- Bagi mendapatkan kepastian Imam Malik mahu mendengar apa yang dicatatkan dan mendengar kandungan kitab al-Muattaq yang dikatakan dihafal oleh asy-Syafie itu.



Pada abad terdahulu, manusia menggunakan bahagian tajam bulu ayam sebagai mata pena, untuk dicelupkan ke dalam dakwat dan menulis. Ibu Imam Syafi'e, Fatimah, tidak mampu menyediakan peralatan menulis, walaupun tidak dapat dipastikan apakah alat yang digunakan untuk menulis pada ketika itu. Namun, Imam Syafi'e dikatakan menggunakan jari dan air liurnya sebagai isyarat beliau mengambil nota, yang dapat diingat dengan tajam dalam mindanya. Bagaimana sikap kita sebagai ibu, dan sikap kita sebagai anak terhadap pelajaran agama pada zaman ini? Wallahua'lam.

- Imam Malik amat mengagumi dan merasa sangat bertuah mempunyai murid sehebat asy-Syafie itu.
- Imam Syafie tidak lama bersama Imam Malik, iaitu lebih kurang 6 tahun sahaja kerana selepas berpindah ke Madinah pada 173 Hijrah, Imam Malik meninggal dunia (pada tahun 179 Hijrah).

- Masing-masingnya mendapat manfaat ilmu, termasuk juga ilmu firasat.
- Pernah suatu ketika, ada seorang yang bernama al-'As ibn 'Amr yang lalu di kawasan berkenaan lalu kedua-dua ilmuwan ini ingin mengasah ilmu firasatnya dengan bertanya apakah profesion (pekerjaan) al-'As berkenaan.
- Imam Malik menyebut beliau ialah seorang gembala tetapi asy-Syafie menyebut tukang kayu.
- Lalu mereka berdua berjumpa al-'As, bertanyakan kerjanya.
- al-'As memberitahu bahawa beliau sekarang ini seorang tukang kayu, tetapi sebelum ini merupakan seorang gembala.
- InsyaAllah, banyak perkara dan pedoman yang boleh kita pelajari.
- Namun, pada Bab ini, kita dapat pelajari tentang kegigihan seorang ibu yang menyebabkan jasanya dikenang dan namanya disebut dalam banyak sesi-sesi kuliah anaknya asy-Syafie.
- Pada Bab akan datang, kita akan tinjau tentang dua peristiwa yang membawa kepada penulisan dua kitab agungnya, al-Risalah dan al-Umm.
- Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Bab 3: Imam Asy-Syafie (Bahagian 2), Ar-Risalah dan Al-Umm

Bismillahirrahmanirrahim
Alhamdulillah Rabbil Alamin
Hamdan hamidin, hamdan syakirin
Allahumma solli ala sayyidina Muhammad
Wa ala alihi wasohbihi ajmain

- Bersyukur kita kehadiran Allah SWT dan bersyukur kerana sikap kita hendak bersyukur itu pun datangnya daripada Allah SWT.
- Pada Bab kali ini kita akan menyambung tentang asy-Syafie dengan menumpukan beberapa aspek etika berhujah dan dua kitabnya yang masyhur, al-Umm dan ar-Risalah.
- Pernah diceritakan bahawa apabila beliau membaca buku, beliau perlu menutup satu halaman buku yang bersebelahan dengan halaman yang sedang dibaca kerana ingatannya yang kuat mempengaruhi informasi pada dua halaman yang dilihat dan ini boleh menyebabkan informasi yang bercampur aduk dan kekeliruan.
- Beliau pernah menceritakan dengan gurunya, Waqi' ibn Jabir, sebagaimana yang ada dalam puisi Imam Syafie bahawa daya ingatannya menjadi berkurangan hanya kerana terpandang bahagian kaki aurat perempuan.
- Ini memberi indikasi kepada kita bahawa perlunya menjaga mata, selain daripada lidah dan hati.
- Ilmu, menurut gurunya ialah cahaya yang dimasukkan ke dalam hati, dan janganlah sesekali kita memalapkan atau memadamkan cahaya itu disebabkan pelanggaran perintah Tuhan.
- Beliau pernah memerhatikan beberapa peristiwa yang agak pelik dan sedikit ironi kerana ada seorang tua yang menghitamkan rambutnya supaya kelihatan muda untuk bersama-sama dengan perempuan muda, untuk mengajar menyanyi.
- Tetapi, lelaki yang sama, apabila hendak bersembahyang, ia lebih suka duduk, yang mungkin membawa mesej bermalas-malas ketika hendak beribadat tetapi bersemangat ketika hendak bermaksiat.
- Beliau sememangnya diberikan keistimewaan berhujah yang tinggi, meskipun sering mengelak daripada terlibat dengannya.
- Wajahnya yang kelihatan sentiasa muda dan tenang menjadikan beliau begitu tenang (*relax*) ketika berdebat dan ini menjadi aset

untuknya justeru dapat berfikir dengan pantas tanpa gangguan emosi ketika berhujah.

- Berikut adalah beberapa etika yang dapat dikaitkan dengan Imam al-Ghazali ketika adanya keperluan untuk berhujah.
- Pertama, sentiasa ingat bahawa kita sangat berkemungkinan salah dan lawan kita sangat berkemungkinan betul.
- Yang diutamakan bukannya menang atau kalah tetapi betul atau salah.
- Tidak mengapa jika kita kalah sekiranya kebenaran dapat kita temukan melalui hujah itu.
- Kedua, berdoalah semoga Allah SWT juga mendatangkan ilmu dan kebenaran kepada pihak lawan supaya kita dapat banyak belajar ketika berhujah dengannya.
- Ketiga, berbanyak-banyaklah meminta keampunan Tuhan untuk diri kita jika kita dikatakan sebagai pendusta oleh pihak lawan kerana dikhuatiri apa yang dikatakan olehnya adalah benar.
- Pohonkanlah keampunan bagi pihak lawan kerana dikhuatiri tuduhannya adalah dusta dan palsu.
- Pada Bab yang lalu, kita telah membincangkan bagaimana beliau menimba ilmu dengan Imam Malik sehinggalah Imam Malik meninggal dunia pada tahun 179 Hijrah, yang mana Imam Syafie sempat, selama enam tahun, menuntut ilmu dan berkhidmat untuk gurunya.
- Kemudiannya, datang gabenor dari Yaman dari wilayah Najran yang melihatkan kehebatan Imam Syafie dan mahukan beliau menjadi qadi di Najran berkenaan.



Najran terletak antara Arab Saudi dan Yaman. Di Kota inilah Imam Syafi'e mendapat pekerjaan sebagai Qadi. Namun, pendiriannya yang tegas tidak pilih kasih atau tidak memilih bulu, menghukum sesiapa yang bersalah, termasuk anak-anak kakitangan pembesar, menyebabkan beliau telah difitnah bersekongkol dengan gerakan Syiah. Imam Syafi'e adalah dari keturunan Nabi dan beliau menyokong ahlu bait, sebagaimana kita juga menyokong dan berselawat kepada Nabi dan ahli keluarga Nabi. Allahuma Salli ala Muhammad, Wa ala alihi Muhammad.

- Peluang ini digunakan bukan sahaja untuk mendapatkan sumber kewangan, tetapi lebih penting, untuk menegakkan hukum Allah SWT di bumi Najran berkenaan.
- Walaupun menerima gaji daripada pemerintah, beliau tidak memilih bulu dalam menjatuhkan hukum, termasuk kepada ahli keluarga pemerintah.
- Pada ketika itu, adanya kumpulan kecil yang dipengaruhi gerakan Syiah untuk menjatuhkan kerajaan Abasiyyah yang berpusat di Baghdad.
- Imam Syafie sememangnya terkenal memuliakan *Ahlul Bait* (ahli keluarga Nabi) lalu pendirian asy-Syafie ini digunakan oleh gabenor Najran bagi menuduhnya sebagai ahli Syiah, lalu ditangkap bersama-

sama dengan ahli gerakan Syiah yang lain untuk dibawa ke muka pengadilan di Baghdad.

- Pada ketika itu, pemerintahan Abasiyyah berada di bawah khalifah Harun ar-Rasyid yang terkenal dengan kebijaksanaan dan kewarakannya.
- Apabila asy-Syafie diminta untuk membela diri, beliau telah memberikan penjelasannya yang menyebabkan khalifah begitu yakin dengan pendiriannya tidak terlibat dengan gerakan Syiah tetapi menyokong *Ahlul Bait* sebagaimana kumpulan Ahli Sunnah yang lain.
- Tambahan pula, Harun ar-Rasyid itu sendiri juga dari kalangan ahli keluarga Nabi sebagaimana asy-Syafie, kerana Abasiyyah merupakan pemerintahan sempena mengambil nama Abbas, bapa saudara Nabi.
- Pada masa yang sama, murid penting Imam Abu Hanifah Muhammad ibn Hassan as-Saibani menjadi mufti yang sememangnya kenal dengan Muhammad bin Idris itu kerana beliau juga pernah menuntut dengan Imam Malik, selain daripada Imam Abu Hanifah.
- Khalifah Harun ar-Rasyid mengarahkan supaya Imam Syafie bukan sahaja dilepaskan daripada sebarang tuduhan tetapi juga diberikan jawatan qadi untuk sama-sama mengimarahkan Islam di bumi Iraq mulai kira-kira tahun 184 Hijrah itu.
- Beliau pernah diberikan wang sebanyak 50,000 dinar tetapi kesemuanya diberikan kepada orang miskin dan peminta sedekah.
- Baghdad terkenal dengan fiqh Ahli Ra'yi Imam Abu Hanifah iaitu sebarang pandangan amat dialu-alukan bagi membolehkan ilmu dalam al-Quran dan hadis dapat dimanfaatkan bagi membentuk hukum fiqh untuk tujuan umat.
- Imam Syafie yang berlatar belakangkan Madrasah Ahli Hadis, iaitu al-Quran dan hadis sahajalah yang dapat membentuk hukum fiqh bagi membentuk pandangan, dapat memanfaatkan kedudukannya dan hubungannya dengan as-Saibani bagi menambahkan khazanah ilmu Islam.
- Dua ulama besar ini sering mengadakan dialog dan debat awam secara berhemah bagi menambahkan ilmu dan nuansa hukum fiqh.
- Para penceramah pada hari ini ada yang menyebut debatan mereka sangat menarik, mungkin seperti perdebatan mufti Menk dengan Nouman Ali Khan.
- Khalifah Harun ar-Rasyid sendiri, bersama-sama dengan rakyat, mendengar debat dua tokoh itu.

- Setelah beberapa tahun di Baghdad, penghujung tahun 180-an Hijrah itu (kira-kira 189 Hijrah), beliau kembali ke Mekah dan mengajar di sana.
- Di Mekah inilah, khususnya pada musim Haji, ulama seluruh dunia datang bermuzakarah serta dapat berjumpa dengan Imam Syafie.
- Pernah suatu ketika, guru Imam Bukhari, Syeikh Ishak Rawahih berada di Mekah dan berdebat dengan Imam Syafie.
- Diceritakan Syeikh Ishak dapat berhujah dengan membuktikan hadis-hadis sahih berdasarkan sanad yang ramai dan tepat.
- Imam Syafie dengan tenang menggunakan hujah al-Quran dan hadis-hadis yang masyhur dapat menunjukkan bahawa sumber ilmunya lebih autentik dari sumber hadis Syeikh Ishak Rawahih itu.
- Di Mekah ini, namanya menjadi semakin terbilang, lebih-lebih lagi apabila beliau telah mencapai usia matang 40-an.
- Pada pertengahan tahun 190-an, beliau kembali ke Baghdad untuk berkhidmat di bawah khalifah, termasuklah Khalifah al-Makmun pada tahun 198 Hijrah.
- Ketika di Mekah, beliau pernah dikunjungi oleh Imam Ahmad dan apabila berada di Baghdad, mereka bersama sekali lagi untuk mengembangkan ilmu fiqh.
- Malah, Imam Syafie banyak bermalam di rumah Imam Ahmad bagi maksud muzakarah ilmu.
- Pernah suatu ketika anak-anak Imam Ahmad diminta oleh ayahnya untuk berkhidmat menyediakan air dan persiapan untuk tahajjud dan amalan malam yang lain.
- Namun, kesemuanya tidak disentuh kerana beliau menggunakan wuduk yang sama untuk Isyak dan Subuh disebabkan sepanjang malam berfikir tentang hukum-hakam.
- Di Baghdad inilah kemudiannya beliau bertemu dengan ulama besar lain, iaitu Abdul Rahman al-Mehdi.
- Abdul Rahman meminta asy-Syafie menerangkan tentang bagaimana sesuatu hukum-hakam itu dibuat berdasarkan al-Quran, hadis, ijmak dan qias, sedangkan ada ayat al-Quran dan hadis yang mansuh.
- Daripada permintaan seumpama inilah beliau kemudiannya menulis kitab ar-Risalah.
- Semasa pemerintahan al-Makmun itu, pengaruh Greek telah masuk ke alam Islam dengan meluasnya.
- Ini menyebabkan Imam Syafie mencari tempat yang lebih selamat dan menyerahkan kepada kredibiliti Imam Ahmad untuk menangani mihnah atau bencana pengaruh Greek berkenaan.

- Khalifah al-Makmun yang berfahaman Muktazilah mahu mengeluarkan fatwa rasmi bahawa al-Quran itu adalah makhluk.
- Ini ditentang oleh Imam Ahmad sehinggalah ke akhir hayatnya.
- Imam Syafie meninggalkan Baghdad dan pergi ke Mesir untuk menambah ilmu dengan Mazhab al-Layth yang menurut Imam Syafie, keilmuannya sangat tinggi, sehingga ada catatan yang menyebut lebih tinggi daripada Imam Malik, gurunya.
- Al-Layth pernah berutus surat dengan Imam Malik.
- Namun, kerana tidak mempunyai murid yang hebat, mazhab ini tidak berkembang.
- Lalu, sebahagian besar daripada murid-muridnya mengikuti Mazhab Syafie, misalnya, dari Muhzani dan Jawariah kemudiannya.
- Apabila Imam Syafi'e berada di Mesir, beliau bertemu dengan seorang gurunya yang baharu, seorang wanita, iaitu Sayyidah Nafisah binti al-Hasan, menantu kepada Jaafar as-Siddiq.
- Nafisah merupakan juga murid kepada Imam Malik, dan mempunyai ilmu yang tinggi dalam bidang fiqh dan hadis.
- Di Mesir inilah kemudiannya beliau bertemu dengan Halaqah al-Layth Ibnu Ishak, yang telah meninggal dunia pada tahun 175 Hijrah.
- Ertinya, apabila beliau pergi ke Mesir pada tahun 199 Hijrah itu, Imam al-Layth telah pun meninggal dunia dalam tempoh 24 tahun.
- Imam Malik juga dikatakan pernah berguru dengan guru lain, atau setidak-tidaknya bermuzakarah.
- Di Mesir ini, Imam Syafie memperkemaskan ilmunya dengan berhujah hampir dengan keseluruhan mazhab yang ada, baik dengan mazhab al-Auza'i yang berada di Syam, mahupun pengikut fanatik mazhab Maliki, disamping mazhab-mazhab yang lain.
- Pada masa inilah beliau dikatakan telah menulis risalah dan risalahnya yang ditulis di Baghdad telah pun diulangkaji untuk dilengkapkan.
- Beliau banyak berguru dengan Nafisah, sehinggakan hubungan guru-murid dengan Nafisah itu sangat mendalam.
- Daripada gurunya inilah idea-idea tentang fatwa serta fiqh dan hadisnya sebelum ini dikembangkan menjadi khazanah dalam kitab al-Umm.
- Beliau mempunyai murid yang terkemuka, iaitu al-Mukhzani yang bukan sahaja menjadi muridnya, tetapi juga menjadi pengkritiknya yang sangat membina.
- Misalnya, al-Mukhzani pernah bertanya tentang kenapa kita tidak boleh mempersoalkan keputusan Ijma' Ulama', sedangkan tidak ada satu ulama' pun yang pasti dia telah memiliki keseluruhan ilmu?

- Al-Mukhzani kemudiannya merumuskan kesemua idea-idea asy-Syafi'e dalam al-Mukhtasar dan kemudiannya idea-idea Syafi'e beratus-ratus tahun kemudiannya telah dikembangkan oleh an-Nawawi.
- Kemampuan Imam Syafi'e berdebat, khususnya dalam usaha memperbaiki pandangan-pandangan ulama', termasuk Imam Malik, menyebabkan murid Imam Malik menjadi berang.
- Di Mesir inilah Imam Syafie mengembangkan lagi kitab ar-Risalah dengan menggabungkan ilmu Mazhab al-Layth sehingga terhasilnya kitab al-Umm yang masyhur itu.
- Imam Syafie terus memberikan kuliah dan berdebat, termasuklah memperbaiki mana-mana hujah Imam Malik yang sebelum ini.
- Murid Imam Malik yang fanatik tidak berpuas hati dengan Imam Syafie (lebih-lebih lagi mereka sering tidak dapat menumpaskan hujah Imam Syafie) mengambil tindakan ganas untuk membelasah Imam Syafie.
- Imam Syafie dikatakan sememangnya ada masalah barah usus.
- Akibat dipukul itu, beliau jatuh sakit lalu meninggal dunia di Mesir pada tahun 204 Hijrah.
- Ada catatan lain yang menyebut mengenai Imam Syafie dibelasah berkenaan berlaku di Yaman, bukannya di Mesir.
- Jenazahnya dibawa ke rumah gurunya, Nafisah, untuk disembahyangkan dan dikebumikan bersebelahan dengan kubur al-Layth, berdekatan dengan masjid Amru al-As.
- Sungguhpun Imam Syafi'e tidak dapat bersama dengan al-Layth seumur hidupnya tetapi beliau bersebelahan dengannya ketika mati.



Di Mesir, beliau berguru dengan Sayyidah Nafisah bint al-Hassan, berguru dengan mazhab al-Layth Ibnu Sa'ad, menulis kitab al-Umm, berhujah bagi memperbaiki mazhab-

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

mazhab lain dan meninggal dunia (sebahagian besarnya berpunca daripada dibelasah, dan sebahagiannya kerana masalah ususnya, wallahua'lam). Beliau memulakan hayatnya di Palestine, mengembara sebahagian besarnya di Timur Tengah, dan meninggal dunia di Mesir ini, dan dikebumikan di sebelah kubur al-Layth, berdekatan dengan Masjid Amru al-'As.

- InsyaAllah kita hentikan Bab kita pada kali ini.
- Kita mulakan perbincangan ini dengan Imam Syafie dan bukannya Imam Abu Hanifah walaupun Imam Abu Hanifah yang lahir terlebih dahulu, bagi memberi penghormatan kepada Imam yang mana mazhabnya menjadi ikutan kita.
- InsyaAllah, pada Bab akan datang, kita akan membincangkan Nukman bin Thabit atau Imam Abu Hanifah.
- Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Bab 4: Imam Abu Hanifah (Bahagian 1), Peniaga yang Warak di Kuffah

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillahirabbil alamin

Wassalatu wassalamu ala asyrafil ambiya iwal mursalin

Wa ala alihi wasahbihi ajmain

Amma ba'd

- Pernah satu ketika, seorang pemuda merasakan amat bersalah atau berdosa kerana memakan buah daripada dahan pokok rumah orang lain yang terkeluar daripada pagarnya.
- Kerana takutkan balasan Allah SWT kerana memakan makanan yang haram, pemuda berkenaan berjumpa dengan tuan rumah, lalu memohon supaya dihalalkan buah yang dimakan berkenaan.
- Tuan rumah berkenaan enggan memaafkan pemuda itu, melainkan sekiranya dia bersetuju mengahwini anak perempuannya yang dikatakan pekak, bisu, dan mempunyai masalah sakit puan yang tertentu.
- Ada catatan yang meyebut, anaknya itu juga buta.
- Pemuda berkenaan memohon untuk berfikir beberapa ketika, akhirnya bersetuju sebagai syarat untuk mendapat kemaafan daripada tuan punya pokok tadi.
- Setelah selesai semua majlis pernikahan, pemuda itu pun lalu bertemu bakal isterinya dengan memberi salam.
- Amatlah terkejut baginya, kerana isterinya itu tidak pekak, bisu, buta, dan selainnya, sebagaimana yang dikatakan oleh bapanya.
- Bapanya tahu hanya pemuda yang beriman sahaja yang sedia memohon maaf dan sanggup menerima balasan terhadap kesalahan yang dilakukannya.
- Lalu ia mahukan pemuda itu menjadi menantunya kerana anak perempuannya tidak pernah mendengar, bercakap atau melihat perkara-perkara yang mendatangkan dosa.



Kuffah pada zaman para sahabat dan Tabi'in, merupakan kota yang penuh kontroversi. Di luar kota inilah, yakni di Karbala', Sayidina Husin RA dibunuh. Di Kota inilah pelbagai akidah, baik Khawarij mahupun Syiah, berkembang. Fatwa tentang Islam berbeza di tempat yang berbeza, maka tidak hairanlah Imam Abu Hanifah mempunyai fiqh yang sangat berbeza sebagai respons terhadap kepelbagaian masalah masyarakat di Kuffah. Malah, ada disebut individu yang mempunyai pemikiran yang jauh dan berlainan seperti Sayidina Ali, Ibnu Mas'ud dan Abu Musa al-Asha'ari, yang boleh memahami masyarakat Kuffah dan mengeluarkan fatwa fiqh untuk masyarakat seperti ini dan inilah yang dipelajari oleh Abu Hanifah. Wallahua'lam.

- Itulah Thabit dan isterinya, yang merupakan bapa kepada Imam Abu Hanifah Rahimahullah.
- Hanifah adalah nama anak perempuannya dan menurut sesetengah catatan, Hanifah membawa maksud 'yang membawa dakwat'. Beliau lahir pada tahun 80 Hijrah di Kuffah dan meninggal dunia pada 150 Hijrah.
- Abu Hanifah hidup pada zaman penghujung Kekhalifahan Umayyah dan memerhatikan dengan dekat peristiwa berkaitan dengan penggulingan Umayyah dan pemerintahan Abbasiyah pada tahun 132 Hijrah.

- Nama sebenarnya ialah Nuqman ibn Thabit ibn Zuta ibn Marzaban, yang berasal daripada keluarga hamba, setelah kawasan jajahannya di Parsi, iaitu Kabul, Afghanistan pada hari ini, dikuasai oleh umat Islam.
- Zuta pernah menjadi hamba kepada Sayidina Ali RA, dan memeluk Islam dengan nama Nuqman, nama yang sama untuk cucunya, Abu Hanifah.
- Sayidina Ali pernah mendoakan supaya Nuqman akan diberikan keturunan di kalangan hamba yang bertakwa.
- Berkat doa berkenaanlah, pemuda bernama Thabit dan Abu Hanifah dilahirkan.
- Bapanya adalah seorang peniaga pakaian, khususnya sutera, yang sangat berjaya, berpusat di Kuffah.
- Sejak kecil lagi, Abu Hanifah menolong bapanya dan beliau sangat pandai dalam selok-belok perniagaan.
- Abu Hanifah terkenal dengan kewarakannya, sehinggakan ada tanda sujud pada dahinya dan tanda air mata mengalir pada pipinya.
- Beliau tinggi lampai dan segar dan sentiasa berpakaian kemas dan indah.
- Sebelum kita menceritakan ciri-ciri terpuji beliau sebagai peniaga yang warak, yang sewajarnya dicontohi, wajarlah kita fahami bagaimanakah keadaannya Kota Kuffah itu.
- Ini kerana, Abu Hanifah lahir dalam satu masyarakat yang sedang bergolak dan berkecamuk dengan pelbagai falsafah dan ideologi dan beliau menghasilkan hukum fiqh yang dapat diterima oleh masyarakatnya.
- Sesetengah golongan mengkritik fiqh Abu Hanifah yang dianggap sangat longgar dan banyak menggunakan hujah akal.
- Fiqhnya terkenal dengan fiqh Madrasah Ahli Ra'yi, iaitu yang membenarkan pelbagai pandangan digunakan bagi mendapatkan manfaat penuh daripada ajaran al-Quran dan Hadis untuk tujuan kebaikan masyarakat.
- Kuffah berada di bawah penaklukan Islam pada zaman Umar al-Khattab, dan kota ini berada di bawah pengaruh orang-orang Kristian buat tempoh yang lama dan masyarakatnya terkenal dengan banyak rungutan.
- Sa'ad bin Abi Waqas pernah dihantar menjadi gabenor, diikuti dengan Ammar bin Yasir, kemudiannya Ibnu Mas'ud sendiri.
- Sebagaimana yang kita ketahui, di Kuffah inilah nanti berlakunya pembunuhan Sayidina Husin RA (di Karbala'), dan kemudiannya di

kawasan inilah juga munculnya gerakan seperti Khawarij dan Syiah, khususnya kumpulan daripada gerakan Tawwabun, yang pernah kita bincangkan ketika menghuraikan Peristiwa Karbala' yang lalu.

- Selain daripada Ahli Ra'yi, terdapat juga kumpulan Ahli Hadis, yang cuba memahami hadis sebagai tunggak bagi menyampaikan pandangan, sebagaimana yang ada pada ajaran Imam Malik dan juga Imam Ahmad bin Hanbal kemudiannya.
- Satu kumpulan lagi yang berada di Kuffah itu adalah kumpulan al-Zahri, yakni memahami hadis secara literal, dan mahukan hukum fiqh berdasarkan perkataan-perkataan yang ada pada hadis.
- Kumpulan ini dipimpin oleh Daud bin Ali.
- Di kawasan Kuffah ini jugalah adanya pengaruh-pengaruh Greek yang kemudiannya menyebabkan munculnya amalan atau pegangan seperti Muktazilah, selain daripada Khawarij dan Murji'ah.
- Selain daripada Kuffah, di bahagian Selatannya terdapat Kota Basrah yang secara amnya mempunyai masalah perselisihan akidah, politik, dan fiqh mirip Kuffah.
- Di bahagian Utaranya pula (kira-kira 100km), terdapatnya kota Baghdad yang kemudiannya menjadi pusat pemerintahan Abbasiyyah pada zaman penghujung umur Imam Abu Hanifah.
- Kuffah adalah kawasan yang disenarai hitamkan oleh pemerintahan Umayyah kerana merupakan kawasan yang paling kuat memusuhi Bani Umayyah.
- Hanya ketika pemerintahan Umar bin Aziz ketegangan dapat diredakan untuk seketika.
- Abu Hanifah, sebagai seorang peniaga, sangatlah tertib dan beliau mempunyai pekerja yang juga rakan kongsinya, bernama Has Abdurrahman.
- Pernah satu ketika, datang seorang wanita yang miskin hendak membeli pakaian dan beliau hanya mengenakan harga kos sahaja.
- Perlu diingat, beliau sangat terkenal dengan menderma dan bersedekah.
- Pada setiap Jumaat, beliau akan menderma 20 dinar kepada masjid bagi menyedekahkan pahalanya kepada orang tuanya.
- Pada satu ketika yang lain pula, datang seorang wanita ingin menjual pakaian dengan menawarkan harga 100 dirham.
- Beliau memberitahu bahawa beliau sanggup membeli pakaian berkenaan tetapi katanya 100 dirham itu tersangat murah.
- Wanita berkenaan lalu menawarkan pada harga 200 dirham, kemudiannya 300 dirham dan akhirnya 400 dirham.

- Melihatkan Abu Hanifah masih mengatakan harga itu murah, wanita berkenaan merasakan dirinya seolah-olah dipersendakan oleh Abu Hanifah.
- Beliau lalu memanggil orang yang berminat untuk membeli pakaian berkenaan dan orang tersebut berminat membeli pada harga 500 dirham.
- Abu Hanifah lalu membeli pada harga berkenaan.



Kita mungkin nampak ketakwaan seseorang itu apabila dia berada di atas tikar sembahyang atau beribadat di masjid. Namun, Abu Hanifah mempunyai ketakwaan yang begitu tinggi, sehingga kita akan dapati betapa beliau sentiasa mengingati Allah SWT, dengan sentiasa mengikuti hukum-hakam ketika berniaga dan sentiasa membantu orang yang susah. Syeikh Abdal Hakim Murad menggunakan istilah 'mercantile piety', ketakwaan pasaran, bagi merujuk kepada akhlak Abu Hanifah ini.

- Perlulah dicatatkan di sini, bahan cerita-cerita tentang watak terpuji ini kadangkalanya ada unsur hiperbola, berlebih-lebihan.
- Kadangkala, berlainan pula jalan ceritanya.
- Namun begitu, pengajaran daripada cerita seumpama ini yang perlu kita teladani, kerana kalau keuntungan semata-mata yang dicari, sudah tentulah Abu Hanifah boleh membeli pada harga 100 dirham, atau menawarnya menjadi 50 dirham, kemudian menjualnya pada harga 500 dirham.
- Pernah satu ketika pula, Has Abdurrahman pernah menyebut ada sedikit kecacatan pada pakaian yang hendak dijual, namun terlupa untuk diberitahu kepada pelanggan.
- Abu Hanifah mahu tahu kepada siapa ianya dijual dan berapa pula harganya.

- Has tidak ingat kepada siapa, tetapi harganya dijual sekitar 500 dirham.
- Kerana tidak mengetahui siapakah yang telah membelinya, beliau menyedekahkan semua hasil perniagaannya pada hari itu kepada orang miskin.
- Beliau juga tidak lokek meminjamkan wangnya kepada orang lain.
- Pernah satu ketika, ada seseorang meminjam wang kira-kira 100 dirham daripada Abu Hanifah tetapi telah menyorok setiap kali bertemu dengan Abu Hanifah kerana tidak dapat bayar mengikut tarikh yang dijanjikan.
- Satu ketika, Abu Hanifah dapat mengesan beliau sedang menyorok, lalu bertanya mengapa beliau menyorok.
- Lelaki berkenaan menjawab, beliau takut dan malu untuk berdepan dengan Abu Hanifah kerana hutangnya yang tidak dibayar itu.
- Abu Hanifah merasakan dirinya amat berdosa kerana menyebabkan orang yang diberi pinjam itu terpaksa menyorok dan lari daripadanya hanya kerana dia memberi pinjam dan tidak dapat membayar pada tarikh yang dijanjikan, lalu meminta maaf sambil memeluk pemuda berkenaan.
- Beliau sangat tegas tentang riba'.
- Kebiasaannya beliau menjual barang-barang pada harga yang tetap.
- Ertinya, kalau barangan itu boleh dijual pada harga RM500, kenapa kita hendak membuka harga pada RM650.
- Pernah satu ketika, beliau bernaung di dahan sebuah pokok yang terkeluar daripada kawasan pagar rumah.
- Lalu datang seorang yang hendak berurusan dengannya, yang sedang bernaung di bawah pokok berkenaan.
- Lalu ditanya kepada orang berkenaan, siapakah tuan punya rumah ini?
- Apabila diberitahu tuan rumah berkenaan adalah orang yang ada meminjam wang daripada Abu Hanifah, Abu Hanifah segera meninggalkan kawasan redup pokok itu, kerana ia takut hutang yang akan dibayar oleh orang itu akan bercampur dengan untung beliau menumpang tempat redup berkenaan.
- Keuntungan ini dikhuatiri beliau sebagai riba'.
- Ketika beliau sedang sibuk berniaga berkenaan, datang seorang ulama' besar pada ketika itu, iaitu Amir bin Syurahbil asy-Sya'bi yang memberitahu beliau bahawa, "Aku mendapati engkau mempunyai keistimewaan yang lain daripada yang lain. Tempat engkau sebenarnya adalah sebagai seorang ilmuwan."

- Pada ketika itu, umur beliau sekitar 20 tahun.
- Perlulah dicatatkan di sini bahawa tidak seperti Imam Syafie yang sejak kecil lagi telah menghafal al-Quran, kemudiannya menghafal kitab al-Muattaq Imam Malik, Imam Abu Hanifah sememangnya diberikan pendidikan agama kerana ibu-bapanya (sebagaimana yang diceritakan pada awal tadi) datang dari keluarga yang warak serta mendapat barakah doa Sayidina Ali RA.
- Beliau hanya menimba ilmu selepas usia 20 tahun secara berguru dengan ulama' fiqh terkemuka di Kuffah, iaitu Hammad ibn Abi Sulayman.
- Abu Hanifah pada peringkat awalnya berminat dengan ilmu kalam, atau akidah.
- Kemudiannya, beliau berasa tidak tenang dengan ilmu itu, lalu berpindah kepada ilmu hadis, dan mendapati ilmu berkenaan begitu terperinci.
- Beliau mahukan ilmu agama yang dapat memberikan manfaat tentang apakah yang halal dan yang haram, yang patut dilakukan dan dijauhi oleh umat Islam.
- Akhirnya, beliau menumpukan dalam bidang fiqh di bawah ajaran Hammad ibn Abi Sulayman itu tadi.
- Setelah kira-kira 10 tahun menuntut ilmu, beliau rasakan teringin untuk mengajar, dan berdoa kepada Allah SWT supaya diberikan peluang berkenaan.
- Ketika berjumpa dengan gurunya, gurunya memberitahu bahawa dia terpaksa pergi ke Basrah kerana ada ahli keluarganya yang meninggal dunia, lalu meminta Abu Hanifah menggantikannya.
- Abu Hanifah mengambil peluang berkenaan dengan penuh amanah.
- Ada satu catatan menyebut dalam kuliah-kuliahnya, pernah sebanyak 60 soalan ditanyakan, dan beliau menulis bukan sahaja soalan-soalan, tetapi jawapan-jawapan yang diberikan kepada pendengar-pendengar kuliahnya itu.
- Pernah diceritakan kepada anak kepada Hammad, ketika bapanya berada di Basrah, bapanya berada dalam keadaan sedih yang berpanjangan.
- Lalu anaknya bertanya, bukankah ayah seorang guru yang besar, kenapakah kematian ini menyebabkan ayah begitu bersedih?
- Bapanya Hammad berkata, "Aku sedih kerana sudah lama tidak dapat berjumpa Abu Hanifah," murid yang disayanginya.
- Sekembalinya Hammad dari Basrah, Abu Hanifah meminta gurunya menyemak jawapan-jawapan yang diberikan, lalu diberitahu oleh

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

gurunya, 20 daripada 60 jawapan berkenaan tidak dipersetujui oleh gurunya.

- Lalu, beliau berasa bahawa beliau perlu terus belajar, dan menyambung belajar dengan Hammad ibn Abi Sulayman dalam tempoh 8 tahun lagi kemudiannya.
- Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, walhamdulillah rabbil alamin.

Bab 5: Imam Abu Hanifah (Bahagian 2), Kekuatan Akal yang Bertunjangkan Keimanan

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah Rabbil Alamin

Wassolatu wassalamu ala sayyidina Muhammad

Wa ala alihi wasohbihi ajmain

Amma Ba'd

- Ahli kimia, dengan seluruh kekuatan ilmunya, berkemampuan menghasilkan ubat-ubatan berasaskan dadah (*drug*) tetapi hanya para doktor sahaja yang dapat menentukan kadar kandungan ubat berkenaan bagi membolehkan pesakit mendapat manfaat daripadanya.
- Pernyataan di atas amatlah berkait dengan apa yang dikatakan oleh Abu Hanifah apabila beliau memberikan kias tersebut terhadap ilmu hadis dan ilmu fiqh.
- Pakar hadis memanglah diperlukan tetapi untuk membolehkan sesuatu hukum itu ditentukan, hadis-hadis berkenaan haruslah difahami dalam konteks ianya disampaikan dan juga dalam konteks masalah yang hendak diselesaikan dan ini memerlukan kepada ilmu fiqh.
- Sebagaimana yang kita ketahui, Imam Abu Hanifah berasal dari Afghanistan, jajahan Parsi pada ketika itu dan untuk pengetahuan kita, sebahagian besar ahli fiqh yang terkemuka pada zaman itu bukanlah dari kalangan orang Arab, ia sama ada dari golongan hamba dari negara yang dijajah, ataupun dari kalangan penduduk luar Tanah Arab.
- Pernah suatu ketika seorang Arab yang sangat kuat *asabiyyahnya*, bernama Isa ibn Musa bertanya kepada ulama Abu Layla tentang ulama-ulama yang berada di Mekah, Madinah, Yaman, Basrah, Syam dan Qurasan.



Perhatikan bagaimana ada seorang yang kehilangan barang berjumpa dengan Abu Hanifah membantu mencari barangnya yang hilang itu. Abu Hanifah menyuruhnya supaya memperbanyakkan sembahyang. Selepas bersembahyang, orang berkenaan pun dapat menemui barangnya, lalu berjumpa Imam Abu Hanifah memberitahu tentang kehebatan Imam Abu Hanifah dan bagaimana dia boleh tahu cara menemukan barangnya itu. Imam Abu Hanifah berkata, ketika kita sembahyang, syaitan akan banyak menggoda kita dan dia yang memberikan ilham di mana barang itu hilang agar kita tidak lagi khusyuk bersembahyang, Wallahua'lam.

- Kesemua ulama-ulama berkenaan bukan dari kalangan orang-orang Arab.
- Ulama Mekah, misalnya, Ata' ibn Rabbah, Mujahid, bukanlah dari kalangan orang Arab.
- Di Basrah, misalnya, Hasan al-Basri, di Qurasan, Ata' ibn Abdillah, dan ramai lagi, semuanya bukanlah orang Arab.
- Apabila diberitahu oleh Abu Layla kepada Isa, Isa menjadi cengeng lalu ia bertanya kepada Abu Layla siapakah ulama Kufah?
- Abu Layla mahu menyebut Hamad ibn Sulaiman, yang merupakan guru kepada Abu Hanifah dan ianya bukan dari kalangan orang Arab, tetapi kerana kkuatirkan kemarahan Isa ibn Musa, Abu Layla menyebut Abdul Rahman an-Naka'i dan Ibnu SyaRa'yil ash-Shahbi yang merupakan keturunan Arab.
- Isa, dengan seronoknya melaungkan Allahu Akbar.
- Kisah ini hendak menerangkan betapa ilmu-ilmu agama tidak dikuasai lagi oleh orang-orang Arab dan ini sangat bertepatan dengan hadis baginda Nabi Muhammad SAW, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, iaitu antara lainnya, "Ketika Nabi SAW mengajar kami surah al-Jumu'ah, Baginda ada menyebut bahawa ilmu nanti akan hilang naik ke bintang.
- Lalu para sahabat bertanya, bagaimana keadaannya nanti, beberapa kali.

- Lalu masuk Salman al-Farisi, yang merupakan golongan bukan Arab (dari Parsi) lalu baginda memeluk Salman lalu berkata, “Ia akan berjaya diambil oleh keturunanmu, al-Farisi.”
- Hadis ini difahami oleh kebanyakan ulama (sesuai dengan contoh-contoh kisah di atas), misalnya Fatul Bari, sebagai, di antara ulama bukan Arab yang sering dikaitkan dengan hadis ini ialah Imam Abu Hanifah sendiri.
- Abu Hanifah, pernah dicatatkan dalam sejarah sebagai empat orang yang pernah menghabiskan bacaan Quran (satu kitab), dalam satu rakaat.
- Selain daripada Abu Hanifah, tiga yang lain ialah Usman ibn Affan, Tamin ad-Dhari dan Said al-Jabir.
- Kewarakan atau keimanan Imam Abu Hanifah amat terserlah melalui beberapa peristiwa yang berikut:
- Pertamanya, pada suatu ketika, dalam solat, imam membaca surah al-Zalzalah, yang mana pada penghujung ayat berkenaan Allah SWT ada berfirman, segala amalan, baik atau buruk, sebesar zarah sekalipun, akan dihitung oleh Allah SWT.
- Selesai sembahyang itu, Abu Hanifah terus duduk memohon keampunan Allah SWT sambil menangis (ketika itu merupakan solat Isyak).
- Para penjaga masjid yang ingin mengemas masjid dan menutupnya membiarkan Imam Abu Hanifah bersendirian di tempatnya dan hanya kembali ketika hendak melaungkan azan sebelum azan Subuh.
- Didapati Abu Hanifah masih berada di tempat berkenaan, dalam keadaan air mata berlinangan sambil memegang janggutnya.
- Beliau sering diheboh-hebohkan sebagai lelaki yang tidak pernah tidur malam kerana melakukan solat malam sehingga kadang-kadang apabila terserempak dengan remaja yang mengetahui beliau ialah Abu Hanifah, mereka akan bertanya “Adakah ini tuan yang sentiasa berjaga malam?” Wallahua’lam.
- Di rumahnya, di sebelah malam, beliau akan menumpukan masanya hanya untuk Allah SWT.
- Namun, ada jirannya yang selalu mabuk mengatakan dirinya dibiarkan oleh masyarakat sehingga menjadi sedemikian.
- Abu Hanifah tidak pernahpun berasa dirinya terganggu.
- Malah, menurut Syeikh Omar Suleiman, seorang ulama dari Palestin, bolehlah kita katakan bahawa beliau tentunya mendoakan jirannya melihatkan watak mulianya (Abu Hanifah) itu.

- Beberapa hari kemudiannya, tidak lagi kedengaran suara jirannya yang mabuk itu.
- Beliau pergi ke rumah jiran berkenaan tetapi jiran itu tidak ditemui.
- Beliau bertanyakan hal jiran itu dan diberitahu jiran itu ditangkap, antara lain atas tuduhan tidak membayar hutang.
- Imam Abu Hanifah bersetuju untuk membayar hutang piutangnya yang sebanyak 85,000 dirham untuk membolehkan jirannya dikeluarkan dari penjara.
- Pemuda itu bertanya kepada Abu Hanifah, kenapa Abu Hanifah ingin menjamin beliau, lalu dijawab Abu Hanifah, “Bukankah aku ahli masyarakat yang tidak mengambil berat tentang kau, sebagaimana yang engkau sebut sepanjang malam itu?”
- Perhatikan akhlak Abu Hanifah, pemuda itu menjadi insaf, malah ada catatan menyatakan beliau menjadi guru agama kemudiannya.
- Zaman Abu Hanifah merupakan zaman pergolakan.
- Khalifah Umayyah selepas Umar Abdul Aziz, seperti Yazid II, Hisyam dan juga Marwan II dikatakan memerintah dengan zalim.
- Terdapat gerakan Alawiyyin yang mendokong ahli keluarga dari keturunan Sayyidina Ali, khususnya yang diperintah oleh Zaidi bin Ali Zainal Abidin bin Hussein bin Ali.
- Perhatikan kezaliman berkenaan, Abu Hanifah juga memberi sokongan meskipun tidak terlibat secara fizikal.
- Malah, beliau ada menyebut bahawa gerakan itu mirip gerakan Badar.
- Sebagaimana yang kita tahu, gerakan pada 121 Hijrah ini juga gagal, menyebabkan Zaidi terbunuh.
- Mengetahui Abu Hanifah memberi sokongan kepada gerakan ini, gabenor Kufah yang bernama Jaafar, pada peringkat awalnya memberikan jawatan ketua kewangan kepada beliau namun ditolak walaupun ditawarkan dengan jawatan lain pula kerana Abu Hanifah tidak mahu bekerjasama dengan orang yang telah membunuh banyak jiwa Islam.
- Keengganan beliau telah menyebabkan beliau dipukul dan dimasukkan ke dalam penjara.
- Abu Hanifah telah menggantikan gurunya Hamad ibn Sulaiman yang meninggal ada usia muda 49 tahun, dan digantikan oleh Zufar seketika, yang juga telah meninggal dunia awal, sebelum Abu Hanifah menjadi pemimpin halaqah di Kufah itu.
- Dikatakan pada ketika itu terdapat lebih 50 halaqah.
- Apabila Abu Hanifah mula menjadi guru, kesemua halaqah berkenaan berada di bawah jagaan beliau.


- Oleh itu, apabila beliau dipenjarakan, orang-orang di bawah jagaan dan murid-muridnya telah menentang sehinggakan gabenor tidak mempunyai banyak pilihan kecuali melepaskan beliau.
- Beliau pergi ke Mekah dan juga Madinah untuk menuntut ilmu sambil menunaikan haji dan umrah.
- Ada catatan menyebut beliau telah mengerjakan umrah dan haji melebihi 50 kali.
- Beliau pernah bertemu dengan Imam Malik yang mendokong Madrasah Ahli Hadis, di samping ulama-ulama besar yang ada di Mekah dan Madinah.
- Nama beliau semakin dikenali ramai lalu khalifah di Baghdad iaitu Jaafar al-Mansur telah memanggil beliau untuk diberikan pelbagai jawatan.
- Sebagaimana yang kita dapat jangkakan, beliau menolak semua jawatan berkenaan, mengetahui akan berlaku penyelewengan pemerintahan yang ada.
- Sejak kecil lagi kekuatan akal beliau telahpun terserlah.
- Pernah suatu ketika, terdapat golongan *atheist* yang disebut ad-Dahri sering memperolok-olokkan agama dengan bertanya soalan-soalan yang pelik seperti, “Apakah yang ada sebelum Allah ada, Allah sedang memandang ke mana dan apakah yang Allah sedang buat sekarang ini?”
- Soalan-soalan seperti ini memang tidak mudah untuk dijawab dan tentulah tidak ramai yang mahu melayan.
- Abu Hanifah, yang ketika peristiwa ini berlaku masih kecil lagi, telah berdepan dengan ad-Dahri dan memberikan jawapan-jawapannya.
- Pada zaman itu, angka “kosong (0)” masih belum ada difahami, termasuklah angka-angka negatif.
- Lalu, pada soalan yang pertama, Abu Hanifah menjawab, dari angka sepuluh, mengundur ke satu, angka sebelum satu tentulah tidak ada, sebagaimana tidak ada sesuatupun selain Allah SWT.
- Soalan kedua, bagi menerangkan bahawa Allah SWT memandang tidak sebagaimana makhlukNya memandang, beliau mengumpamakannya dengan sebatang lilin yang dinyalakan.
- Ke mana sebenarnya cahaya lilin itu mengarah, begitulah keadaannya pandangan Allah.
- Orang ad-Dahri tadi semakin tercengang melihat kepintaran Abu Hanifah yang masih kanak-kanak itu.
- Abu Hanifah kemudiannya menjawab soalan yang ketiga, iaitu apakah yang Allah buat sekarang ini?

- Abu Hanifah menyebut, Allah sedang memalukan seorang tua dan memuliakan seorang kanak-kanak.
- Akal pintarnya digunakan untuk mempertahankan Islam dan dirinya juga.
- Pada zamannya, Khawarij sedang berkembang pesat.
- Suatu ketika, beliau hendak bergerak ke Basrah dan telah ditahan oleh orang-orang Khawarij yang terkenal dengan memahami ayat-ayat al-Quran secara *literal* yakni perkataan demi perkataan.
- Dalam keadaan orang lain ketakutan, Abu Hanifah tenang dan meminta ayat 6 surah at-Taubah dibacakan dan ayat 6 adalah seperti berikut:

“Dan jika seorang diantara orang-orang musyrikin itu meminta perlindungan kepadamu, maka lindungilah ia supaya ia sempat mendengar firman Allah, kemudian antarkanlah ia ketempat yang aman baginya. Demikian itu disebabkan mereka kaum yang tidak mengetahui.”

- Ayat 6 di atas dengan jelas menunjukkan bahawa “hendaklah kamu memberi perlindungan kepada orang kafir.”
- “Oleh kerana kami ini kafir di sisi orang Khawarij, maka Allah mewajibkan kamu memberi perlindungan kepada kami.”
- Semasa di Baghdad, Khalifah Jaafar al-Mansur pernah suatu ketika berkrisis dengan isteri-isterinya kerana dikatakan beliau terkenal berkahwin banyak dan bercerai banyak.
- Ada isterinya yang membantah, lalu meminta Abu Hanifah untuk memberi fatwa tentang kesnya.
- Jaafar bertanya kepada Abu Hanifah berapakah seorang lelaki itu boleh memiliki isteri?
- Lalu Abu Hanifah membacakan surah an-Nisa* yang mengatakan boleh sehingga empat.
- Khalifah Jaafar berpuas hati.
- Namun, diberitahu juga bahawa sekiranya kamu takut tidak berlaku adil, hendaklah kamu berkahwin satu sahaja.
- Krisis dalam keluarga Jaafar ini menunjukkan beliau tidak boleh berlaku adil.
- Maka, wajarlah beliau berkahwin satu sahaja.

- Dicatatkan isteri Jaafar ada memberi pelbagai hadiah kepada Abu Hanifah lalu diminta untuk dipulangkan kerana tugas dan kewajipannya adalah untuk menegakkan hukum kerana Allah.
- Keengganan Imam Abu Hanifah untuk memegang jawatan sebagaimana yang disebut di awal tadi telah menyebabkan beliau tidak disenangi oleh khalifah, lebih-lebih lagi murid-murid beliau semakin ramai dan pengaruhnya sangat kuat.
- Abu Hanifah kemudiannya dipenjarakan.
- Semakin lama beliau dipenjarakan, kedudukan khalifah semakin goyah.
- Namun, ada catatan yang menyebut Abu Hanifah diracun di dalam penjara dan meninggal dunia.
- Ada catatan lain menyebut setelah beliau sakit, beliau dipenjarakan dalam tahanan rumah dan meninggal dunia di rumahnya.
- Abu Hanifah ada berwasiat bahawa beliau tidak mahu jasadnya dikebumikan di tanah penguasa yang menyeleweng.
- Pada masa yang sama, Khalifah Jaafar yang mahu menunjukkan penghormatannya kepada Imam Abu Hanifah menyebut bahawa “Kalau aku mati, aku mahu kuburku berada dengan ulama seperti Abu Hanifah.”
- Abu Hanifah meninggal di Baghdad dan sebagaimana yang kita ketahui, jasadnya dikebumikan di Kufah, berdekatan Masjid Kufah.



More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Imam Abu Hanifah meninggal dunia di Baghdad, tetapi tidak mahu jenazahnya dikebumikan di tanah pemerintah yang menyeleweng (Khalifah al-Mansur), lalu dibawa ke Kuffah. Antara lain, Imam Abu Hanifah (berkaitan dengan akidah) pernah menyebut, "Aku tidak takut sekiranya tersalah menyebut seribu orang yang kufur sebagai orang yang beriman. Tetapi aku takut menyebut seorang yang beriman sebagai kufur. Demikian itu, beliau tidak berminat mendalami ilmu akidah, tetapi lebih kepada ilmu fiqh yang dapat membantu umat menjadi hamba Allah SWT yang beriman dengan mematuhi hukum-hakam, Wallahua'lam.

- Khalifah Jaafar al-Mansur antara lain menyebut Abu Hanifah memberi amaran semasa hidupnya dan masih memberi amaran kepadaku semasa matinya.
- Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Bab 6: Imam Malik (Bahagian 1), “Aku Tidak Tahu” (La Addri)

- Bismillahirrahmanirrahim
 - Alhamdulillahirabbilalamin
 - Wassalatu wassalamu ala asyrafil ambiya iwal mursalin
 - Wa ala alihi wasahbihi ajmain
 - Amma Ba’d
-
- Mengerjakan sunnah ibarat menaiki bahtera Nabi Nuh AS.
 - Barangsiapa meninggalkan sunnah, maka dia akan tenggelam ditinggalkan oleh bahtera itu.
 - Kata-kata di atas amat berkait dengan apa yang pernah disebut oleh Imam Malik, yang amat kuat menekuni pelaksanaan amalan sunnah Baginda SAW.
 - Imam Malik bin Anas bin Malik bin Amar al-Sya’bi, merupakan seorang imam yang terkemuka dari keturunan Yaman.
 - Lahir pada tahun 93 hijrah dan mendapat barakah umur yang panjang dengan ilmu hadis, Imam Malik meninggal dunia pada tahun 179 hijrah.
 - Keluarganya merupakan keluarga ulama’, khususnya datuknya, Malik yang merupakan orang yang terlibat pada zaman Sayidina Uthman untuk mengumpulkan mushaf yang disebut sebagai Mushaf Uthmaniyah.
 - Bapanya terkenal sebagai ulama’.
 - Ada catatan menyebut bahawa tukang buat panah adalah profesion bapanya.
 - Bapa saudaranya, Suhail, merupakan guru kepada pengumpul hadis yang pertama, iaitu Ibnu Syihab al-Zuhri, yang kemudiannya menjadi guru kepada Imam Malik.
 - Ibunya juga berasal dari Yaman, bernama Aria binti Syari’.
 - Beliau amat mengambil berat tentang ilmu agama dan terkenal dengan usahanya yang gigih mendidik Imam Malik semenjak beliau kecil lagi.
 - Beliau sering memakaikan Imam Malik dengan pakaian-pakaian ulama’, yang berserban indah dan mengharapkan Imam Malik menjadi Imam Besar di suatu hari nanti.




Bagi Imam Malik, fiqh umat Islam haruslah berdasarkan fiqh penduduk Madinah kerana merekalah yang merupakan cucu-cicit Nabi dan para sahabat yang melihat dari dekat, sebagaimana amalan Nabi dan sahabat sebenarnya. Metodologi seperti ini dipersetujui oleh ramai ulama', termasuklah Ibnu Taymiyyah sendiri, walaupun beliau bermazhab Hanbali.

- Terdapat satu catatan yang menyebut bahawa, berbeza dengan abangnya Nadhir, semasa kecil, Imam Malik sendiri tidak mempunyai minat yang bersungguh-sungguh untuk menjadi ulama'.
- Beliau mempunyai hobi bermain dengan burung merpati dan ada catatan menyebut bahawa beliau berminat menjadi penyanyi, wallahua'lam.
- Namun begitu, ketegasan ibunya dan sindiran serta amaran bapanya telah dijadikan oleh Imam Malik sebagai cabaran untuk menjadi lebih hebat daripada abangnya Nadhir.
- Beliau dicatatkan mempunyai kulit yang sangat putih, rambut yang sangat perang, dan mata yang sangat biru sehingga ada catatan yang menyebut beliau seolah-olahnya albino.
- Imam Malik juga mempunyai tubuh yang tegap dan wajah yang tampan, disamping tegas pendiriannya.
- Ibunya Aria, berterus-terusan memberi semangat supaya Imam Malik menjadi ilmuwan dan memintanya supaya menumpukan ilmu tentang adab atau akhlak terlebih dahulu daripada ilmu yang lain.

- Untuk maksud itu, beliau dihantar untuk berguru dengan Imam Rabi'ah Abdurrahman ar-Ra'yi, seorang ulama' yang terkemuka di Madinah pada ketika itu.
- Imam Malik dibesarkan di Madinah, dan beliau kemudiannya membeli rumah Ibnu Mas'ud, yang terletak betul-betul di hadapan Masjid Nabawi.
- Ibnu Mas'ud, semasa pemerintahan Sayidina Umar al-Khattab, telah diminta untuk pergi ke Kuffah bagi membantu menyebarkan dakwah Islam dalam sebuah kota yang banyak cabaran akidah, falsafah dan gerakan seperti Khawarij, Syiah, dan lain-lainnya.
- Beliau terkenal dengan jolokan nama Imam Darul Hijrah, iaitu negara Hijrah baginda Rasulullah SAW.
- Abu Hanifah mempunyai metodologi ilmu dengan memerhatikan ibadah orang-orang Madinah sebagai suatu contoh yang lebih tepat untuk memahami hukum-hakam, meskipun ada hadis yang menerangkan sesuatu perkara.
- Pendeknya, bagaimana hendak bersembahyang, berpuasa, mengaji dan seumpamanya, boleh dipelajari dengan melihat bagaimana orang Madinah melakukannya.
- Ini kerana, di Madinah itulah terdapatnya anak dan cucu-cicit bukan sahaja baginda sendiri, malah keturunan para sahabat besar yang lain.
- Beliau amat dipengaruhi juga dengan metod gurunya, Nafiq, yang mendapat ilmu daripada Ibnu Umar, iaitu membiasakan diri mengatakan aku tidak tahu, "La Addri", dalam perkara-perkara yang kita tidak pasti.
- Ada satu catatan menyebut bahawa terdapat satu rombongan dari Morocco, yang jarak perjalanannya ke Mekah mengambil masa empat bulan, ingin bertanyakan soalan-soalan fiqh.
- Namun, apabila rombongan itu kembali pulang ke kotanya, daripada 40 soalan yang dikemukakan, 36 daripadanya Imam Malik menjawab bahawa dia tidak tahu.
- Sepanjang hidupnya, sebagaimana yang diketahui, beliau tidak pernah mengembara ke kota-kota lain.
- Namun begitu, pengaruh ilmunya tersebar luas ke merata negara, khususnya di Afrika dan juga di Selatan Eropah di Andalusia.
- Ibnu Rusyd, ahli falsafah Islam terkemuka dan Ibnu Hasim al-Qurtubi, kedua-duanya dari wilayah Andalusia yang memartabatkan mazhab Maliki.
- Syeikh Abdal Hakim Murad cuba mengulas perkara ini dengan menyebut, sungguhpun Imam Malik tidak pernah berkelana atau

mengembara tetapi ulama' satu dunia ketika menunaikan haji di Mekah, akan singgah ke Madinah, khususnya Masjid Nabawi yang hampir dengan rumahnya.

- Di situlah umat Islam satu dunia bermuzakarah menjadikan Masjid Nabawi sebagai universiti antarabangsa pada ketika itu.
- Imam Malik terkenal dengan Kitab al-Muattaq, murid-murid beliau kemudiannya mengumpulkan ilmunya dalam sebuah kitab yang lain yang disebut Mir Dawanna, yang menjadi rujukan sehingga ke hari ini.
- Gurunya yang penting selepas Imam Rabi'ah ar-Ra'yi, adalah Abdurrahman ibn Hurmuz (meninggal dunia kira-kira 117), yang banyak mengajarnya tentang ilmu Hadis.
- Melalui Ibnu Hurmuz beliau mempelajari tentang kata "La Addri" (Aku tidak tahu).
- Ibnu Hurmuz adalah seorang yang buta.
- Namun, ilmunya tentang hadis sangatlah tinggi, lebih-lebih lagi beliau pernah hidup pada zaman sahabat-sahabat besar masih ada, seperti Sayidina Umar, Sayidina Uthman dan Sayidina Ali serta Talhah, dan pernah belajar dengan kesemuanya.
- Beliau sangat menghormati baginda, sehinggakan tidak pernah memakai alas kaki di bumi Madinah, kerana merasa dirinya tidak menghormati jasad baginda yang dikebumikan di Madinah itu.



Imam Malik diminta oleh gurunya mempelajari atau mencontohi ilmu akhlak atau adab melalui Imam Rabi'ah ar-Ra'yi dan pentingnya ilmu adab dipelajari terlebih dahulu daripada ilmu lain seperti hadis dan fiqh menjadi teras dalam tradisi ilmu pada zaman itu. Ada ulama' yang mempelajari daripada Imam Malik pada ketika itu menyebut, "Selama 20 tahun aku belajar dengan Imam Malik, 19 tahun telah aku gunakan untuk mencontohi adabnya. Kalau boleh, aku mahu baki setahun itu pun digunakan untuk mempelajari adab dan akhlak."

- Imam Malik menuntut ilmu dengan Abdurrahman ibn Hurmuz, khusus dalam tempoh 7 tahun lamanya dan berkhidmat dengan gurunya yang buta itu untuk tempoh 5 tahun lagi, disamping guru-guru yang lain.
- Imam-imam besar sepertimana yang kita ketahui, sering memberikan pertolongan kepada gurunya.
- Imam Abu Hanifah misalnya, sebelum belajar dengan Hammad ibn Abi Sulayman, akan terlebih dahulu memberi makan kepada kambing-kambing gurunya, disamping membantu kerja-kerja yang lain, walaupun tidak disuruh oleh gurunya.
- Imam Malik antara imam yang banyak menuntut dengan guru-guru perempuan, berkat usaha ibunya.
- Ibunya sendiri pun mempunyai ilmu agama yang tinggi.
- Beliau juga dikatakan mempunyai ramai murid-murid perempuan, sehinggakan anaknya sendiri, Fatimah, kemudiannya menjadi guru agama yang tinggi, sehingga diberi autoriti untuk mengeluarkan fatwa.
- Semenjak beliau menunjukkan minat mengenai ilmu hadis khususnya, guru-gurunya telah nampak potensi yang besar pada dirinya.
- Terdapat satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang menunjukkan Imam Malik sebagai ulama' besar.
- Hadis ini mirip hadis tentang Imam Abu Hanifah yang dibincangkan sebelum ini, iaitu, Nabi pernah menyebut kepada Imam Abu Hanifah bahawa ilmu Baginda akan naik sehingga ke bintang-bintang dan dari generasi Salman al-Farisi, akan ada individu yang dapat mencapainya.
- Maka dalam kes Imam Malik, dicatatkan Nabi ada memberitahu bahawa satu ketika nanti, manusia akan menaiki unta untuk mendapatkan ilmu dengan pergi ke wilayah-wilayah luar seperti Syam dan Iraq untuk bertemu para ulama' dan tidak ada ulama' yang paling hebat pada ketika itu melainkan ulama' dari Madinah, yang sering disebut oleh ulama' kemudiannya sebagai Imam Malik.
- Kita akan menceritakan tentang bagaimana beliau nanti disiksa oleh khalifah Abbasiyah di bawah Jaafar al-Mansur sehingga bukan sahaja

lengannya menjadi *dislocated*, malahan organ dalam badannya juga tercedera.

- Namun, untuk Bab kali ini, memadailah kita ceritakan betapa serius dan tegasnya beliau dengan pendiriannya, sehingga beliau tidak akan membincangkan tentang hadis melainkan telah terlebih dahulu membersihkan dirinya dan kawasan persekitarannya.
- Malah, menurut satu pandangan ulama', ketika beliau hendak mengajar, beliau akan kelihatan seperti raja, memakai serban dan pakaian diraja yang sangat berkualiti dan mahal harganya, sebagai memberi penghormatan kepada Baginda SAW.
- Beliau sering mengajar di kawasan Raudhah dalam Masjid Nabawi dan memberitahu bahawa "Semua pandangan termasuk pandanganku boleh untuk tidak dipersetujui, melainkan pandangan hamba Allah SWT yang mendiami kubur ini," sambil menunjukkan jarinya kepada kubur Baginda.
- Beliau amat menghormati pandangan yang lain meskipun tegas dengan pandangannya, sehingga pernah satu ketika, pemerintah Abbasiyah mahu menjadikan Kitab al-Muattaq sebagai kitab rasmi yang digunakan oleh semua umat Islam.
- Beliau menolaknya kerana baginya, terdapat banyak pandangan dalam fiqh Islam, yang pada pendapatnya, pandangan-pandangan lain itu perlu dihormati dan diraikan.
- Berbeza dengan metod Imam Abu Hanifah, yang membuka seberapa luas pandangan-pandangan bagi membolehkan manfaat al-Quran dan Hadis di dalam masyarakat Islam, Imam Malik pula terkenal membina madrasah Ahli Hadis.
- Sebarang pandangan haruslah bertunjangkan kepada al-Quran dan Hadis secara tegas dan langsung.
- Kitab al-Muattaq yang membawa maksud kitab yang mendapat persetujuan, merupakan himpunan hadis baginda dan kata-kata para sahabat yang dibukukan oleh Imam Malik, setelah mendapat persetujuan 70 ulama' pada ketika itu.
- Perlulah dicatatkan di sini, mazhab yang biasa kita dengari hanyalah empat sahaja.
- Tetapi ulama' yang ada, yang boleh membentuk mazhab pada ketika itu, sangatlah banyak, sehingga tidak terhitung banyaknya.
- Di Lubnan atau wilayah Syam pada ketika itu, terdapat ulama' yang mempunyai perbezaan fiqh, iaitu al-Auza'i (157H).
- Di Mesir, terdapat Imam al-Layth Ibnu Sa'ad, di Tunisia dan Morocco, ada ulama' yang bernama Syahnun di Kota Karyawan.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

- Begitulah di Yaman, di Khurasan dan di Basrah, terdapatnya Imam Razzal As-San'i, al-Basri, Ibn Shirin dan banyak lagi.
- Namun begitu, mereka tidak mempunyai murid seperti 4 imam yang membentuk mazhab pada hari ini.
- Sebahagian besar ilmu-ilmu mereka terserap dalam 4 mazhab sahaja.
- Imam Malik hidup pada zaman penghujung khalifah Umayyah , dan awal Zaman Abbasiyah.
- Beliau sangat mengagumi kekhalifahan Umar Ibnu Aziz, sehinggakan mempunyai catatan-catatan tentang biografi Umar Ibnu Aziz ini.
- Sebagaimana yang kita ketahui, beliau kemudiannya mempunyai seorang murid yang amat berkaliber, iaitu Muhammad bin Idris, atau Imam asy-Syafi'e.
- InsyaAllah, pada Bab akan datang, kita akan membincangkan bagaimana beliau berdepan dengan pelbagai cabaran dan tekanan bagi mempertahankan keyakinannya terhadap hadis Baginda, khususnya tentang bai'ah tidak sah, sekiranya dilakukan secara paksa.
- Maka sekiranya paksaan dilakukan, bai'ah kepada pemerintah dengan sendirinya terbatal.
- Setakat ini sahaja Bab kita, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Bab 7: Imam Malik (Bahagian 2), Digeruni dan Terus Diseksa

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah Rabbil Alamin

Wassolatu wassalamu ala sayyidina Muhammad

Wa ala alihi wasohbihi ajmain

Amma Ba'd

- Kita sambung lagi Bab kita mengenai Imam Malik dan dalam Bab kita kali ini, kita akan cuba ketengahkan hibah (penggerun) yang ada pada Imam Malik dan bagaimana beliau diseksa, khususnya pada zaman Khalifah Jaafar al-Mansur.
- Sebelum itu, kita bincang lagi beberapa orang gurunya yang penting iaitu Ibnu Syihab al-Zuhri, Jaafar as-Saddiq dan Muhammad ibn Mukammil.
- Al-Zuhri merupakan ulama hadis yang pertama secara rasmi diarahkan untuk mengumpulkan hadis, khususnya di bawah pemerintahan Omar Abdul Aziz, bersama dengan Abu Bakar bin Muhammad.
- Mereka diminta untuk berjumpa dengan Amrah binti Abdul Rahman yang merupakan seorang Muhaddisah, ahli hadis perempuan, yang pernah berguru dengan Sayyidatina Aisyah.
- Kesungguhan Imam Malik begitu ketara kerana pada kesibukan orang berhari raya, beliau datang ke rumah al-Zuhri untuk mempelajari hadis.
- Pada ketika orang lain sibuk menjamu juadah raya, beliau tertumpu pada juadah minda.



Ketekunan Imam Malik terserlah kerana pada ketika orang lain sibuk berhari raya, beliau masih sibuk untuk menuntut ilmu hadis. Berkat kegigihan seperti itulah yang membolehkan beliau menghasilkan Kitab al-Muattaq sehinggakan sebelum adanya Kitab Sahih Bukhari, ada ulama' menyebut bahawa selepas al-Quran, Kitab Muattaq wajib menjadi rujukan umat Islam.

- Beliau juga pernah berguru dengan cicit Nabi Muhammad SAW selama tiga hingga empat tahun, iaitu Jaafar as-Saddiq dan mendapati Jaafar bukan sahaja banyak bersolat, berpuasa dan membaca al-Quran, tetapi beliau juga tidak akan bercakap tentang hadis melainkan terlebih dahulu berwuduk.
- Imam Malik pergi lebih jauh lagi dengan memastikan beliau mandi sebelum bercakap tentang hadis.
- Gurunya, Muhammad ibn Mukammil mempengaruhi dirinya dengan kelembutan hati kerana kerap mengalirkan air mata apabila menceritakan tentang Baginda Rasulullah SAW biarpun beliau tidak pernah bertemu Baginda.
- Ada catatan yang menyebut Abu Muawiyah ibn Darwardhi pernah bermimpi berjumpa Rasulullah SAW dan Baginda menunjukkan jalan yang lurus kepada Imam Malik dan Imam Malik menerima sepucuk surat yang menceritakan mimpi yang sama dari individu lain dari negara Mesir. Wallahua'lam.
- Imam Malik digeruni kerana tidak ada sesiapa yang boleh menjadi muridnya melainkan terlebih dahulu telah menghafal hadis.

- Metod pengajarannya bukanlah membacakan hadis tetapi menyuruh murid-muridnya membacakan kepadanya untuk membetulkan.
- Pernah suatu ketika, Hisyam ibn Amir dari Syam datang berguru dengan Imam Malik yang mana bapanya terpaksa menjual rumah bagi membiayai pendidikannya.
- Ketika belajar, Hisyam meminta Imam Malik memberikan hadis untuk dipelajari secara berkali-kali namun tidak dilayani.
- Malah, murid Imam Malik telah memukulnya kerana berkali-kali meminta hadis.
- Kemudian, Hisyam berjumpa Imam Malik mendakwa kezaliman Imam Malik terhadap dirinya dan keluarganya yang telah berkorban harta benda.
- Bukan sahaja tidak dapat ilmu, tetapi dipukul pula.
- Imam Malik memohon maaf dengan Hisyam dengan memberikan lima belas hadis, berdasarkan lima belas pukulan murid Imam Malik terhadapnya.
- Hisyam kemudiannya mahu dirinya dipukul lagi bagi membolehkan banyak hadis dapat dipelajarinya.
- Pernah suatu ketika, Khalifah Harun ar-Rasyid datang pada waktu Imam Malik membaca khutbah.
- Imam Malik membaca hadis yang meminta manusia takut kepada Allah dan sentiasa merendah diri.
- Khalifah Harun ar-Rasyid yang hadir dengan kerusi khas akhirnya terpaksa mengeluarkan kerusi berkenaan dan duduk bersama orang lain.
- Pernah juga suatu ketika Harun ar-Rasyid meminta pendapat Imam Malik tentang cadangan membetulkan Kaabah yang berbentuk segi empat sama (square) itu kepada bentuk segi empat tepat (rectangle) sebagaimana pada zaman Nabi Ibrahim AS dan zaman Abdullah ibn Zubayr.
- Untuk catatan, Nabi SAW pernah memberitahu kepada Aisyah tentang bentuk segi empat tepat Kaabah berkenaan adalah bentuk yang sepatutnya tetapi sengaja baginda biarkan berbentuk segi empat sama pada zaman pembukaan Kota Mekah 8 Hijrah supaya tidak berlaku pemecah belahan umat Islam pada ketika itu.
- Walaupun Abdullah ibn Zubayr telah memulihkan Kaabah kepada bentuk segi empat tepat, namun Marwan dan orang-orangnya bukan sahaja telah memalang (crucified) Abdullah ibn Zubayr tetapi juga telah merobohkannya bagi membentukkannya semula kepada bentuk segi empat sama sebagaimana pada zaman Jahiliyyah.

- Pandangan Imam Malik adalah supaya jangan dirobuhkan lagi, kerana pada beliau, Kaabah itu bukanlah mainan yang boleh secara suka-suka dilakukan apa sahaja ke atasnya oleh para khalifah.
- Pernah suatu ketika, seorang yang bernama Abdullah bin Aziz al-Umari yang menumpukan kehidupan berkhawatir antara dirinya dengan Tuhan menulis surat kepada Imam Malik dengan bahasa yang kesat supaya Imam Malik lebih banyak mengingati Tuhan daripada banyak berusaha mengumpulkan hadis dan mengajarkannya.
- Imam Malik menjawab bahawa Tuhan telah membahagikan kelebihan yang berbeza kepada orang yang berbeza.
- Usahakanlah ke atas kelebihan yang kita ada untuk manfaat umat berdasarkan kebolehan yang kita ada.
- Mudah-mudahan kita semua sampai ke destinasi yang sama.
- Pernah suatu ketika, anak-anak khalifah dihantar untuk mempelajari hadis, baik pada zaman Jaafar mahupun khalifah yang lain seperti Harun ar-Rasyid.
- Ada dicatatkan bahawa Imam Malik pernah memulangkan anak-anak khalifah berkenaan supaya diajar tentang adab terlebih dahulu sebelum hendak mempelajari hadis dengan beliau.
- Ada ketikanya khalifah meminta Imam Malik datang ke istana namun ditolak walaupun dijanjikan dengan bayaran yang besar.
- Bagi Imam Malik, seorang murid, tidak kira anak siapa, perlu belajar secara sama sebagai murid yang sama tanpa ada perbezaan darjat.
- Pernah satu ketika, ada seorang lelaki mabuk di depan masjid, sambil melaungkan kalimah “Allah”.
- Imam Malik membantu membersihkan lelaki berkenaan dengan mengelap mulutnya akibat muntah lalu membawa lelaki berkenaan ke rumahnya.
- Pada hari berkenaan, kelas hadisnya ditangguhkan.
- Baginya, bukan sahaja lelaki berkenaan perlu dibantu tetapi beliau juga tidak mahu kalimah “Allah” dikeluarkan dari mulut dan air liur seorang pemabuk.
- Kebiasaannya, pada hari atau musim haji, akan ramai umat Islam yang singgah di Madinah.
- Pernah satu ketika, Imam Mahdi, iaitu khalifah Abbasiyah selepas Jaafar al-Mansur, datang ke Madinah dan beliau mempunyai istana singgah di kota Madinah itu.
- Menyedari Imam Malik hadir dalam majlis perjumpaan Imam Mahdi dengan rakyat, khalifah berkenaan berasa malu dan menjemput Imam Malik berada di hadapan untuk sama-sama menjamu selera.

- Imam Malik menolak untuk menjamu selera kerana gelas yang dibuat bersalut perak sedangkan masih ramai rakyat di dalam kesusahan.
- Kerana hormatkan Imam Malik, khalifah berkenaan menukarnya dengan gelas yang lain.
- Kitab Muaattaq sebahagiannya ditulis kerana adanya permintaan khalifah Jaafar al-Mansur supaya suatu kitab yang tidak terlalu linien sebagaimana Ibnu Abbas dan tidak terlalu keras (*strict*) sebagaimana idea Ibnu Omar dan pelik sebagaimana Ibnu Maksud, ditulis.
- Memandangkan Imam Malik sememangnya telahpun memulakan idea penulisan kitab berkenaan, maka beliaupun meneruskan sahaja projeknya.
- Ada dicatatkan bahawa ada pihak tertentu yang ingin meniru-niru kitab Muattaq namun isu itu tidak dilihat besar oleh Imam Malik kerana baginya kebatilan tidak akan boleh mengalahkan kebenaran.
- Imam Malik, sebagaimana Imam Hanifah sebenarnya tidak suka berhujah melainkan menghasilkan manfaat yang besar.
- Ketika Imam Malik sudah terlalu tua dan berjalan dipapah, seorang anak muda yang bernama Abu Juwairiyah (yang dipengaruhi oleh Khawarij) ingin berdebat dengan beliau.
- Imam Malik hanya menyebut, “Kalau aku menang, maka kesudahannya, engkau akan mengikut aku dan kalau engkau menang, kesudahannya aku akan mengikut engkau. Kalau ada orang lain yang datang mengalahkan hujah kita, maka kesudahannya kita kena mengikut dia. Justeru, apa gunanya berhujah itu?”
- Abu Juwairiyah dikatakan tidak mempedulikan nasihat Imam Malik dan kemudiannya bertukar akidah menjadi Muktazilah, Qadariah dan akhirnya keluar dari Islam. Nauzubillahimin zalik.
- Sebagaimana yang kita ketahui, Imam Malik, sebagaimana imam Hanifah telah mendapat seksaan daripada Jaafar al-Mansur.
- Beza antara kedua imam ini ialah Imam Malik menjadi penasihat agama pemerintah yang dilantik oleh khalifah di bawah Gabenor Madinah, Jaafar bin Sulaiman.
- Sungguhpun beliau menerima gaji, beliau tidak berkompromi dengan dasar pemerintah dan menegakkan hukum.
- Untuk catatan, pada zaman beliau, pengaruh Khawarij sedang meningkat kuat walaupun khalifah Umar Abdul Aziz pada tahun 110 hijrah berjaya meredakan gerakan ini.
- Pada tahun 129, di bawah Hisham bin Malik, gerakan ini muncul kembali.

- Imam Malik, sungguhpun mempunyai pendekatan berkecuali sebagaimana Ibnu Omar dalam isu-isu politik, dalam isu Khawarij ini, beliau menunjukkan tentangan walaupun tidak secara fizikal.
- Imam Malik terkenal dengan fatwanya yang menyebut tidak sah baiah yang dilakukan secara paksaan sebagaimana tidak ada isu bercerai dalam perkahwinan paksa kerana pernikahan secara paksa itu sendiri tidak sah.
- Isu ini berkaitan dengan sokongan terbuka gerakan Muhammad al-Musanna yang menentang kezaliman daripada Jaafar al-Mansur.
- Fatwanya ini telah menyebabkan ramai orang tidak suka dengan khalifah kerana berasakan diri mereka dizalimi, tidak berbaiah dengan khalifah kerana berbaiah seperti ini dianggap tidak sah.
- Imam Malik dipaksa menarik semula fatwanya, namun beliau dengan keras menolak.
- Akibatnya, beliau disiksa oleh Jaafar bin Sulaiman, gabenor di Madinah.
- Beliau pernah diikat dan diheret, kemudiannya disiksa sehingga *dislocated* bahunya, dibuang janggutnya untuk memalukannya dan dibelasah teruk sehinggakan ada organnya yang rosak.
- Akibatnya, beliau tidak dapat pergi ke masjid dalam tempoh yang lama walaupun rumahnya sangat dekat dengan masjid.
- Walaupun khalifah berjanji akan menghukum gabenor, namun Imam Malik tidak mahu mendengar kesemuanya itu.
- Seksaan terhadap Imam Malik menyebabkan lebih ramai lagi orang menentang khalifah Abbasiyah, maka sebab itulah khalifah cuba meredakan keadaan.
- Imam Malik pernah diminta kebenaran oleh murid-muridnya untuk menghapuskan Jaafar namun beliau enggan membenarkannya.
- Beliau tidak mahu di akhirat nanti berjumpa Nabi dengan keadaan ada isu dengan ahli keluarga Nabi kerana khalifah Abbasiyah datangnya dari keturunan Ibnu Abbas, bapa saudara Nabi.
- Kitab Muattaq beliau bukan sahaja dikembangkan oleh muridnya Yahya Ibnu Yahya al-Layth tetapi juga murid Imam Hanifah, al-Syaibani.
- Imam Syafie sendiri, sebagaimana yang kita ketahui, telah menghafal kitab berkenaan semenjak kecil lagi dan Imam Ahmad bin Hanbal telah mempelajari kitab Muattaq melalui murid Imam Abu Hanifah (Abu Yusuf).
- Pendeknya, kitab berkenaan digunakan dalam keempat-empat mazhab.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

- Imam Malik meninggal dunia pada tahun 179 Hijrah, pada usia 86 tahun dan jenazahnya dikebumikan di Baqi', bersebelahan kubur gurunya Nafi', yang merupakan murid Ibnu Umar, sahabat Nabi.



Imam Malik tidak pernah mengembara keluar Kota Madinah, tetapi al-Muattaq dan ilmunya tersebar ke Selatan Eropah dan Utara Afrika, malah pada hari ini di Amerika Syarikat. Syeikh Hamza Yusuf, seorang ulama' terkemuka, juga menganut mazhab Maliki. Di Madinah, Imam Malik dilahirkan, dibesarkan, belajar dan mengajar khususnya melalui pedoman gurunya dan di Baqi' al-Gharqal Madinah itulah beliau kemudiannya dikebumikan. Al-Fatihah.

- Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullah hi wabarokatuh. Walhamdulillah hirabbil alamin.

Bab 8: Imam Ahmad bin Hanbal (Bahagian 1), Pekerti Merendah Diri


Bismillahirrahmanirrahim
Alhamdulillahirabbil Alamin
Wassalatu wassalamu ala asyrafil ambiyai wal mursalin
Wa ala alihi wasahbihi ajmain
Amma Ba'd

“Pada satu hari, aku seperti biasa berjalan dan terus berjalan untuk mencari ilmu dan mengumpulkan hadis dan sampai ke wilayah Syam pada sebelah malam. Dan aku minta untuk beriktikaf dan bermalam di situ sebagai seorang yang Musafir. Aku tidak dibenarkan bermalam di masjid itu, walaupun telah ku terangkan aku tiada tempat untuk bermalam. Namun, penjaga Masjid berkenaan berkeras, sehingga menolaku keluar dengan bahagian kakinya. Aku terus berjalan mencari tempat untuk bermalam dan disambut oleh seorang pembuat roti untuk bermalam di rumah kedainya. Diberikanku tempat bermalam yang selesa. Beliau terus membuat roti sambil membaca, Subhanallah Walhamdulillah, Wala Ila ha Ilallah Wallahu Akbar. Aku mendekati beliau sambil bertanya, “Sejak bila amalan ini dilakukan, dan apakah kebaikan yang engkau perolehi daripada amalan ini?” Menurut pembuat roti itu, “Telah ku lakukan bacaan atau zikir ini sejak bertahun-tahun dan faedahnya, tidak pernah Allah SWT tidak mengkabulkan doaku, melainkan satu sahaja.” Aku bertanya, “Apakah ia?” Lalu dijawabnya, “Aku berdoa kepada Allah mudah-mudahan satu hari nanti Imam Ahmad bin Hanbal yang masyhur itu akan bermalam di tempatku. Perhatikan kesungguhan pembuat roti berkenaan, aku pun memberitahu kepadanya bahawa “Akulah Ahmad bin Hanbal, individu yang Allah belum makbulkan doa engkau itu.”

- Cerita di atas sering kita dengari berkenaan dengan Ahmad bin Muhammad bin Hanbal Abū ‘Abd Allāh al-Shaybānī, iaitu keturunan Syaiban yang telah melahirkan ratusan cendekiawan dan pemimpin besar, seperti murid Imam Abu Hanifah, Ibnu Hassan al-Syaibani dan Imam Ahmad sendiri.
- Keluarganya berasal dari Basrah tetapi kemudiannya berpindah ke Baghdad.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

- Datuknya merupakan panglima tentera semasa Zaman Khalifah Umar, yang bergerak untuk membuka kawasan Khurasan.
- Bapanya telah meninggal sejak beliau kecil lagi, setelah beberapa tahun beliau dilahirkan, iaitu pada 164 Hijrah.
- Beliau dibesarkan oleh ibunya yang bernama Sofiah binti Maimunah binti Malik.
- Imam Ahmad hidup bersama-sama dengan ibunya sehingga usia beliau 40 tahun dan tidak berkahwin demi menjaga ibunya yang telah banyak berjasa kepadanya.
- Sejak kecil lagi, ibunya telah menghantarnya ke masjid untuk berguru, siang dan malam dan menunggunya sehinggalah anaknya keluar sebagai jemaah yang terakhir dalam setiap halaqah.
- Pada usia kecil itu juga, beliau sering menghadiri diri di Ad-Diwan, satu kawasan tempat para ilmuwan, baik dari kalangan ahli falsafah atau para pengkaji sejarah, berkumpul dan berdebat.
- Dari sinilah Imam Ahmad dapat melihat bagaimana ilmu berkembang dan bagaimana manusia mahu mempertahankan hujahnya dengan ilmu yang dimiliki masing-masing.



Di Kota Baghdad inilah, menghampiri 100 Hijrah, beberapa orang khalifah Abbasiyah seperti Al-Makmun, Al-Muqtasim, dan al-Wafi' yang dipengaruhi oleh gerakan Jahmiyah dan Muktazilah, berkeras mengatakan bahawa al-Quran itu makhluk dan semua makhluk itu tidak kekal. Di kota ini jugalah, pada masa yang sama, lahir seorang

imam yang sangat tegas pendiriannya melawan gerakan Jahmiah dan Muktazilah berkenaan, bagi menegakkan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah, iaitu Imam Ahmad bin Hanbal, sehingga sumbangannya disamakan dengan Abu Bakar menentang gerakan murtad dan Imam Ahmad dengan gerakan Mihnah.

- Perlulah dicatatkan bahawa, berbeza dengan tanggungjawab yang diberikan oleh Allah SWT kepada imam-imam yang sebelumnya, Imam Ahmad mempunyai tanggungjawab yang besar, bukan sahaja tentang pengumpulan hadis tetapi juga masalah penyelewengan akidah yang besar yang melanda umat Islam di bawah Bani Abbasiyah, khususnya semasa pemerintahan Khalifah al-Makmun, Al-Muqtasim, dan al-Wafi'.
- Terdapat gerakan Jahmiah serta Muktazilah yang tidak percaya bahawa al-Quran itu Kalam Allah, yang datang daripada Allah SWT sebagai bukan makhluk.
- InsyaAllah, pada Bab akan datang, kita akan cuba membincangkan isu ini.
- Dalam Bab ini, kita akan tonjolkan pekerti mulia merendah diri Imam Ahmad ini.
- Cerita yang kita kongsiikan di awal tadi menunjukkan dengan jelas betapa merendah dirinya beliau kerana beliau tentu sahaja boleh menyebut, "Aku adalah Imam besar dari Baghdad, iaitu Ahmad Ibnu Hanbal" dan semua orang tahu dan akan memberi penghormatan kepadanya, bukan sahaja untuk tidur di masjid tetapi juga di istana Syam pada ketika itu.
- Malah, beliau bergurau dengan Habbas, pembuat roti tersebut, dengan mengatakan, "Sebab doa engkau itulah aku dihalau keluar dari masjid supaya aku dapat bermalam di rumah engkau."
- Beliau bukan sahaja terkenal mengembara hampir ke seluruh kawasan Timur Tengah itu, malah sebahagian besarnya dilakukan dengan berjalan kaki sahaja.
- Beliau pernah menunaikan haji dari Baghdad ke Mekah sebanyak lima kali. Tiga daripadanya berjalan kaki.
- Ada ketikanya beliau tersesat masuk ke kampung-kampung, lalu meminta orang menunjukkan jalan ke Mekah, yang mana beliau biasanya hanya berbekalkan sedikit duit sahaja.
- Gurunya yang pertama ialah Hisham Ibnu Basyir, yang telah lanjut usianya dan beliau mula menuntut ilmu dengan gurunya pada usia 15 tahun, tahun 179 Hijrah, sehinggalah gurunya meninggal dunia 183 Hijrah.

- Pada ketika itu, terdapat ulama' besar, iaitu Sufyan Ibn 'Uyaynah, yang berguru dengan ulama' besar, Sufyan al-Thawri (meninggal 161 Hijrah) di Mekah.
- Memandangkan beliau tidak mempunyai harta dan wang ringgit, beliau mengambil upah memikul barang pergi ke Mekah bagi menampung biaya beliau ke sana.
- Sebenarnya beliau mempunyai perancangan juga untuk bertemu ulama' besar di Yaman, iaitu Syeikh 'Abd ar-Razzaq as-San'ani (126-211 Hijrah).
- Ketika sampai di Mekah dan berguru dengan Sufyan Ibn 'Uyaynah, salah seorang sahabatnya, Yahya al-Ma'i mencadangkannya untuk bertemu dengan Imam Razzaq, yang juga berada di Mekah bersama-sama rombongan Yaman di khemahnya.
- Imam Ahmad tidak mahu mendapatkan ilmu secara mudah seperti itu dan apabila rombongan Imam Razzaq pulang ke Yaman, iaitu Selatan Mekah, beliau pun berjalan kaki berbulan selepasnya untuk sampai ke Yaman itu.
- Di Yaman, beliau ke rumah Imam Razzaq tetapi tidak dibenarkan oleh ahli keluarga atau muridnya untuk bertemu Imam Besar Yaman itu kerana tidak ada siapa yang tahu yang datang itu adalah ulama' besar dari Baghdad, kerana sikap merendah dirinya.
- Imam Razzaq yang kemudiannya mengetahui itu adalah Imam Ahmad berasa begitu kagum dengan kesungguhan beliau dan berasakan dirinya pula begitu kerdil dan setiap kali beliau teringat tentang Imam Ahmad, akan mengalir air matanya melihatkan kesungguhan dan sikap rendah-diri Imam Ahmad itu untuk menuntut ilmu, walaupun pada kedudukan beliau sebagai seorang ulama'.
- Satu keistimewaan yang Allah SWT kurniakan kepada Imam Ahmad adalah memiliki tulisan tangan yang sangat indah, sehinggakan ianya menjadi sumber rezekinya.
- Sekiranya ada pembesar mahu mengutus surat, Imam Ahmad akan sering diberi upah untuk menulis surat berkenaan.
- Pernah satu ketika, selepas Imam Ahmad meninggal dunia, ada seorang menceritakan bagaimana dia mempunyai sepucuk surat yang ditulis oleh Imam Ahmad itu.
- Katanya, pada satu ketika, beliau bersama-sama dengan Imam Ahmad, menuntut ilmu di Mekah di bawah Sufyan Ibn 'Uyaynah.
- Dalam beberapa hari Imam Ahmad tidak muncul, dan ini tidak mungkin berlaku tanpa adanya sebab tertentu.

- Lalu beliau pergi ke bilik Imam Ahmad dan mendapati beliau berselimut, sedangkan tidak dalam keadaan sakit.
- Imam Ahmad menerangkan bahawa pakaiannya telah dicuri orang ketika beliau mandi, justeru tidak mempunyai pakaian lain untuk keluar.
- “Aku mahu memberikan wang kepadanya untuk membeli pakaian (Imam Ahmad terkenal tidak mahu menerima wang sedekah), lalu aku memberikan satu dinar kepadanya sebagai upah untuk dia menuliskan sepucuk surat atas arahanku dan wang berkenaan aku belikan untuk pakaiannya.”
- Menurut catatan, beliau memotong pakaian itu kepada dua bahagian, iaitu bahagian atas dan bawah supaya beliau boleh memiliki lebih pakaian.
- Imam asy-Syafi’e yang merupakan guru kepada Imam Ahmad memberitahu bahawa beliau mempunyai kepakaran yang tinggi dalam lapan bidang, iaitu al-Quran, Hadis, kewarakan, kezuhudan, menangani kemiskinan, dan lain-lain lagi.
- Pernah satu ketika, Imam Ahmad menjemput gurunya, asy-Syafi’e ke rumahnya ketika asy-Syafi’e berada di Baghdad, dan mahukan ahli keluarga memberikan khidmat kepada Imam Besar itu ketika beliau berada di rumahnya nanti.
- Masing-masing menyediakan makanan, tempat beribadat, air wuduk dan kelengkapan lain, mengetahui bahawa Imam Besar akan melakukan ibadat-ibadat besar.
- Keesokannya, anak-anak Imam Ahmad berasa terkejut kerana hanya makanan sahaja yang terusik, tetapi air wuduknya tidak dan tiada tanda Imam asy-Syafi’e bangun untuk beribadat.
- Imam asy-Syafi’e menyebut, “Aku tahu makanan di rumah engkau makanan yang bersih dan halal, maka aku makan lebih, supaya aku dapat berusaha lebih, dan tidak makan di tempat lain.”
- Katanya lagi, “Sepanjang malam itu, aku berfikir untuk menyelesaikan 70 masalah fiqh, sehinggalah ke fajarnya. Hanya pada ketika keadaan terlelap sekejap sahajalah aku dapat lihat bagaimana menyelesaikan masalah berkenaan.”
- Imam Ahmad menyebut, aku tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah fiqh dalam keadaan terjaga tetapi Imam besar ini dapat menyelesaikan masalah ini hanya dengan keadaan terlelap sahaja ketika itu.”
- Pada usia 40 tahun, Imam Ahmad telah diangkat menjadi mufti di Baghdad.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

- Walau bagaimanapun, beliau tidak akan bekerjasama dengan perkara-perkara yang menentang hukum-hakam.



Sebagaimana dibincangkan pada awal Bab ini, daripada kemuliaan hati pembuat roti yang sentiasa membaca Subhanallah, Walhamdulillah Wala ilaha ilallah Allahuakbar, maka Allah SWT kabulkan keseluruhan doanya, termasuk yang tidak disangka, iaitu mahukan Imam Ahmad bermalam di tempatnya. Kita kadangkala sudahlah tidak suka menerima tetamu, malah malas pula untuk berzikir, Wallahua'lam.

- Imam Ahmad hanya bernikah setelah ibunya meninggal dunia, pertamanya dengan Aisyah binti Fadhil, kemudiannya setelah Aisyah meninggal dunia, berkahwin pula dengan Raihanas dan kemudiannya dengan Husna.
- Dua orang anaknya, Soleh dan Abdullah kemudiannya menjadi ulama' besar.
- Imam Ahmad juga kadangkala digelar Abu Abdillah, meskipun Soleh adalah anaknya yang lebih tua.
- Beliau merupakan orang yang paling banyak berguru, kerana paling banyak merantau, sehinggakan dicatatkan sekiranya hendak disenaraikan satu persatu, seramai 415 orang gurunya, sebelum beliau dapat menyusun hadis-hadis di dalam kitabnya yang disebut Musnad Imam Ahmad.
- Musnad ini mengandungi lebih daripada 40,000 hadis, yang disusun mengikut nama-nama sahabat.

- Misalnya, Hadis-hadis Abu Bakar, Umar dan lain-lain.
- Pada zaman itu, tidak ada sesiapa pun yang secara terbuka ada menyebut sesuatu hadis itu adalah daif kerana kategori-kategori seperti ini datang kemudiannya, apabila ulama-ulama hadis terkemuka seperti at-Tirmizi mula membahagikan hadis mengikut kategori-kategori Ahad, Hasan, Daif, Daif Jiddan, Maudu'.
- Bagi Imam Ahmad, pandangannya dan pandangan orang lain itu lebih rendah martabatnya daripada hadis yang Mursal, iaitu hadis yang tidak dapat diketahui perawinya, kerana terputus.
- Tetapi hadis itu pernah disebut oleh orang-orang yang warak, contohnya, Hassan al-Basri, dan lain-lainnya.
- Kita pernah membincangkan tentang fadhilat membaca Yasin, yang disebut oleh Hassan al-Basri, yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, sedangkan Hassan al-Basri tidak pernah bertemu Abu Hurairah.
- Imam Ahmad terkenal dengan adab pekerti yang sangat mulia, sehinggakan ibu-bapa pada zaman itu sanggup membelanjakan wang beribu-ribu ringgit untuk mencari guru yang boleh mengajar adab atau akhlak.
- Lalu, diberitahu bahawa kemuliaan dan adab yang ada pada Imam Ahmad bin Hanbal adalah hasil didikan daripada ibunya dan ini menunjukkan betapa pentingnya peranan ibu untuk membentuk adab anak-anak.
- Imam Ahmad terkenal dengan kewarakannya dan dikatakan bersembahyang 300 rakaat setiap malam pada masa sihatnya.
- Ini dapat dilakukan kerana, sesetengah ulama' menyebut, malam itu bermula dengan maghrib, dan apabila solat dimulakan dengan maghrib, tentulah banyak rakaat yang boleh dilakukan sebelum ianya sampai ke subuh.
- Seorang guru besarnya (selain daripada Imam Syafi'e) adalah Abu Yusuf, murid penting Imam Abu Hanifah.
- Ilmu daripada Abu Yusuf, Imam Syafi'e dan imam-imam lain menunjukkan kepada kita bahawa keseluruhan ilmu-ilmu imam yang ada pada ketika itu ada pada Imam Ahmad.
- Imam Ahmad sendiri pernah menyebut, beliau telah belajar dengan 17 orang guru bagi memahami Kitab al-Muattaq Imam Malik.
- Hanya apabila berguru dengan Imam Syafi'e beliau mula memahami kitab berkenaan.
- Imam Ahmad, sebagaimana Imam Abu Hanifah dan Imam Malik telah disiksa oleh khalifah pada zamannya, sehingga cedera parah dan peranannya mempertahankan akidah umat Islam menyebabkan beliau

sering diangkat sebagai ulama' Ahli Sunnah Wal Jamaah yang telah menyelamatkan Islam.

- Ali Al-Madini pernah menyebut bahawa Islam ini telah diselamatkan oleh dua orang tokoh, iaitu Abu Bakar yang menentang gerakan Riddah dan Imam Ahmad yang berdepan dengan Mihnah (ujian penyelewengan akidah).
- Al-Mukhzani, murid asy-Syafi'e, menyebut tentang lima orang tokoh dalam Islam, iaitu Abu Bakar, kerana penentangan gerakan Riddahnya, Umar, kerana hari Saqifahnya, Uthman, hari kepungan rumahnya, Ali, hari Perang Siffinnya, dan Ahmad, hari Mihnahnya.
- InsyaAllah, pada Bab yang akan datang, kita akan tumpukan perbincangan kita tentang bagaimana Mihnah berkenaan yang berlaku kepada umat Islam, sehingga Imam Ahmad terseksa dan dipenjara di bawah Khalifah al-Makmun, Al-Muqtasim, dan al-Wafi'.
- Wabillahitaufiq walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh, walhamdulillah rabbi alamin.

Bab 9: Imam Ahmad bin Hanbal (Bahagian 2), Al-Quran Bukan Makhluk

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah Rabbil Alamin

Wassolatu wassalamu ala sayyidina Muhammad


Wa ala alihi wasohbihi ajmain

Amma ba'd

- “Buktikan kepadaku di mana di dalam al-Quran atau hadis yang menyebut Quran itu makhluk.”
- Kata-kata di atas sering dilontarkan oleh Imam Ahmad ketika dia diseksa supaya bersetuju dengan polisi Khalifah Makmum bahawa kata-kata Allah atau Quran itu ialah makhluk.
- Imam Ahmad, sebagaimana yang telah kita bincangkan sebelum ini, sangat merendah diri.
- Malah, beliau memberitahu kepada sesiapa yang hendak membuat majlis, sama ada perkahwinan ataupun aqiqah, supaya mendahulukan atau mengutamakan orang-orang miskin di dalam majlis berkenaan sekiranya mahu beliau hadir dalam majlis itu.
- Malah, beliau akan sentiasa mengutamakan orang miskin lebih daripada ulama dan anak-anak raja.
- Dalam peristiwa yang lain, ada seorang lelaki datang memohon supaya Imam Ahmad mendoakan ibunya yang lumpuh supaya cepat sembuh.
- Imam Ahmad antara lain menyebut, “Doamu lebih baik daripada doaku dan doa ibumu lebih baik daripada doamu. Berdoalah kamu sendiri untuk kesembuhan ibumu.”
- Lelaki berkenaan pulang ke rumah dan mendapati ibunya telah sembuh.
- Lalu pemuda berkenaan cuba berjumpa dengan Imam Ahmad, lalu anaknya, Saleh, memberitahu, “Selepas engkau pulang, bapaku tidak putus-putus bersolat dan berdoa untuk kesembuhan ibumu.”
- Pendeknya, doa orang yang merendah diri dan banyak bersabar serta dizalimi dimakbulkan oleh Tuhan.
- Dalam Bab kita kali ini, kita ingin membincangkan tentang bagaimana kesabaran yang ditunjukkan oleh Imam Ahmad walaupun diseksa

kerana mempertahankan akidah Islam, iaitu menegaskan bahawa Quran itu bukanlah makhluk.

- Isu Quran itu makhluk sebenarnya bukanlah isu baharu pada zaman itu.
- Pada zaman Umayyah, sebelum kelahiran Abu Hanifah lagi, iaitu pada tahun 72 Hijrah, seorang yang bernama Ja'd bin Dirham telah memberitahu bahawa semua makhluk akan binasa, maka Quran yang kita nampak ini juga akan binasa.
- Ajarannya mendapat sokongan.



Difahamkan terdapat 13 jilid kitab ini yang diterbitkan di Mesir. Walaupun ramai yang menyebut bahawa Imam Ahmad dan Kitab Musnadnya lebih tertumpu kepada perbincangan hadis, namun sebagaimana yang disebut oleh muridnya, Hallal dan juga pengikut Mazhab Hanbali pada masa ini, Syeikh Yasir Qadhi, di dalamnya sarat dengan perbincangan-perbincangan fiqh. Mudah-mudahan Allah SWT melapangkan dada kita supaya tidak menjadi fanatik terhadap satu mazhab sehingga menganggap mazhab yang lain tidak betul, Wallahua'lam.

- Namun, gerakan ini telahpun ditumpaskan pada zaman kekhalifahan Bani Umayyah lagi.

- Pada tahun 199 Hijrah, Khalifah Harun ar-Rasyid telah digantikan oleh al-Amin dan kemudiannya al-Makmun.
- Imam Syafie melihatkan Baghdad telahpun dicerobohi dengan pelbagai idea, baik yang datang dari Barat melalui pengaruh Greek mahupun yang datang dari Timur seperti India dan Parsi, yang menjejaskan akidah umat Islam.
- Imam Syafie berhijrah ke Mesir untuk mendapatkan ilmu daripada al-Layth Ibn Sa'd dan percaya bahawa ulama besar yang ada di Baghdad, iaitu Imam Ahmad akan dapat menangani isu akidah berkenaan.
- Muridnya, Rabi' ibn Sulaiman kemudiannya menyusul Imam Syafie dan sesampainya sahaja di Mesir, beliau diminta oleh Imam Syafie menghantarkan sepucuk surat kembali ke Baghdad kepada Imam Ahmad.
- Oleh kerana yang mengarahkan itu gurunya, walaupun dalam keadaan keletihan, beliau kembali ke Baghdad bertemu Imam Ahmad.
- Selesai solat Subuh, apabila menerima surat berkenaan, beliau lalu dibacanya.
- Antara kandungan penting surat itu ialah tentang mimpi Imam Syafie berjumpa Rasulullah SAW, yang memberitahu beliau bahawa Imam Ahmad perlu mempertahankan seksaan-seksaan yang datang kepada dirinya, yang memaksa beliau bersetuju bahawa Quran itu adalah makhluk.
- Beliau mengalirkan air mata, bukan sahaja kerana faham akan amanah yang penting itu tetapi juga faham akan cabaran yang akan datang nanti.
- Pengaruh Ja'd ibn Dirham yang telah dihapuskan semasa pemerintahan Harun ar-Rasyid tumbuh semula di bawah pengaruh muridnya, Jaham bin Safwan yang terkenal dengan gerakan Jahmiah.
- Pengaruhnya meluas dan hujahnya sedikit sebanyak mempengaruhi Khalifah al-Makmun.
- Selain itu, pengaruh Ahmad Du'at (penasihat khalifah) dan Ishak bin Ibrahim (memegang jawatan menyamai ketua polis), yang juga mengatakan Quran itu makhluk dan sebagai makhluk ianya akan binasa, juga berkembang di bawah nama Muktazilah.
- Jahmiah dan Muktazilah telah mempengaruhi Khalifah al-Makmun dan beberapa tahun kemudiannya, Khalifah al-Makmun menjadikan Muktazilah sebagai polisi akidah umat Islam.
- Beliau sendiri meletakkan kata-kata seperti "Halaqal Quran", Quran adalah makhluk, pada masjid-masjid.

- Semua para mufti dan qadhi seluruh empayar Abasiyyah yang besar, seramai 700 orang, diminta atau dipaksa secara rasmi bersetuju dengan polisi ini.
- Ramai yang lari atau menyembunyikan diri dan ramai yang terpaksa secara terbuka bersetuju walaupun dalam hati mereka menentang.
- Ketika itu, hanya dua orang sahaja yang tidak bersetuju iaitu Muhammad bin Noh dan Imam Ahmad sendiri.
- Akibatnya, Imam Ahmad ditangkap dan dipenjarakan, dan beliau mendapati Muhammad bin Noh telahpun berada dalam penjara.
- Kedua-dua mereka dipaksa supaya menerima polisi yang mengatakan Tuhan itu adalah makhluk, namun kedua-duanya tetap dengan keimanan mereka.
- Imam al-Makmun berkata, sesiapa sahaja yang enggan menerima polisinya, bawa ke hadapannya, dia sendiri yang akan memancung mereka dengan pedangnya.
- Kemudian, Imam Ahmad dan Muhammad bin Noh dibawa kepada Khalifah al-Makmun dan dalam perjalanan itu, Ibn Noh telah meninggal dunia dan Imam Ahmad berdoa supaya Khalifah al-Makmun tidak bertemu dengannya dan dia tidak bertemu dengan al-Makmun.
- Sebelum sampai, beliau diberitahu al-Makmun telahpun meninggal dunia dan sempat berwasiat kepada al-Muktasim supaya menghukum keras sesiapa yang menentang polisinya.
- Polisi ini diteruskan dan pada ketika itu pula, terdapat seorang lagi ulama, Ahmad al-Huza'i, yang menentang polisi berkenaan.
- Beliau akhirnya dipalang (*crucified*) bagi memberitahu umum bahawa al-Muktasim akan melakukan apa sahaja kepada sesiapa yang menentang polisinya.
- Imam Ahmad yang telah dipenjarakan dalam tempoh yang lama tanpa dibicarakan, terus diseksa.
- Selepas beberapa tahun, beliau dipanggil oleh al-Muktasim supaya menyebut bersetuju dengan kalimah "Halaqal Quran", iaitu Quran itu makhluk.
- Namun, Imam Ahmad menyebut, "Buktikan kepadaku kalimah itu ada dalam Quran dan hadis".
- Yahya Ibn Main menyebut sambil menunjukkan jarinya, "Taurat, Zabur, Injil dan Quran, keempat-empat adalah makhluk."
- Beliau lalu dilepaskan.
- Imam Ahmad kecewa dengan adanya ulama seperti itu.
- Untuk catatan, perlulah difahami bahawa ulama' mempunyai pendekatan yang berbeza kerana Yahya ibn Ma'in berijtihad

mudaratnya lebih besar daripada manfaat sekiranya ia tidak dilafazkan dengan mulut kerana ramai ulama akan mati nantinya dan ini merugikan umat.

- Imam Ahmad dikatakan banyak mendapat sokongan daripada rakan-rakan sepenjaranya, yang dihukum sebagai pemabuk, penzina dan lain-lain.
- Ada dicatatkan bahawa ada yang berkata, “Aku suka kepada arak, kalau mereka hendak pukul aku maka pukullah, kerana kecintaan aku kepada arak ini lebih besar daripada masalah kesakitan dipukul itu dan aku yakin kecintaanmu terhadap Allah tidak akan menyebabkan belasan mereka menjadi sakit.”
- Lagipun, sakit dibelasah sebanyak lima kali sahaja yang sakit, kemudiannya, kesakitan dibelasah yang seterusnya tidak dirasa lagi.
- Hubungan baik Imam Ahmad dengan rakan sepenjaranya mengingatkan kita tentang cerita Nabi Yusuf dengan rakan sepenjaranya.
- Anak Imam Ahmad, Saleh, ada mencatatkan bahawa ramai rakan-rakan sepenjaranya kemudiannya menjadi hamba Allah SWT yang bertakwa dan ada juga yang menjadi guru agama.
- Di istana, Khalifah al-Muktasim dikelilingi oleh orang Muktazilah yang diketuai oleh Ahmad Du’at dan Ishak bin Ibrahim.
- Pernah suatu ketika Imam Ahmad diberikan minuman yang istimewa kerana Khalifah al-Muktasim mahu mengambil hatinya.
- Imam Ahmad menyebut, “Aku tidak akan minum melainkan engkau memberikan minuman yang sama kepada ahli penjara yang lain.”
- Pernah diceritakan bahawa pada setiap hari Jumaat, Imam Ahmad membersihkan dirinya untuk pergi sembahyang Jumaat lalu merayu kepada penjaga penjara agar dibenarkan menunaikan solat Jumaat, namun, permintaannya berkali-kali diabaikan.
- Anak Imam Ahmad datang ke penjara dengan keadaan miskin papa kedana dan tidak berkasut kerana keluarganya telah diseksa oleh khalifah.
- Beliau mengarahkan kesemuanya bersabar dengan ujian Allah.
- Pada suatu ketika yang lain, setelah mengaku kalah dengan kecekalan Imam Ahmad, Khalifah al-Muktasim meminta Imam Ahmad dibawa ke istana untuk berdepan dengan ilmuwan dan ahli falsafah yang dibawa untuk berhujah dengan beliau.
- Masing-masingnya membawa keluar ayat Quran ataupun hujah para sahabat yang menunjukkan bahawa Quran itu makhluk.

- Kesemua hujah berkenaan dipatahkannya dengan hujah bahawa, di dalam Quran dengan jelas disebut “Anzalal Quran”, Quran yang diturunkan atau diwahyukan, bukan yang dicipta.
- Perhatikan orang-orangnya juga tidak dapat berhujah, al-Muktasim bertambah berang, menyebabkan Imam Ahmad dibelasah secara berkumpulan sehingga tidak sedarkan diri.
- Pakar perubatan yang sememangnya disediakan di situ memberitahu, jika gajah dibelasah seperti itu, gajah pun akan mati.
- Imam Ahmad dibawa ke penjara semula dan tidak berapa lama kemudian, beliau sedar semula (peristiwa ini berlaku pada 25 Ramadhan).
- Beliau diberi makanan kerana kelihatan tenat dan sakit tetapi Imam Ahmad menolaknya kerana katanya, “Ini bulan Ramadhan, aku berpuasa.”
- Suatu ketika, diberitahu al-Muktasim bermimpi dua ekor singa datang untuk membahamnya tetapi ditahan oleh dua malaikat lalu membawanya berjumpa Imam Ahmad.
- Catatan mimpi ini agak panjang.
- Pendeknya, Imam Ahmad telahpun dilepaskan pada tahun 227 Hijrah.
- Al-Muktasim tidak lama kemudiannya meninggal dunia dan digantikan oleh al-Wafiq dengan polisi al-Makmun yang sama.
- Imam Ahmad menyembunyikan diri dalam tempoh yang lama sehingga kebuluran.
- Namun, setelah kira-kira 4 hingga 5 tahun, tentera al-Wafiq berjaya menemuinya.
- Ketika Imam Ahmad dibawa berjumpa al-Wafiq, al-Wafiq pula meninggal dunia pada tahun 232 Hijrah dan digantikan dengan al-Mutawakkil.
- Al-Mutawakkil merupakan khalifah yang baik dan bertakwa lalu memohon maaf kepada Imam Ahmad atas segala penyiksaan daripada kekhalifahannya dan Imam Ahmad dibenarkan mengajar semula.
- Dalam tempoh 7 hingga 8 tahun inilah beliau menumpukan masa untuk mengumpul hadis-hadis sebagaimana yang terdapat dalam kitab al-Musnad.
- Ketika beliau berdebat dengan Ahmad Du’at, Imam Ahmad ada menyebut bahawa “Kes perdebatan ini tidak berakhir di sini dan ia akan terlihat pada jenazah kita ketika kita mati nanti.”
- Imam Ahmad meninggal dunia pada tahun 241 Hijrah.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

- Menurut catatan, tidak pernah ada dalam sejarah manusia Islam, jenazah dikunjungi lebih daripada 1 juta orang, melainkan jenazah Imam Ahmad.
- Jenazah Ahmad Du'at tidak ada siapa yang hendak memandikan dan menyembahyangkannya dalam tempoh lebih daripada 7 hari dan khalifah meminta supaya mayat itu dihantar ke tempat lain. Wallahua'lam.



Imam Ahmad diseksa, dipukul dan dipenjara bagi mempertahankan akidahnya dan akidah umat Islam keseluruhannya bagi memastikan kalimah Allah SWT dalam al-Quran tidak diubahsuai. Berkat kesabarannya, kita dapat membaca al-Quran sebagaimana yang ditentukan Allah SWT. Beliau tetap dengan keimanannya, bersabar walaupun dipukul sehingga pengsan. Apabila Khalifah al-Mutawakkil melepaskannya, beliau hanya melihat ini sebagai satu ujian Allah yang lain kerana manusia boleh diuji dengan malapetaka dan juga kesenangan. Wallahua'lam.

- Jasa Imam Ahmad mempertahankan al-Quran sehingga boleh kita membacanya pada hari ini dan bertahan sehingga hari akhirat, merupakan suatu jasa yang besar.
- Maka tidak hairanlah ahli-ahli Madini meletakkan Imam Ahmad sama hebatnya dengan Abu Bakar.
- Seorang diuji dengan Mihnah dan seorang lagi diuji dengan riddah.
- Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Bab 10: Kesimpulan, Keistimewaan Keempat-empat Imam

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillahirabbil alamin


Wassalatuwassalamu ala asyrafil ambiya iwal mursalin

Wa ala alihi wasahbihi ajmain

Amma Ba'd.

- Setinggi-tinggi kesyukuran kita ucapkan kepada Allah SWT yang telah memberikan kekuatan kepada kita yang serba kekurangan ini, untuk cuba memahami atau mempelajari keempat-empat imam, khususnya dari segi keperibadian mereka masing-masing.
- Patutlah kita sebut di sini bahawa kita bukanlah hendak membincangkan tentang usul fiqh, atau asal muasal sesuatu hukum fiqh yang dikeluarkan oleh keempat-empat imam, bagaimana dan kenapa tetapi sekadar mengetahui sirah dan adab mereka.
- Setidak-tidaknya, setakat ini kita ketahui selain daripada Sayidatina Aisyah, Ummu Salamah dan Hafshah, terdapat tiga orang wanita yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam Islam sehinggakan diberi autoriti untuk mengeluarkan fatwa.
- Mereka ialah Amrah binti Abdurrahman, guru Imam Malik, Fatimah binti Malik, anak Imam Malik dan Sayyidah Nafisah binti al-Hasan, guru Imam Syafi'e.
- Pada sesi kesimpulan ini, kita akan cuba menonjolkan keistimewaan setiap imam, dan insya Allah kita mulakan mengikut kronologi, iaitu bermula dengan Abu Hanifah dan disudahi dengan Imam Ahmad.
- Imam Abu Hanifah mempunyai keistimewaan yang luar biasa.
- Disamping warak, beliau juga sangat tinggi kekuatan intelektualnya sungguhpun ada individu yang cuba mengkritik beliau kerana sedikitnya ilmu hadis dan banyak bergantung kepada analogi ataupun qias.
- Namun, dari segi keperibadian dan akhlak serta sifat bertanggungjawabnya kepada masyarakat, Imam Abu Hanifah sangatlah tinggi kedudukannya dalam Islam.
- Masalah Kuffah sebagaimana yang kita bincangkan, yang penuh dengan rungutan masyarakatnya, menyeleweng akidahnya, memerlukan imam sehebat Abu Hanifah dan memerlukan imam atau pemimpin yang berlainan dan berbeza fiqhnya.

- Maka, tidak hairanlah orang-orang seperti Sayidina Ali, Ibnu Mas'ud, dan Abu Musa al-Asha'ari yang sangat berbeza dan tinggi ilmunya, dikatakan lebih sesuai untuk mengeluarkan fatwa bagi masyarakat kritikal seperti Kuffah itu.
- Imam Abu Hanifah lahir pada 80 Hijrah, disiksa pada zaman Abbasiyah dan meninggal dunia pada 150 Hijrah, meninggalkan tiga orang muridnya, Zufar, Abu Yusuf dan kemudiannya al-Shaibani.
- Melalui Abu Yusuf, kitab tentang pembelaan hujah-hujah al-Auza'i (157H) dari Syam dan Kitab al-Kharaj yang bersandarkan mazhab Hanafi, telah ditulis.




Ini adalah kitab himpunan fiqh Imam Abu Hanifah yang dikumpul oleh murid-muridnya.

- Imam yang kedua ialah Imam Malik, yang sangat tegas pendiriannya dan sangat mendalam ilmunya.
- Berbeza dengan Abu Hanifah, yang halaqahnya sering disebut sebagai Madrasah Ahli Ra'yi (membuka kepada pandangan-pandangan individu), Imam Malik terkenal dengan Madrasah Ahli Hadis, yang lebih bersandarkan pandangan al-Quran dan Hadis dalam mengemukakan pandangan.
- Imam Malik menggunakan pendekatan amalan penduduk Madinah sebagai hujah mengeluarkan hukum fiqh kerana bagi beliau, di Madinah itulah cucu-cicit Nabi dan para sahabat berada dan di situlah amalannya kita boleh kenal pasti.

- Ketegasannya tidak mahu bekerjasama dengan pihak pemerintah menyebabkan beliau telah diseksa, khususnya di bawah gabenor Madinah, Jaafar bin Sulaiman, sehingga cedera parah dan bahunya *dislocated*.
- Sungguhpun tidak dapat berjemaah di masjid kerana uzur, namun ilmunya berkembang hingga ke Afrika dan Selatan Eropah.
- Kitab *al-Muattaqnya* menjadi popular dan digunakan oleh Imam Syafi'e, Muhammad Hassan al-Shaibani, murid Abu Hanifah dan Imam Ahmad bin Hanbal sebagai rujukan utama mereka.
- Malah, Imam Bukhari banyak merujuk kepada Kitab al-Muattaq dalam hadisnya.
- Imam Malik lahir pada tahun 93 Hijrah dan meninggal dunia pada usia 86 tahun pada tahun 179 Hijrah, meninggalkan muridnya melalui Abdurrahman Ibnu Hasyim di Karyawan, Tunisia, iaitu Syanun, yang telah mengembangkan kitab al-Muattaq, kemudiannya menulis al-Mudawwana.
- Asad Ibnu Hurat telah menulis kitab bagi mempertahankan Kitab Muattaq Imam Malik dan menggunakan kitab berkenaan bagi menjawab hujah-hujah hipotetikal dalam Mazhab Hanafi.
- Kitab Muattaq dikembangkan oleh Yahya al-Laithi Ibn Yahya di Andalusia dan juga Shaibani yang mengambil kira pandangan Abu Hanifah terhadap kitab Muattaq berkenaan.
- Imam ketiga pula ialah Imam Syafi'e, yang merupakan anggota Ahlul Bait, ahli keluarga Nabi Muhammad SAW
- Sejak kecil lagi beliau menunjukkan kepintarannya menghafal al-Quran pada usia 7 tahun dan al-Muattaq seawal 9 tahun.
- Berguru dengan Imam Malik di Madinah dan menjadi murid kesayangan Imam Malik, beliau kemudiannya berhijrah ke Yaman untuk bertugas sebagai Qadi, sebelum difitnah terlibat dengan gerakan Syiah, dan dihantar ke Baghdad untuk diadili.
- Di Baghdad, Imam Harun ar-Rasyid telah melihat bukan sahaja keikhlasannya memperjuangkan ahli keluarga Nabi, Ahlul Bayt tetapi juga kepintarannya.
- Beliau lalu diberikan kedudukan di Baghdad itu.
- Imam Syafi'e belajar dengan al-Shabani, murid Imam Abu Hanifah, di samping bertukar-tukar ilmu.
- Beliau kembali ke Mekah untuk belajar dan mengajar di sana dan di situlah Imam Ahmad mula mengenali Imam Syafi'e dan belajar dengannya.

- Sekembalinya ke Baghdad, Imam Syafi'e telah diminta untuk menerangkan bagaimana hukum fiqh dapat diputuskan melalui ayat al-Quran dan Hadis yang dimansuhkan dengan menulis kitab Ar-Risalah.
- Melihat akidah umat Islam di Baghdad sudah semakin keliru, khususnya gerakan Jahmiah dan Muktazilah di bawah Khalifah al-Makmun, beliau mengambil cadangan berhijrah ke Mesir dan menyerahkan masalah akidah itu di bawah kredibiliti Imam Ahmad.
- Di Mesir, Imam Syafi'e belajar dengan Mazhab al-Layth Ibnu Sa'd yang meninggal pada tahun 175 Hijrah.
- Beliau juga menuntut ilmu dengan menantu Imam Jaafar as-Sadiq, iaitu Sayyidah Nafisah bint al-Hasan.
- Melalui Nafisah inilah ilmunya berkembang dan beliau mendapati Imam al-Layth mempunyai ilmu yang tinggi.
- Daripada perkembangan ilmu inilah kitab ar-Risalah dikemaskini dan kitab al-Umm ditulis.



Daripada kitab inilah para pengikut mazhab Syafi'e mendapat manfaat yang besar, sungguhpun pada hari ini sebahagian besar ilmu berkaitan mazhab Syafi'e telah pun banyak melalui pengubah suaian bagi kepentingan umat.

- Asy-Syafi'e terkenal dengan kehebatan hujahnya bagi memperbaiki ilmu-ilmu yang ada dalam mazhab yang lain, sehingga beliau dimusuhi oleh pengikut Imam Malik.

- Akibatnya, beliau telah dibelasah sehingga membawa kepada kematiannya.
- Beliau lahir pada tahun 150 Hijrah, dan meninggal pada tahun 204 Hijrah.
- Asy-Syafi'e meninggalkan murid yang sangat ramai dan seorang muridnya yang terkenal ialah al-Mukhzani, yang bukan sahaja telah mengembangkan idea kitab al-Umm dan ar-Risalah tetapi juga menulis al-Mukhtasar, iaitu ringkasan kitab al-Umm dan idea Imam Syafi'e keseluruhannya.
- Legasi Imam Syafi'e sangat besar, sehingga kebanyakan imam-imam besar, termasuklah an-Nawawi mengikut mazhab asy-Syafi'e dan mengembangkan lagi ajarannya.
- Yang terakhir ialah Imam Ahmad bin Hanbal, yang bukan sahaja telah menuntut ilmu dengan Imam asy-Syafi'e tetapi juga memanfaatkan kitab al-Muattaq Imam Malik, yang secara khususnya dipelajari daripada Imam Syafi'e.
- Terkenal dengan cara hidup yang zuhud dan merendah diri, sebagaimana yang disebut tadi, beliau diberi kepercayaan untuk menangani isu akidah, bagi menangani gerakan Jahmiah dan Muktazilah, gerakan yang menyebut al-Quran itu adalah makhluk dan setiap makhluk itu akan binasa.
- Beliau telah ditahan dan dipenjara serta diseksa, di bawah Khalifah al-Makmun, al-Muktasim, dan al-Wafi' dalam mempertahankan akidah umat Islam dan kesucian al-Quran.
- Imam Ahmad terus mempertahankan akidah umat Islam walaupun pada zamannya banyak ulama' yang terpaksa menyerah kalah dengan tekanan khalifah yang terpengaruh dengan Muktazilah.
- Hanya selepas Khalifah al-Mutawakkil, Imam Ahmad telah dilepaskan dan dibenarkan untuk mengajar semula dan pada masa itulah kitab Musnad Imam Ahmad yang mengandungi ribuan koleksi hadis telah ditulis.
- Imam Ahmad lahir pada tahun 163 Hijrah, dan meninggal dunia pada tahun 241 Hijrah, pada usia yang tua, dalam keadaan anggotanya banyak yang cedera, kesan seksaan sebelumnya.
- Muridnya, Hallal, menerangkan bahawa sungguhpun ramai yang menyebut Imam Ahmad lebih menumpukan kepada hadis, namun perbincangannya tentang fiqh sama pentingnya juga dengan perbincangan hadis itu.
- Mazhabnya pernah berkembang hingga ke Palestin di bawah Ibnu Kudamah al-Maqdisi, dengan kitabnya yang popular, al-Mughni.

- Kemudiannya, ia dikembangkan pula oleh Ibn Taymiyyah.
- Sungguhpun pengaruh Imam Ahmad pada satu ketika semakin berkurangan, namun disebabkan oleh fanatik kemazhaban yang kuat, pernah satu ketika (sebagaimana dalam Bab yang pertama) jemaah bersembahyang di Mekah mengikut mazhab-mazhab berasingan.
- Lalu, kerajaan Arab Saudi memulihkan ajaran Imam Ahmad bagi memastikan setiap umat Islam bersatu di bawah ajaran al-Quran dan Sunnah.
- Kerajaan Arab Saudi dan Qatar menjadikan mazhab Imam Ahmad Ibnu Hanbal sebagai mazhab rasmi negara mereka.
- Satu perkara menarik yang boleh diperhatikan daripada keempat-empat Imam ini adalah tentang peranan ibu mereka masing-masing.
- Sebagaimana Nabi Muhammad SAW yang telah kematian bapa sejak awal lagi, keempat-empat mereka juga kematian bapa pada usia yang awal.
- Imam Ahmad menunjukkan kasih sayang dan ketaatan kepada ibunya, hingga tidak berkahwin untuk menjaga ibunya, sehinggalah beliau berusia 40 tahun, apabila ibunya meninggal dunia.
- Imam Syafi'e mempunyai ibu yang sanggup berhijrah dari Palestin ke Mekah, kemudiannya melakukan apa sahaja bagi membolehkan asy-Syafi'e menjadi ilmuwan terkemuka dan seterusnya belajar dengan Imam Malik.
- Ibu Imam Malik menanam minat di dalam diri anaknya supaya memilih jalan menjadi ilmuwan agama walaupun pada peringkat awalnya minat itu tidak ada pada Imam Malik.
- Begitulah halnya dengan Imam Abu Hanifah, yang dibesarkan dengan ilmu agama di bawah jagaan ibunya.
- Perkara yang menarik lagi yang hendak diperhatikan ialah bahawa Kitab Muattaq sebenarnya menjadi rujukan keempat-empat mazhab, iaitu di bawah Mazhab Imam Malik sendiri, kemudiannya dikembangkan oleh asy-Syafi'e sebagai sumber utama memahami hadis dan hukum fiqh dan seterusnya digunakan pula oleh Imam Ahmad Ibnu Hanbal.
- Murid Imam Abu Hanifah, Ibnu Hassan al-Syaibani, menggunakan Kitab al-Muattaq secara meluas, dengan komentar-komentar daripada Mazhab Imam Hanafi.
- Sebagaimana yang disebut tadi, Imam Bukhari sendiri merujuk kepada Kitab al-Muattaq dalam penulisan hadis ini.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

- Pendek kata, perbezaan antara mazhab sebenarnya tidak timbul, kerana selain daripada al-Quran dan Hadis, kitab al-Muattaq digunakan dalam keempat-empat mazhab berkenaan.
- Satu perkara terakhir yang perlu kita perhatikan ialah bahawa keempat-empat imam ini saling belajar sesama mereka dan saling menghormati pandangan masing-masing.
- Walaupun mungkin tidak pernah belajar secara langsung, Abu Hanifah yang 13 tahun lebih senior daripada Imam Malik, pernah dikatakan berada dalam halaqah Imam Malik.
- Dan sebagaimana yang kita ketahui, Imam Malik bukan sahaja mengajar Imam asy-Syafi'e yang masih muda tetapi juga banyak melihat kelebihan-kelebihan Imam asy-Syafi'e, yang menyebabkan beliau membuka mata dalam beberapa perkara.
- Imam asy-Syafi'e bukan sahaja menjadi guru kepada Imam Ahmad tetapi juga menjadi murid, khususnya tentang Ilmu Hadis yang dikumpulkan oleh Imam Ahmad.
- Murid Imam Hanafi, Abu Yusuf, menjadi guru kepada Imam Ahmad dan as-Syaibani menjadi guru kepada Imam Syafi'e.
- Mereka kesemuanya ini menjadi guru kepada mazhab besar yang dipimpin oleh Sufyan al-Thawri dan Sufyan Ibn 'Uyaynah, disamping Hisham al-Basir.



Kita banyak berhutang budi dengan ilmu Sheikh Omar Suleiman dalam Bab kita ini. Beliau merupakan seorang ahli akademik, penceramah dan presiden untuk Yaqeen Institute for Islamic Research. Beliau pernah belajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia untuk

peringkat Masters dan sekarang merupakan Ketua Jabatan Sejarah Bayyinah Institute, yang dikendalikan oleh Nouman Ali Khan.

- Ketiga-tiga mereka pula dipengaruhi oleh fiqh tiga sahabat besar, Ibnu Abbas, Ibnu Umar, dan Ibnu Mas'ud.
- Justeru itu, tidak ada sebab bagi kita hari ini untuk menjadi fanatik kepada sesuatu mazhab, sehingga ke tahap merendahkan amalan rakan-rakan kita daripada mazhab lain, ataupun mengagung-agungkan amalan kita.
- Berdasarkan Bab kita ini, mudah-mudahan kita dapat berasa insaf tentang betapa ceteknya ilmu kita, kerana yang kita bincangkan ini cumalah tentang kisah mereka, bukannya ilmu mereka yang terdapat dalam kitab-kitab berkenaan.
- Kita hanya membincangkan tentang cara hidup dan adab mereka, bukannya usul fiqh yang mereka keluarkan.
- Akhir sekali, kita bersyukur kepada Allah SWT, kerana kita dilahirkan sebagai seorang Islam.
- Kita juga bersyukur kepada Allah SWT kerana telah memberikan kita ilmu melalui Bab ini.
- Mudah-mudahan Allah SWT mengampunkan kesilapan-kesilapan dan kelemahan kita sepanjang mengadakan Bab ini.
- Terima kasih kepada Syeikh Omar Suleiman, kerana melalui kuliah-kuliahnya di Youtube, kita telah dapat memperoleh pengetahuan, disamping ilmuwan lain seperti Syeikh Abdul Hakim Murad, Navaid Aziz, Belal Assaad, dan lain-lain lagi.
- Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
- Astaghfirullahalazim, Astaghfirullahalazim, Astaghfirullahalazim.


Bahagian B: Imam-Imam Hadis

Bab 11: Prolog - Penyusun dan Perawi Hadis Terawal

Setiap daripada kita memahami bahawa hadis Rasulullah SAW merupakan sumber pengetahuan kedua yang paling sahih, selepas Al-Quran al-Azim. Mengetahui kepentingannya, tidak ada alasan untuk kita tidak belajar dan menyebarkan ilmu hadis, lebih-lebih lagi apabila terdapat beberapa pihak dalam Islam mula tidak memberikan keutamaan kepada pengetahuan agama seperti hadis. Segala-galanya menjadi lebih buruk apabila terdapat kumpulan tertentu dalam agama kita yang menysihkan semua hadis, menuduh bukan hanya tidak sah, tetapi juga tidak relevan. Semoga Allah melindungi kita daripada menjadi mangsa kepada kekeliruan tersebut, dan semoga Allah membimbing kita semua ke jalan yang lurus. Aameen.

Dalam sesi bahagian ini, InsyaAllah kita akan membincangkan sebilangan besar penyusunan hadis yang dikenali sebagai Enam Kitab Hadis Utama (*Kitab as-Sittah*). Karya-karya ini telah dibuat oleh Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam at-Tirmidhi, Imam Abu Dawud, Imam an-Nasa'i dan Imam Ibnu Majah.

Sebelum kita membincangkan mengenai penyusunan hadis mereka, nampaknya lebih bijak jika kita menyebut tentang sahabah generasi pertama atau orang-orang yang telah meriwayatkan hadis, terutama mereka yang diketahui telah banyak meriwayatkan hadis di bawah kekuasaannya. Secara keseluruhan, terdapat tujuh tokoh terkenal yang telah meriwayatkan banyak hadis, dan yang pertama di antara mereka adalah Abu Hurairah, yakni mempunyai hampir 6000 hadis diriwayatkan di bawah kekuasaannya. Beliau diikuti oleh Sayyidatina Aisha, dengan lebih daripada 2200 hadis, seterusnya Ibn Umar iaitu hampir sebanyak 2000 hadis, kemudian Ibnu Abbas dengan sekitar 1660 hadis, dan Anas ibn Malik serta Jabir ibn Abdullah yang telah meriwayatkan lebih daripada 1000 hadis masing-masing. Orang terakhir yang harus juga diberikan perhatian adalah Abu Sa'id yang mana telah meriwayatkan hampir 1000 hadis di bawah kekuasaannya.



(Studies in Early Hadith Literature, oleh M. Mustafa Azmi)


Sudah tentu, terdapat banyak imam hebat yang meneruskan penerangan serta periwayatan mengenai hadis ini, yakni antara generasi sahabah dan generasi Enam Imam Besar Hadis, yang mana mempunyai jurang sebanyak 160 tahun. Kita sebenarnya mungkin mengetahui beberapa maklumat mengenai mereka. Sebelum kita membincangkannya, marilah kita menyelami pengenalan secara ringkas bagi setiap tujuh tokoh dihormati ini yang mana terkenal dengan periwayatannya, iaitu Abu Hurairah, Sayyidatina Aisha, Ibn Umar, Ibn Abbas, Anas, Jabir dan terakhir Abu Sa'id al-Khudri.

Kita mulakan dengan Abu Hurairah yang mempunyai hampir 6000 hadis yang diriwayatkan di bawah kekuasaannya. Beliau berasal daripada suku ad-Dawsy iaitu dari Yaman dan kemudiannya telah berhijrah ke Madinah pada 7H, sejurus selepas Kempen Khaybar. Syakh Yasir Qadhi, antara lain, menyebut bahawa walaupun benar beliau berhijrah ke Madinah pada tahun 7H, itu tidak bermakna beliau telah memeluk Islam pada tahun-tahun tersebut dan hanya mengetahui tentang Islam dan hadis dalam 3 ½ tahun sahaja. Tidak banyak mereka yang tahu bahawa beliau telah lama menukar agamanya, yakni jauh sebelum orang-orang Ansar (Bani Aus dan Bani Khazraj) masuk Islam.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Ketua bagi suku ad-Dawsy, Amir bin Tufayl telah memeluk Islam pada pertengahan tahun, jika bukan pada tempoh awal tahun Dakwah. Sebagai ketua, Amir ibn Tufayl telah secara efektif menukar agama sukunya, yakni sekitar 80 isi rumah suku ad-Dawsy yang memeluk Islam di bawah kepimpinannya, beberapa tahun sebelum penghijrahan besar ke Madinah. Wallahua'lam. Ini mungkin menjelaskan mengapa beliau dapat meriwayatkan begitu banyak hadis, iaitu hampir sebanyak 6000 hadis, dan tentu saja, ditambah dengan faktor-faktor lain seperti ketekunan beliau dan doa Rasulullah SAW akan kejayaannya dalam periwayatan hadis.

Isteri ketiga Rasulullah SAW dan juga ibu kepada orang beriman, Sayyidatina Aisha RA adalah antara wanita yang amat berpengetahuan pada masa itu. Beliau mendapat manfaat dari dekatnya beliau dengan Rasulullah SAW. Melalui perhubungan yang rapat itu, kita dapat mengetahui banyak maklumat mengenai kehidupan peribadi Rasulullah, bukan hanya dengan keluarganya, tetapi yang lebih penting lagi adalah dengan isterinya. Melalui anak didik Sayyidatina Aisyah, Amira binti Abdurrahman, dan juga anak saudara beliau, Urwah ibn Zubayr, ucapan (hadis) Rasulullah SAW terus dipelajari dan kemudian sampai kepada Enam Imam Besar Hadis, sebelum akhirnya ke pengetahuan kita. Aisha RA meninggal pada 58H semasa pemerintahan khalifah Muawiyah.



(Abu Hurayra, oleh Abdul Hussayn Sharafiddeen al-Musawi)

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Ibnu Umar merupakan putera Umar bin al-Khattab yang terkenal dengan khalwatnya, solat malam (Qawwama), dan puasa (Sawwama). Dilahirkan pada 10 tahun sebelum Hijrah, beliau bermula dengan mengambil bahagian dalam Pertempuran Uhud, dan hanya menumpukan perhatian pada ilmu dan hadis di kemudian hari. Beliau terkenal dengan sikap politiknya yang berkecuali ketika adanya perselisihan politik di sana sini. Beliau meninggal pada tahun 74H semasa pemerintahan Abdul Malik ibn Marwan daripada pemerintahan Bani Umayyah.

Ibnu Abbas dilahirkan 3 tahun sebelum Hijrah, dan ketika Rasulullah SAW wafat, beliau baru berusia sekitar 13 tahun. Semasa muda, kecerdasannya telah diperhatikan oleh Rasulullah SAW. Rasulullah SAW pernah membuat doa di atas kepandaiannya, terutama dalam bidang tafsir al-Quran atau Tarjuman Quran. Beliau juga berpendirian berkecuali dan meninggal pada tahun 69H di daerah Ta'if.

Selebihnya tiga sahabah yang mempunyai banyak hadis yang diriwayatkan di bawah mereka adalah merupakan antara generasi Ansar. Anas tinggal bersama Rasulullah SAW sejak awal kehidupannya. Beliau melayani dan mempelajari daripada Rasulullah SAW secara langsung, dan diberikan doa untuk umur panjangnya dan dikurniakan banyak anak, serta tetap berada di jalan kebenaran. Beliau telah menjalani kehidupannya yang panjang dan dikurniakan banyak anak. Beliau meninggal pada tahun 95H, ketika Imam Abu Hanifah baru berusia 15 tahun. Jabir ibn Abdullah mempunyai kisah yang unik dengan Baginda SAW. Dalam salah satu perjalanannya setelah melakukan kempen perang, iaitu dalam perjalanan pulang ke Madinah, Rasulullah SAW memperlahankan untanya, dan memperhatikan bahawa seseorang tertinggal di belakang, dan itu adalah Jabir. Banyak perbualan antara Rasulullah SAW dan Jabir adalah mengenai perniagaan. Sebilangan besar daripadanya digunakan untuk tujuan perundangan, bahkan sehingga ke hari ini. Abu Sa'id al-Khudri terkenal dengan keimanan dan ketakwaannya. Beliau dilahirkan 10 tahun sebelum Hijrah dan juga mempunyai hidup yang lama. Semasa episod di Harra pada tahun 63H, yakni ketika Madinah diserang oleh tentera Yazid, Abu Sa'id berada di kota Madinah, dan mengalami sendiri akan buruknya serangan tersebut. Beliau bersembunyi di sebuah gua dan menunggu sehingga pertempuran tersebut selesai, dan meninggal pada tahun 74H.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Sebelum mengakhiri bahagian ini, marilah kita nyatakan juga beberapa nama penting antara Tabi'in (Pengganti) dan Tabi'i at-Tabi'in (Pengganti kepada Pengganti) yang mana kemudiannya mendapat manfaat daripada Enam Imam Besar Hadis. Mereka ini termasuklah Ibn Mubarak, Ibn Shihab al-Zuhri, dan Sufyan Ibn Uyaynah. Selain itu, terdapat juga beberapa fuqahas besar di Madinah, yang juga dikenali sebagai Tujuh Fuqah Madinah. Mereka adalah:

- Sa'id ibn al-Musayyib
- 'Urwah Ibn Az-Zubayr Ibn Al 'Awwam
- Sâlim Ibn 'Abdullah Ibn 'Umar
- Al Qâsim Ibn Muhammad Ibn Abi Bakr
- Abû Salama Ibn 'Abdur Rahman Ibn 'Awf
- Sulaymân Ibn Yasâr
- Khârijah Ibn Zayd Ibn Thabit.

InshaAllah, dengan beberapa maklumat latar belakang mengenai penyusunan dan periwayatan hadis terawal, dalam bahagian seterusnya, kita akan mula membincangkan tokoh pertama daripada Enam Imam Besar Hadis, tidak lain dan tidak bukan adalah Imam al-Bukhari sendiri. Semoga Allah SWT mengurniakan sebesar-besar barakah atas usaha kita ini, Aameen.

Bab 12: Imam al-Bukhari (Bahagian 1) – Biografi yang Unik

Cara terbaik dalam memperkenalkan seseorang, terutama seorang yang terpelajar seperti Imam al-Bukhari adalah dengan menyebutkan biodata pendeknya dan juga watak kedua-dua orang tuanya. Imam al-Bukhari mempunyai gelaran atau nama panggilan tersendiri iaitu Abu Abdillah, dan nama sebenarnya adalah Muhammad ibn Ismail ibn Ibrahim ibn Mughirah ibn Bardizbah al-Ju'fi. Tiada maklumat yang menyatakan bahawa beliau telah menikah, dan beliau memilih nama Abu Abdillah bagi mendapatkan barakah daripada salah satu dari dua nama yang ditunjukkan oleh Rasulullah sebagai nama terbaik untuk lelaki, Abdullah dan Abdurrahman. Beliau dianggap sebagai al-Ju'fi kerana datuknya Mughirah memeluk agama Islam semasa penguasa zamannya, iaitu al-Yaman al-Ju'fi. Ini merupakan antara tradisi bagi mana-mana suku dalam menjadi suku yang membantu mereka memeluk agama Islam.


Imam al-Bukhari dilahirkan di Bukhara, oleh sebab itu beliau sering disebut sebagai Imam al-Bukhari. Beliau dilahirkan pada 12/13 Syawal 194H, dan demikian itu beliau adalah salah seorang daripada pengganti kepada pengganti (Tabi'in at-tabi'in) berdasarkan perjanjian yang dibuat oleh para ulama yang menyatakan bahawa mereka yang dilahirkan sebelum tahun 220H dianggap sebagai tabi-in at-tabi'in. Wallahua'lam.

Mari kita membincangkan perihal kedua ibu bapanya pula. Ayahnya, Ismail meninggal ketika Imam al-Bukhari baru berusia 3 tahun. Ismail merupakan seorang sarjana hadis yang berpeluang bertemu dengan Imam-Imam Besar seperti Imam Malik, Hammad, Ibn Mubarak, dan lain-lain. Dalam pada itu, ayahnya juga amat terkenal dengan ketakwaan, terutama sifatnya yang tegas terhadap syiling sebagai pedagang bagi menjamin kesuciannya. Seorang ulama pada zaman Ismail, telah melewatinya dan bertanya tentang warisannya, dan dengan pantas dijawab, bahawa oleh Allah dia memberi kesaksian bahawa setiap pendapatan yang didapati telah melalui usaha sedarnya sendiri bagi mengesahkan kesucian yang ada.

Sebilangan besar kisah mengenai ayahnya Imam al-Bukhari telah ditulis sendiri oleh Imam al-Bukhari dalam salah satu karya pentingnya, at-Tarikh al-Kabir. Tidak ada informasi yang jelas menunjukkan bahawa Imam al-Bukhari mempunyai komitmen dengan apa-apa pekerjaan,

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

sebahagiannya adalah kerana beliau telah mewarisi bukan hanya sejumlah besar dinar dan dirham, tetapi juga merupakan kekayaan yang suci dan bersih.



(At-Tarikh al-Kabir, oleh Imam al-Bukhari)

Imam al-Bukhari telah berkarya dengan banyaknya serta mempunyai pengaruh yang luas dalam pelbagai topik. Walaupun karyanya al-Jami 'as-Sahih diketahui umum, karya pentingnya yang lain, at-Tarikh al-Kabir, menyebutkan kisah tentang ayahnya yang meriwayatkan hadis.

Seterusnya, mari kita sama-sama membincangkan tentang ibu beliau yang turut dikenali sebagai Abadiyah (pandai dalam beribadah). Abadiyah jelas merupakan seorang wanita yang sangat penyayang. Sedikit yang diketahui mengenai biodatanya tetapi terdapat dua peristiwa tragis yang terjadi ketika Imam al-Bukhari baru berusia 3 tahun. Pertama, seperti yang telah kita bincangkan, ayahnya, Ismail meninggal dunia. Kedua, kerana alasan yang tidak diketahui, Muhammad bin Ismail telah kehilangan penglihatannya. Sebagai seorang ibu, jelas hatinya remuk. Namun, menyedari bahawa melalui pertolongan Allah SWT sahaja yang dapat membantunya, Abadiyah memohon agar kemampuan anaknya untuk melihat dapat dikembalikan.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Selama tiga tahun malam berturut-turut yang panjang dan penuh ranjau, kecuali ketika ada darurah, ibunya selalu dan secara konsisten menunaikan solat malam dan meminta agar anaknya dapat melihat lagi. Dengan rahmah Allah, Abadiyah bertemu dengan Ibrahim AS dalam mimpinya, memberitahu bahawa Allah akan mengembalikan cahaya penglihatan kepada anaknya. Dengan rasa penuh kagum dan syukurnya kepada Allah, Muhammad telah memperoleh kembali kemampuannya untuk melihat.

Kisah ini sedikit sebanyak memberitahu bahawa kita harus bertawakal sepenuhnya kepada Allah SWT, dan jika kita secara konsisten berusaha untuk melakukan doa, InshaAllah Allah SWT akan menjawab permohonan kita itu. Sebenarnya, doa merupakan ibadah yang penting dalam agama kita. Imam Nawawi dalam al-Arba'in (40 Hadis), seperti yang disebutkan oleh Ibn Hajar al-Haytami, meletakkan sekali dua hadis tambahan (42 hadis kesemuanya) kerana cintanya terhadap hadis, dan hadis terakhir adalah mengenai pentingnya berdoa. Kisah ibu bapa Imam al-Bukhari dapat memberitahu kita bahawa jika kita mahukan anak-anak menjadi Muslim yang baik, kita sebagai ibu bapa haruslah memberikan contoh terbaik buat mereka.

InshaAllah, kita akan membincangkan tentang kehidupan awal Imam al-Bukhari, terutama mengenai kesabaran dan kemampuannya yang hebat dalam mempelajari dan menghafal hadis. Beliau telah memperolehi pengetahuan sebegitu sejak awal lagi yakni melalui Waki 'ibn Jarrah, yang beliau pelajari dengan penuh semangat. Beliau turut serta dalam halaqah (perhimpunan pengetahuan) yang dilaksanakan oleh seorang guru bernama ad-Dahili.

Pada masa itu, para guru menunjukkan pengetahuan dan kecerdasan yang dimiliki dengan tidak melihat pada nota mereka. Ada ketika semasa zaman muda Al-Bukhari telah membetulkan gurunya dengan menegaskan bahawa Abu Zubayr tidak pernah meriwayatkan hadis daripada Ibrahim, seperti yang disebutkan oleh guru tersebut. Beliau meminta gurunya untuk melihat semula catatan yang telah ditulis, yang mana tidak dibawanya ke halaqah. Orang yang sebetulnya yang meriwayatkan hadis daripada Ibrahim adalah Ibn Zubayr ibn Adi. Dengan perasaan penuh kagum, setelah memeriksa catatannya, ternyata kanak-kanak berusia 11 tahun itu benar.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Pada usia 16 tahun, Muhammad dan saudaranya Ahmad, bersama ibunya telah pergi menuju ke Makkah untuk menunaikan haji. Hatinya amat terikat dengan Makkah dan Madinah ketika beliau mengetahui bahawa pengetahuan ada di mana-mana sahaja, jelas kerana para ulama dari seluruh dunia berpusat di sana, dengan padat sekali. Melalui keizinan ibunya, beliau tinggal di tanah Hijaz untuk jangka masa yang panjang, bagi mencari ilmu pengetahuan.

Pada usia baru menjejak 18 tahun, beliau telah menerbitkan buku pertamanya mengenai keputusan atau ketetapan yang dibuat oleh para sahabah dan para penggantinya. Di dalam buku ini, Imam al-Bukhari berusaha memahami cara para sahabah dan pengganti mereka berfikir dan memahami apa-apa isu sebelum keputusan tersebut diperturunkan.



(Memanah dan Menunggang Kuda)

Terdapat banyak riwayat yang menunjukkan tiga aktiviti sukan yang digalakkan oleh Rasulullah SAW; berenang, memanah dan menunggang kuda. Wallahua'lam. Memanah khususnya, mengajar tentang pentingnya fokus sekiranya kita ingin mencapai sasaran yang ingin dituju.

Sebelum berakhirnya bahagian ini, marilah kita sama-sama membincangkan aktiviti masa lapang yang juga boleh dikatakan sebagai hobi; memanah. Kita mungkin pernah mendengar atau membaca hadis yang menyebut tentang berenang, memanah dan menunggang kuda dalam hadis yang disebut oleh para ulama sebagai marfu' (langsung daripada Nabi SAW) atau mawquf (daripada para sahabat). Hadis tersebut adalah seperti berikut:

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Rasullullah S.A.W berkata, “Segala sesuatu yang berkaitan dengan zikir, maka itu adalah senda gurau belaka kecuali empat perkara; perjalanan seseorang antara dua tujuan (memanah), latihan menunggang kuda, . . . dan belajar berenang’
(*Riwayat al-Tabarani*)

Memaneh adalah antara sukan kegemaran Imam al-Bukhari, yang mana menurut rakannya, Muhammad ibn Hatim, Imam al-Bukhari tidak pernah tersasar panahannya, kecuali hanya dua kali sahaja. Melalui sukan seperti itu, kita belajar bahawa fokus merupakan aspek yang sangat penting, latihan dapat menjadikannya sempurna, dan kegigihan adalah kunci kejayaan. Semua ciri-ciri ini telah dilaksanakan oleh Imam al-Bukhari.

Jelas, ada banyak lagi yang dapat kita bincangkan mengenai Imam al-Bukhari, dan melalui satu bahagian, mungkin cukup untuk kita menggaruk permukaan lautan yang dalam. InshaAllah, kita akan meneruskan dua bahagian lagi mengenai diri beliau. Semoga Allah SWT dapat memberi kita kekuatan dan ketekunan, serta fokus agar dapat meneruskan sesi tazkirah ini. Aameen.

Bab 13: Imam al-Bukhari (Bahagian 2) – Anugerah Ingatan


Kita perlulah sentiasa bersyukur kepada Allah SWT di atas pengetahuan dan keberkatan-Nya, serta meminta pengampunan-Nya atas kekurangan yang ada dalam menjalankan tazkirah bahagian ini. Aameen. Kita mengakhiri sesi sebelumnya yang mana membincangkan tentang sukan kegemaran Imam al-Bukhari; memanah. Kita juga telah membincangkan faedah yang ada pada sukan memanah; fokus, ketabahan dan ketelitian. InshaAllah, dalam bahagian ini, kita akan memberi perhatian kepada pengetahuan dan akhlak beliau, dan bagaimana para ulama yang lain memuji akan dirinya. Jelasnya, Imam al-Bukhari seseorang yang mempunyai pelbagai keunikan tersendiri. Pengulas hebat kepada Sahih al-Bukhari, Imam Ibn Hajar al-Asqalani (773H-852H), pernah berkata, “jika anda ingin membuka pintu pujian bagi Imam al-Bukhari, anda akan menemukan lautan yang tidak pernah mengenal pantai”.

Sebagai catatan, buku terhebat yang dikarang oleh Imam al-Bukhari, dikenali sebagai al-Jami 'as-Sahih atau Sahih al-Bukhari telah ditafsir dan dibedah oleh banyak ulama besar, dimana Imam Ibn Hajar al-Asqalani adalah salah satu daripadanya. Buku Ibn Hajar, Fathul Bari telah meluas dibaca dan ditulis dari zamannya sehinggalah ke hari ini. Sebenarnya, kita banyak mengetahui perincian mengenai Sahih al-Bukhari dengan panjang lebar serta menurut perspektif sedemikian kerana Imam Besar, Imam Ibn Hajar al-Asqalani.

Salah satu pujian ada datang daripada Imam Ahmad ibn Hanbal (Fuqaha Agung), yang mengatakan bahawa dia tidak pernah melihat orang sehebat itu di negeri Khorasan. Imam Ali al-Madini (Imam Besar Hadis) yang mana Imam al-Bukhari amat menghormati dirinya kerana pengetahuannya yang luas, dan sering dipuji oleh Imam al-Bukhari sendiri. Namun, Imam Ali al-Madini berkata “Lupakanlah saya. Imam al-Bukhari merupakan seorang yang sering diterangi dengan "cahaya", dan saya tidak akan melihat seseorang seperti itu lagi ". Qutayba ibn Sa'd, guru kepada Enam Muhaddithin (Bukhari, Muslim, at-Tirmidhi, Ibn Majah, an-Nasa'i, Abu Dawud) pernah mengatakan bahawa "Saya telah duduk bersama para Fuqah Agung. Betapa hebat dan tawaduknya mereka ini. Namun, saya tidak pernah menemui orang yang mengagumkan seperti al-Bukhari. "

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Individu yang telah disebutkan disini berada pada tahap yang berbeza sama sekali. Mereka merupakan antara guru pada zaman Imam al-Bukhari, dan adalah guru kepada Imam al-Bukhari sendiri. Dalam Fathul Bari Imam al-Asqalani, terdapat perbincangan mengenai guru-guru Imam al-Bukhari, yang mana menurut Shaykh Navaid Aziz, dibahagikan kepada lima kumpulan. Secara amnya, tiga daripadanya adalah permulaan kepada Imam al-Bukhari (sahabah, tabi'in, tabi'i at-
tabi'in). Dua kumpulan yang lain adalah sezamannya dan kumpulan yang lebih muda daripadanya (muda, isnad (rantai penceritaan) dan pengetahuan).



(Fathul Bari, oleh Imam Ibn Hajar al-Asqalani)

Sekiranya anda masih ingat, InshaAllah, Imam al-Bukhari telah membaca buku Waki 'ibn Jarrah ketika beliau masih kecil, dan daripada buku inilah, beliau mengetahui bahawa beliau mestilah belajar dari tiga lapisan orang jika berkeinginan menjadi seorang muhaddithin yang hebat (senior, sezaman dan junior). Menurut Shaykh Navaid Aziz, motivasinya yang kuat untuk menyusun hadis menjadi semakin teguh pada awal 20-an.

Imam al-Bukhari, pada suatu ketika dalam kehidupannya, menyebut bahawa beliau telah menghafal 300,000 hadis. Namun, beliau mendapat tahu bahawa sebahagian besar daripadanya (200,000) didapati sebagai Dha'if. Harus diingat bahawa terdapat banyak kategori hadis seperti Sahih, Hasan, Dha'if, dan Maudhu, yakni merupakan penemuan kepada perancangan pembahagian oleh Imam at-Tirmidhi mengikut kategori masing-masing, bagi membantu umat lebih memahami dan menghayati keindahan serta kelebihan hadis. Cerita mengenai kemampuan Imam al-Bukhari

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

menghafal hadis telah tersebar di tanah Parsi, terutama di Iraq. Sebilangan besar orang berpendapat bahawa itu adalah penipuan semata-mata sekiranya terdapat seseorang mengaku mempunyai ingatan seperti itu, iaitu mampu menghafal sehingga 300,000 hadis.

Menurut beberapa riwayat, di salah satu masjid besar Baghdad, Imam al-Bukhari dipanggil bagi membuktikan kemampuannya untuk menghafal hadis, seperti yang diperkatakan oleh ramai orang. 10 guru hebat menyediakan 10 hadis masing-masing, berjumlah 100 hadis, yang semuanya telah diubah atau dicampuradukkan rangkaian perawi atau matan atau isi hadis tersebut. Masing-masing daripada mereka meriwayatkan hadis dan bertanya kepada Imam al-Bukhari, apakah beliau mengetahui atau menghafal hadis-hadis tersebut. Begitu ramai orang yang berkumpul di masjid, yang mana telah mengejutkan mereka, Imam al-Bukhari mengatakan bahawa beliau tidak pernah mendengar hadis seperti itu, walaupun kebanyakan mereka yang berada di situ berpendapat bahawa hadis-hadis itu cukup umum.

Sebagai catatan, dalam tradisi pengetahuan hadis, pernyataan akan dianggap sebagai bukan hadis, tidak hanya jika si matan tidak betul atau mengelirukan, tetapi juga jika rantai perawi dicampuraduk atau salah. Seorang demi seorang Imam al-Bukhari menjelaskan bahawa beliau tidak pernah mendengar hadis seperti itu pada sebelumnya kerana hadis yang disampaikan oleh 10 guru hebat berkenaan adalah salah terutamanya pada penyusunan rantai perawi. Imam al-Bukhari tidak hanya mengulangi semua hadis dengan rantai perawi yang sepatutnya dan betul, bahkan beliau menyebutkan apa yang seharusnya menjadi susunan yang tepat bagi mereka. Setelah itu, mereka mengaku bahawa orang yang mereka anggap sebagai penipu itu bukan hanya dapat menghafal semua yang terdapat dalam 100 hadis itu dengan sempurna, tetapi beliau juga dapat mengesan dengan segera rantai riwayat yang diubah atau dimanipulasi, yang mana sengaja dilakukan bagi mengelirukan Imam al-Bukhari.

Peristiwa ini mengangkat status Imam al-Bukhari menjadi platform tertinggi dalam kalangan muhaddithin pada zamannya. Ramai orang akan berkumpul dengannya bagi menimba ilmu dan mendapat manfaat daripada lelaki hebat itu. Seseorang mungkin ingin mengetahui bagaimana sebenarnya beliau mempelajari dan menyusun hadis. Rakan karibnya yang telah bersamanya selama lebih kurang 14 tahun, Muhammad ibn Hatim, menyebutkan bahawa Imam al-Bukhari

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

hampir tidak tidur pada waktu malam, dan pada setiap malam beliau akan bangun 15-20 kali, menyalakan lilin bagi memeriksa hadis-hadis yang telah disusun.



(Ibadat Malam)

Semua sahabah yang hebat telah dikenali rapat kerana solat malam mereka. Sebenarnya, ada banyak surah yang memuji ibadah seperti itu, seperti dalam Surah As-Sajdah ayat 16, dan Imam Bukhari dikenali ramai bukan hanya dengan ibadah malamnya, tetapi juga amalan beliau dalam mempelajari dan memeriksa hadis pada malam hari.

Surah As-Sajdah ayat 16 menjelaskan sifat kerohanian yang tinggi bagi seseorang yang sukar tidur pada waktu malam, mengharapkan redha Allah dan bimbang akan azab Allah. Ayatnya adalah seperti berikut:

تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

Mereka merenggangkan diri dari tempat tidur, (sedikit sangat tidur, kerana mengerjakan sembahyang tahajjud dan amal-amal soleh); mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (akan kemurkaanNya) serta dengan perasaan ingin memperolehi lagi (keredaanNya); dan mereka selalu pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepada mereka

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Cerita tentangnya juga menyebut bahawa dalam kebiasaan Imam al-Bukhari, beliau akan berusaha menghabiskan sepertiga Al-Quran ($\frac{1}{3}$) pada setiap malam supaya beliau dapat menghabiskan keseluruhan Al-Quran itu dalam 3 malam, sementara itu, beliau akan membaca keseluruhan Al-Quran untuk ibadahnya pada waktu siang. Harus jelas bagi kita bahawa beliau juga telah menghafal seluruh Al-Quran itu, dari setiap muka ke muka. Ketika ditanya tentang motivasinya dalam menghabiskan bacaan Al-Quran, beliau memberitahu bahawa terdapatnya hadis yang mengatakan bahawa Allah SWT akan menjawab doa kita sekiranya kita menyelesaikan bacaan keseluruhan Al-Quran itu.

Ingatannya yang begitu kuat sehingga setiap kali membaca buku, beliau perlu menutup halaman buku sebelahnya, bimbang bahawa pengetahuan dan maklumat daripada halaman lain akan bertindih dan bercampur dengan maklumat daripada halaman yang dibacanya. Syakh Omar Suleiman menyebut bahawa ada kemungkinan pengalaman kehilangan penglihatan Imam al-Bukhari selama 3 tahun, telah memperkuatkan pancainderanya yang lain selain meminda otaknya. Allah SWT pasti mempunyai alasan yang mendalam untuk menjadikan seseorang itu buta atau pekak atau cacat dengan apa-apa cara sekalipun. Wallahua'lam.

Satu kisah penting mengenai keteguhan usaha Imam al-Bukhari dalam memastikan hatinya tidak keruan adalah semasa perjalanannya di atas kapal. Diketahui oleh salah seorang penumpang kapal berkenaan bahawa Imam al-Bukhari mempunyai 10,000 dirham bersamanya (agak setara dengan USD100,000). Lelaki itu merancang untuk mencuri wang tersebut dengan rancangan jahatnya. Ketika malam menjelma, lelaki itu berteriak "Saya telah dirompak!" berkali-kali. Perburuan bermula, kononnya mencari "pencuri" itu. Lelaki jahat itu menunjuk kepada Imam al-Bukhari dan Imam al-Bukhari telah digelegah barangnya, tetapi tidak ada apa-apa yang dijumpai.

Setelah banyak usaha yang dilakukan, lelaki itu menyedari bahawa rancangannya telah gagal. Ketika kapal sudah sampai ke destinasiya, lelaki itu terus meminta penjelasan daripada Imam al-Bukhari. Imam al-Bukhari mengatakan bahawa beliau telah membuang 10,000 dirham daripada kapal dan ke laut. Beliau menambah, sekiranya lelaki itu menginginkan wang berkenaan, beliau boleh mencuba menyelam ke laut dan mencarinya.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Imam al-Bukhari menjelaskan bahawa beliau mempunyai misi yang besar untuk menyusun dan mengajarkan sabda Baginda SAW, oleh sebab itu beliau tidak mahu terlibat dengan perkara buruk yang boleh mencemarkan namanya, kerana apa-apa yang ditimpa kepadanya akan memberi kesan kepada ucapan Nabi yang akan disusunnya. Beliau melanjutkan, jika Allah mahu memberinya 10,000 dirham, Allah dapat memberikannya pada bila-bila masa saja. Ini menunjukkan kepercayaan dan falsafahnya yang hebat dalam Qada 'dan Qadr.

InshaAllah, sebelum kita melengkapkan keseluruhan bahagian ini, kita akan mengetengahkan beberapa karya pentingnya, dan pada bahagian berikutnya, kita akan InshaAllah memusatkan pemerhatian kepada kitab kedua terbaik setelah Al-Quran, al-Jami 'as-Sahih yang disusun oleh al-Bukhari. Berikut adalah beberapa karya agungnya:

- Al-Jami' al-Sahih (Sahih al-Bukhari)
- Al-Tarikh al-Kabir
- Al-Jami' al-Kabir
- Kitab al-Fawa'id
- Al-Tafsir al-Kabir
- Kitab Qadhaya al-Sahabah wa al-Tabi'in

Semoga Allah SWT memberkati kita dengan kekuatan sehingga dapat mempelajari karya agung Imam al-Bukhari, sekurang-kurangnya Sahih al-Bukhari. Semoga Allah mengampuni setiap kekurangan dan kesalahan kita serta memberkati kita dengan rahmat-Nya dan mengizinkan kita memasuki Syurga-Nya tanpa sebarang pertimbangan.

Bab 14: Imam al-Bukhari (Bahagian 3) - Cemburu

Dalam bahagian ini, InshaAllah, kita akan memusatkan pemerhatian kepada warisan Imam al-Bukhari dalam tradisi hadis, melalui Sahih al-Bukhari. Kita juga akan berusaha dalam membincangkan beberapa peristiwa penting sebelum kematiannya.

Untuk memahami Sahih al-Bukhari, kita haruslah menjelaskannya bermula daripada gurunya yang terkenal, Ishaq ibn Rahwayh yang mana pengetahuan dan ketakwaannya sama hebat dengan Imam Fiqh yang lain seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafi'e, dan Imam Ahmad. Dikatakan bahawa keputusan fiqhnya adalah sangat tajam dan tepat. Namun, bukan sahaja dia tidak mempunyai hidup yang lebih lama, tetapi dia juga tidak mempunyai pelajar untuk meneruskan ajarannya.


Terdapat dua isu penting yang berlanjutan bagi umat Islam pada masa itu. Yang pertama adalah mengenai Dh'aif dan hadis-hadis palsu manakala yang kedua adalah permasalahan berkenaan sama ada Quran itu diciptakan.

Marilah kita membincangkan kisah pertama dimana Ishaq ibn Rahwayh mengatakan bahawa dia berharap seseorang dapat berusaha dalam mengumpulkan serta menghimpunkan hanya hadis-hadis yang sahih. Seolah-olah ada sesuatu yang membisikkan kepadanya, Imam al-Bukhari merasakan bahawa beliau seharusnya menjadi orang yang mengumpulkan hadis, dan konsepsi itu tiba-tiba terbentang di hatinya. Beliau membuat keputusan dan ini menjadi misi untuk seumur hidupnya. Terdapat faktor lain juga yang memberi inspirasi kepada Imam al-Bukhari untuk menyusun hadis-hadis sahih. Beliau telah bermimpi melihat lalat menghampiri wajah Baginda SAW. Beliau berusaha keras untuk menghalau lalat itu, dan mimpi tersebut telah beliau kongsi kepada gurunya, Ishaq ibn Rahwayh. Beliau diberitahu bahawa dirinyalah yang akan menjadi orang yang melindungi serta memelihara sabda Nabi (hadis), oleh itu dapat menyelesaikan masalah hadis yang lemah.

Sebagai catatan, Imam al-Bukhari telah menghafal 300,000 hadis, yang menurutnya 200,000 adalah Dha'if. Beliau mula mengumpulkan hadis-hadis sahih di Masjid Nubuwwah di Madinah, di

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

tempat yang mana disebut sebagai Raudhatul Jannah (Raudhah) atau Taman Syurga. Setiap kali beliau ingin meletakkan hadis-hadis sahih ke dalam penyusunannya, beliau akan melakukan Solah al-Istikhara, dan secara umumnya, beliau telah mengumpul sebanyak 7,700 hadis sahih di dalam Sahih al-Bukhari itu.



(Sahih al-Bukhari / Al-Jami' as-Sahih, oleh Imam al-Bukhari)

Format dan persembahan buku ini adalah sangat unik. Membacanya secara santai sahaja tidak menjadikan pembaca dapat memperolehi beberapa mesej penting, jika tidak tersembunyi daripada buku ini. Sebilangan besar maklumat mengenai pesanan yang dimaksudkan oleh Imam al-Bukhari di dalam buku ini, yang mana telah kita kumpulkan hari ini adalah disandarkan pada pembacaan kitab Ibn Hajar al-Asqalani yang teliti dan mendalam. InshaAllah, kita akan menunjukkan beberapa kualiti unik pengumpulan hebat Imam al-Bukhari.

Sebilangan daripada kita mungkin biasa dengan hadis pertama yang disusun oleh Imam al-Bukhari di bawah bab Wahyu (Wahyu), kerana ia merupakan hadis yang cukup umum dan sangat terkenal. Hadis tersebut adalah mengenai niat. Hadisnya adalah seperti berikut:

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

عَنْ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَلِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَتَزَوَّجُهَا فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Maksudnya: “Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut yang dia niat. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, dan siapa yang hijrahnya kerana dunia untuk dia dapatnya atau perempuan untuk dikahwininya, maka hijrahnya mengikut apa yang dia hijrah kepadanya”.

Sumber: Ṣaḥīḥ al-Bukhārī


Sekiranya kita masih ingat, Imam Nawawi juga telah memilih hadis ini sebagai hadis pertama daripada penyusunan 40 hadisnya (al-Arba'in). Bagaimanakah unik sebenarnya hadis ini?

Tiga perkara di bawah menerangkan mengenai keunikan hadis tersebut. Pertama, tanpa niat untuk menyucikan hati kita ketika mana hendak mempelajari Sahih al-Bukhari, dengan meletakkannya sebagai hadis pertama, pembaca seharusnya dapat memahami bahawa tidak ada sebarang manfaat yang dapat diperolehi tanpa niat yang betul di dalam hati kita. Kedua, mengapa bab mengenai Wahyu tetapi yang diperjelaskan adalah hadis mengenai niat? Imam al-Bukhari memilih semua perawi (enam) hadis mengenai niat, yakni daripada mereka yang berasal dari negeri yang diturunkan wahyu (Makkah dan Madinah). Sebagai catatan, hadis ini direkodkan di bawah kekuasaan Umar bin al-Khattab dan rangkaian perawinya adalah Alqamah ibn Waqqas, Muhammad ibn Ibrahim at-Taymi, Yahya ibn Sa'id al-Ansari, Sufyan ibn Uyayna, Abdullah ibn Zubayr atau "al-Humairi" sebelum sampai kepada Muhammad bin Ismail. Semuanya jelas adalah berasal daripada tanah Wahyu. Ketiga, walaupun banyak sebenarnya perawi dalam rantai itu yang boleh diambil oleh Imam al-Bukhari, tetapi beliau hanya memilih mereka yang tergolong dalam keturunan Quraisy sahaja (Abdullah bin Zubayr "al-Humairi"). Sebabnya sangat jelas. Beliau memilih untuk mengambil “tongkat” yang dimiliki daripada keturunan Baginda SAW. Daan Abdullah bin Zubayr disini bukanlah Abdullah bin Zubayr ibn al-Awwam yang mana ibunya adalah Asma 'binti Abu Bakar.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

InshaAllah, kita sekarang akan mengubah perbincangan kita ke episod dua fitnah yang melibatkan Imam al-Bukhari pada akhir hayatnya. Setelah bertahun-tahun berada di luar negeri, beliau merancang untuk kembali semula ke kampung halamannya di Bukhara, Turkistan. Namun, beliau berhenti sebentar di Nishapur. Nishapur adalah tanah dimana ratusan ulama telah dihasilkan. Pada zamannya, para muhaddithin yang agung, Yahya ibn Yahya az-Zuhli dan puteranya, Muhammad ibn Yahya adalah merupakan antara ulama yang dihormati di kota tersebut. Kehadiran Imam al-Bukhari jelas disambut oleh banyak pihak, termasuk Yahya ibn Yahya itu sendiri. Sebenarnya, Yahya ibn Yahya telah meramalkan bahawa dia akan mempunyai seseorang yang dapat meneruskan warisannya. Yahya ibn Yahya lebih mempercayai Imam al-Bukhari daripada anaknya sendiri.

Sebagai putera dan ulama yang cukup dihormati, Muhammad ibn Yahya mendapati dirinya diketepikan dan mula mencari jalan untuk mencemarkan reputasi Imam al-Bukhari (perlu dicatat bahawa dalam beberapa riwayat, Yahya ibn Yahya sendiri mendapati bahawa kedudukan dan pengaruhnya dicemari oleh kehadiran Imam al-Bukhari. Oleh itu, DIA telah merancang untuk mencemarkan reputasi Imam al-Bukhari). Seperti yang diperjelaskan oleh Syakh Navaid Aziz, Muhammad ibn Yahya tidak dapat menemukan sebarang kesalahan pada Imam al-Bukhari. Imam al-Bukhari tidak terkenal dalam melakukan dosa dan fahsyah, tetapi hanya dikenali kerana ilmu dan ketakwaaannya sahaja.



(Khartank di Samarkand)

Imam Bukhari telah disemadikan di Samarkand, Uzbekistan.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Pada perbincangan yang sebelumnya, kita telah menyebut mengenai dua isu yang berlanjutan dalam umat Islam pada masa itu; hadis yang lemah dan status al-Quran. Sebagai catatan, Imam Ahmad ibn Hanbal mengorbankan nyawanya untuk menentang doktrin Mu'tazilah yang mengatakan bahawa Al-Quran adalah makhluk (ciptaan). Semua Sunni percaya bahawa Al-Quran merupakan ucapan Allah SWT, oleh itu ia tidak boleh disamakan sebagai makhluk.

Muhammad ibn Yahya meminta anak buahnya, bahkan ada yang mengatakan bahawa dia sebenarnya membayar anak buahnya, untuk bertanya mengenai isu kontroversi itu kepada Imam al-Bukhari, dengan harapan dapat mencari kesalahan. Tidak seperti ulama dan imam sebelumnya, ketika beliau dihadapkan dengan pertanyaan itu, Imam al-Bukhari tidak mempraktikkan tawaqquf (tidak menjelaskan lebih jauh), sebaliknya beliau terus mengatakan bahawa ya, Al-Quran adalah ucapan Allah SWT, tetapi bacaan yang dilaksanakan ketika membacanya adalah makhluk.

Perihal ini telah mencetuskan kontroversi dan Imam al-Bukhari disamakan sebagai bidaah (menyimpang) dan pencipta. Muhammad ibn Yahya cuba untuk memperbesarkan masalah ini dengan pengaruh dan kemudahan yang dimilikinya. Dia akhirnya berjaya mengerakkan orang ramai untuk mendukungnya sehingga semua orang di Nishapur berada di sisinya. Namun, individu seperti Imam Muslim, yang pernah menjadi salah seorang pelajar Yahya ibn Yahya dan Muhammad ibn Yahya serta Muhammad ibn Salamah berpegang teguh dengan Imam al-Bukhari. Mengetahui bahawa rancangan itu diatur oleh Muhammad ibn Yahya, Imam Muslim telah mengirimkan kembali sembilan jilid hadis dan pengetahuan yang dikumpulkannya daripada Muhammad ibn Yahya.

Imam al-Bukhari kemudiannya memutuskan untuk kembali ke kampung halamannya, Bukhara, disini dapat diandaikan bahawa ibunya sudah meninggal dunia serta tidak ada perkhabaran tentang saudaranya, Ahmad. Dan beliau mula mengajar hadis di sebuah masjid. Amir di Bukhara berasal daripada keluarga az-Zuhli, Khalid Ahmad az-Zuhli. Dia telah memanggil Imam al-Bukhari untuk datang ke Mahkamah Pemerintah untuk mengajarkan hadis kepada anak-anaknya. Imam al-Bukhari enggan pergi ke mahkamah, menjelaskan bahawa seseorang individu itu harus merendahkan dirinya dalam mendapatkan pengetahuan. Pertengkaran tersebut berlanjutan antara

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Imam al-Bukhari dan Khalid ibn Ahmad az-Zuhli, dan akhirnya Imam al-Bukhari diminta untuk meninggalkan kota itu.

Beliau kemudiannya ada menerima sepucuk surat daripada saudaranya di Samarkand, dan beliau berhasrat serta merancang untuk pindah ke sana. Pada awal Ramadhan pada tahun 256H, beliau mula mendapati bahawa dunia ini amat memberi tekanan dan menyesakkan, lantas beliau memohon doa kepada Allah untuk mengambil dirinya daripada dunia ini. Sepanjang Ramadhan, beliau menghabiskan waktunya dengan melakukan ibadah dan pada malam Aidilfitri, beliau telah menghembuskan nafas terakhirnya. Jenazahnya telah disembahyangkan ketika Zuhur Aidilfitri dan seterusnya dikebumikan di Samarkand.


Muhammad ibn Hatim, rakan karib dan juga jurutulisnya, serta Imam Muslim telah meneruskan warisan Imam al-Bukhari. Sebenarnya, banyak hadis Imam Muslim merupakan pengetahuan yang dikumpulkannya daripada Imam al-Bukhari. Sesungguhnya, kita amat berterima kasih kepada Imam al-Bukhari, Imam Muslim dan juga Imam Ibn Hajar al-Asqalani kerana telah memberi peluang kepada kita untuk mempelajari dan memahami sabda Rasulullah SAW, bukan pada kata-kata yang menyimpang, tetapi pada kata-kata yang dijamin sahih. Semoga Allah SWT memberkati mereka semua termasuklah seisi keluarga mereka juga.

Bab 15: Imam Muslim (Bahagian 1) – Seorang yang Tegak dan Bijak Pandai

Kita sekarang akan beralih pula kepada perbincangan Imam Hadis yang kedua dimana akan diperjelaskan dalam bahagian ini, Imam Muslim, yakni terkenal sebagai pendamping kepada Imam al-Bukhari selain menjadi seorang pelajar baik baginya. Nama sebenarnya ialah Abu al-Ḥusayn ‘Asakir ad-Din Muslim ibn al-Ḥajjaj ibn Muslim ibn Ward ibn Kawshadh al-Qushayri an-Naysaburi. Beliau merupakan 12 tahun lebih muda daripada Imam al-Bukhari (lahir pada tahun 206H) dan dianggap sebagai *tabi'i at-tabi'in*.

Sama seperti ayah Imam al-Bukhari, Ismail, ayah Imam Muslim, Hajjaj juga adalah seorang ulama hadis. Pada awal peringkat usianya, Imam Muslim telah didedahkan dengan pengetahuan agama, terutama mengenai hadis, dan minat serta semangatnya untuk mempelajari ilmu agama meningkat ketika beliau berusia 14 tahun, yakni ketika menunaikan umrah bersama ayahnya. Setelah melihat banyaknya perhimpunan pengetahuan (*halaqah*), hatinya terbuka lebar dan fikirannya menjadi ingin tahu, dan berfikir untuk menjadi seorang guru dalam *halaqah* suatu hari nanti.

Dalam satu aspek tertentu, terdapat banyak persamaan antara Imam al-Bukhari dan Imam Muslim, terutama mengenai semangat dan hasratnya untuk menjadi hebat dalam misi kesahihan hadis. Tidak banyak perincian dicatat mengenai Imam Muslim. Sebenarnya, menurut Syakh Navaid Aziz, dalam bab 12 buku Imam az-Zahabi mengenai biografi Imam, hanya ada 20 halaman perbincangan mengenai Imam Muslim, sedangkan perbincangan mengenai Imam al-Bukhari ditulis lebih daripada 50 halaman. Banyak kisah Imam Muslim terdapat dalam karya Imam Ibn Hakim (w. 405H).



(Tawwaf mengelilingi Kaaba)

Tawwaf merupakan sebahagian daripada rukun Umrah. Kita harus belajar daripada ibu bapa Imam Muslim yang menghabiskan masa, wang dan tenaga bagi anak-anak mereka untuk didedahkan dengan ilmu halaqah sejak usia awal lagi (14). Melalui pengalaman seperti itu, anak-anak dapat didedahkan dengan tanah kelahiran Baginda SAW dan para sahabat RA, sehingga dapat mendorong minat terhadap pengetahuan dan tradisi Islam. Wallahua'lam.

Ibn Abi Zayd al-Qayrawani, meninggal pada tahun 386H, menyebutkan bahawa terdapat empat penampilan fizikal Imam Muslim yang mana amat penting untuk diperjelaskan disini. Pertama, beliau mempunyai belakang yang lurus ketika duduk dengan yakin dan tegas. Kedudukan sebegitu sangat penting bagi mereka yang ingin memimpin perbincangan atau mengemukakan idea. Kita tahu bahawa banyak imam yang amat mengambil berat mengenai imej dan watak mereka ketika berhimpun dalam mendapatkan ilmu. Imam Malik, misalnya, terkenal dengan kesesuaian pemakaiannya dengan kain khas di kepala, yakni seperti seorang raja yang membuat keputusan. Kedua, Imam Muslim juga terkenal dengan rambut putihnya. Pada masa itu, dan bahkan sehingga ke hari ini, kehadiran rambut putih melambangkan kematangan dan pengetahuan yang tinggi, yang mana dikagumi oleh beberapa orang. Kita tahu bagaimana Rasulullah SAW sendiri mula berambut putih pada usia awal sekitar 40, dan Anas ibn Malik, salah seorang pembantunya mendokumentasikan perihal rambut putih Rasulullah SAW dalam penyusunannya.


More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Ketiga, Imam Muslim juga terkenal dengan janggutnya yang panjang dan beralun lembut, simbol kematangan dan pengetahuan yang lain. Dikatakan bahawa beliau akan selalu membelai janggutnya ketika berfikir dengan mendalam, dan seperti yang kita tahu, menumbuhkan janggut adalah sebahagian daripada sunnah dalam Islam, jelas kerana Rasulullah SAW juga ada menumbuhkan janggutnya. Keempat, Imam Muslim memiliki gaya tertentu dalam memakai serbannya, yang mana beliau akan meninggalkan ekor serban itu panjang dan tergantung di belakangnya. Kebiasaannya, mereka yang menetap di padang pasir akan menggunakan bahagian ekor serban untuk menutup wajah mereka bagi melindungi daripada pasir setiap kali angin bertiup. Rasulullah SAW turut terkenal dengan memakai kain tertentu untuk menutup kepalanya setiap kali Baginda keluar.

Tidak banyak yang diketahui mengenai penampilan fizikal Imam al-Bukhari, tidak seperti Imam Muslim. Fakta bahawa Imam Muslim mempunyai kunya "Abu al-Husayn" bererti beliau sudah berkahwin. Beliau juga berusaha mendapatkan sejumlah wang dalam meneruskan kehidupannya. Beliau bekerja sebagai peniaga kecil dan menjual kurma, kacang, serta madu. Selain itu, beliau turut ada dikritik serta diperlekeh kerana mengajar hadis walaupun berada di pasar. Perwatakan seperti itu (masih mengajar hadis ketika sibuk berjual beli) dapat ditafsirkan dengan pelbagai cara.

Sebilangan sarjana pada zamannya mencemuhkannya kerana bagi mereka, pengetahuan agama, terutama hadis harus diajarkan di tempat yang sesuai, yakni di masjid. Imam Muslim tidak begitu mementingkan kritikan itu dan meneruskan gaya pengajarannya untuk masa yang agak lama. Namun, para sarjana kemudian menafsirkan pendekatan Imam Muslim sebagai tanda kejujuran, keikhlasan, dan kesungguhan. Beliau tahu bahawa beliau perlu bekerja, tetapi pada masa yang sama, beliau tidak mahu peluang menyebarkan hadis disia-siakan hanya kerana komitmen kewangannya.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com



(The Risalah, oleh Ibn Abi Zayd al-Qayrawani)

Dalam buku ini, pengarang bermula dengan uṣūl ad-dīn - akar dīn - tinjauan mengenai pandangan dunia Muslim yang penting, kemudian melalui penyucian dan perbuatan 'ibadah, perhubungan biasa seperti perkahwinan, perceraian, jual beli dan seterusnya, dan diakhiri dengan bab-bab yang bersifat umum dan pelbagai.

InshaAllah, kita akan meneruskan perbincangan tiga aspek lain yang berkaitan dengan Imam Muslim. Perihal ini termasuklah mengenai guru dan muridnya, fitnah yang melibatkan Imam al-Bukhari dan Muhammad ibn Yahya, dan beberapa buku pentingnya, tidak termasuk Sahih Muslim, yang mana akan kita bahaskan dalam bahagian berikutnya.

Satu catatan menarik mengenai karya hadis Imam Muslim ialah beliau tidak pernah menyebut nama gurunya langsung, sementara nama Imam al-Bukhari ada dalam penyusunan Sahih Muslim. Terdapat beberapa sebab untuk perkara ini, yang mana di antaranya boleh dianggap sebagai kontroversi. Salah satu sebab yang jelas adalah kerana kebanyakan guru Imam al-Bukhari juga merupakan gurunya. Mereka boleh diakses kepada Imam Muslim. Bukan hanya jurang usia antara Imam Muslim dan Imam al-Bukhari adalah 12 tahun sahaja, tetapi mereka berdua juga telah menghabiskan kehidupan produktif bersama-sama di Nishapur.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Enam Imam Hadis (Bukhari, Muslim, at-Tirmidhi Abu Dawud, an-Nasa'i, Ibn Majah) menetapkan atau mempelajari daripada Qutayba ibn Sa'id itu sendiri, seperti yang telah kita bincangkan pada bahagian sebelumnya. Imam-imam besar lain seperti Muhammad ibn Bashir, yang juga dikenali sebagai al-Bindar, merupakan guru Imam Muslim dan lima imam yang lain. Sebenarnya, Imam Muslim mempunyai sebuah buku yang membincangkan mengenai respons Imam Ahmad terhadap banyak persoalan yang diajukannya. Yahya ibn Ma'in, Ali ibn Madini, dan Ishaq ibn Rahwayh adalah guru yang sama mengajar Imam Muslim dan Imam al-Bukhari. Menariknya, Imam at-Tirmidhi, dan juga Ibn Khuzaymah, muhaddithin yang hebat, belajar di bawah bimbingan Imam Muslim. Salah seorang pelajarnya juga adalah Ibn Abi Shayba.

Imam Muslim juga pernah menjadi pelajar Muhammad bin Yahya az-Zuhli, salah seorang imam besar di Nishapur. Akan tetapi, ketika fitnah terhadap Imam al-Bukhari mengenai masalah ciptaan Al-Quran, (Halaqul Quran) menjadi besar, dengan pandangannya yang dingin serta jernih, beliau menyedari betapa Imam al-Bukhari adalah tegas, ikhlas dan sah dalam mengatasi masalah itu. Menurut Imam al-Bukhari, Al-Quran adalah ucapan Allah, tetapi bacaan yang kita lakukan adalah makhluk. Selama hidupnya, dalam mempertahankan isu ini, Imam Ahmad dengan tegas memberitahu umat Islam bahawa satu-satunya ungkapan yang boleh didapati dalam Al-Quran mengenai perkara ini adalah "Tanzil al-Quran" atau "Anzal al-Quran" yang bermaksud bahawa Al-Quran telah dihantar turun. Ketika rancangan Muhammad ibn Yahya untuk mencemarkan reputasi Imam al-Bukhari, Imam Muslim, bersama dengan Muhammad ibn Salamah berdiri teguh di sisi Imam al-Bukhari. Sembilan jilid ilmu yang telah dipelajari oleh Imam Muslim daripada Muhammad ibn Yahya juga telah dihantar kembali.

Berikut adalah beberapa karya yang dihasilkan oleh Imam Muslim, tidak termasuk Sahih Muslim yang memerlukan fokus yang khusus, dan kita InshaAllah akan mengulas lebih lanjut mengenainya pada bahagian seterusnya.

- Kitab al-Musnad al-Kabir 'ala Asma' ar-Rijal
- Kitab al-Jami' al-Kabir 'ala Abwab
- Kitab al-'Ilal, kitab Auhamul Muhaddithin
- Kitab at-Tamyiz

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

- Kitab Man Laisa Lahu Illa Rawin Wahid
- Kitab Tobaqat Tabi'in
- Kitab al-Muhadramin

Bab 16: Imam Muslim (Bahagian 2) - Kekuatan Sahih Muslim

Dalam perbincangan pada bahagian ini, tumpuan akan diberikan secara khusus, tetapi tidak sepenuhnya kepada karya hebat Imam Muslim, Sahih Muslim. Sebagai permulaan, perlulah dijelaskan bahawa Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim adalah dua kitab yang berada dalam kelasnya tersendiri, tidak seperti empat kitab hadis yang lain oleh Imam at-Tirmidhi, Abu Dawud, an-Nasa'i dan Ibn Majah. Shaykh Navaid Aziz ada menyebutkan bahawa Sahih Muslim haruslah dianggap sebagai buku sahih ketiga, yakni selepas Sahih al-Bukhari, yang berada di kedudukan kedua. Satu-satunya buku yang sahih, dimana bukan sahaja kandungannya telah dijaga sepenuhnya, tetapi juga setiap perkataan di dalamnya, adalah Al-Quran itu sendiri.


Kita juga akan membahaskan beberapa maklumat yang lain, seperti hubungan Imam Muslim dengan Imam al-Bukhari. Para imam pada masa lalu amat memahami watak Imam Muslim. Pada masa itu, terdapat perbincangan serta perbandingan yang dibuat mengenai keunikan Sahih Muslim dan Sahih al-Bukhari pada masing-masingnya. Imam Muslim dikenali dengan pengetahuannya melebihi daripada 300,000 hadis, yang mana beberapa di antaranya telah disusun dalam Sahih Muslim. Jelas sekali, jumlah ini sangat besar. Walaupun begitu, Imam al-Bukhari juga terkenal dengan pengetahuannya mengenai hadis yakni melebihi daripada 600,000 hadis, dan bahkan telah menghafal 300,000 daripadanya.

Kitab Sahih Muslim yang kita miliki sekarang merupakan buku-buku yang telah diubah suai oleh Imam Nawawi dalam al-Minhajnya. Memang benar bahawa hadis Sahih Muslim telah disusun secara sistematik, beralih daripada satu topik kepada satu topik yang lain. Namun, Imam Nawawi telah memasukkan tajuk bab bagi memisahkan hadis berdasarkan topik mereka secara visual. Sebagai contoh, kita mungkin dapat melihat akan adanya bab Kitab al-Tauhid, tetapi bab ini tidak dapat ditemui dalam karya aslinya, dan dimasukkan bagi membuatnya lebih mudah diakses oleh penuntut ilmu.

Muhaddithin agung dan kontemporari, Muhammad Fu'ad al-Baqi (1882-1968), adalah seorang sarjana Mesir, telah melakukan perkhidmatan besarnya dalam menyeragamkan jumlah setiap hadis. Ini harus dilakukan kerana terdapat masalah pengulangan yang jelas dalam penyusunan

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

hadis, yakni ketika mana Imam al-Bukhari dan Imam Muslim berusaha bagi membuat penjelasan mereka mengenai isu-isu tertentu. Kita mungkin telah mengetahui bahawa hanya ada 5,620 hadis dalam penyusunan Imam al-Bukhari tanpa pengulangan, dan 3,333 hadis dalam Sahih Muslim. Inilah *Hidbah* atau bantuan hebat yang dilakukan oleh Muhammad Fu'ad al-Baki.



(Al-Lu'lu' uwal Marjan, oleh Muhammad Fu'ad Abdul Baqi)

Mengapa Imam Muslim tidak memasukkan Imam al-Bukhari sebagai salah seorang perawi hadis dalam penyusunannya, walaupun mengetahui bahawa Imam al-Bukhari merupakan guru secara langsung kepadanya? Terdapat tiga penjelasan paling umum yang diberikan oleh para ulama masa lalu, yang juga disebut oleh Shaykh Navaid Aziz.

Pertama sekali, hampir kesemua guru Imam al-Bukhari juga merupakan guru kepada Imam Muslim. Nama-nama seperti Imam Ahmad ibn Hanbal, Yahya ibn Ma'in, Ali al-Madini, dan Ishaq ibn Rahwayh merupakan antara guru hebat bagi mereka berdua. Dalam periwayatan hadis, semakin sedikit bilangan sanadnya (perawi dalam rantai perawian), maka semakin baiklah ia. Dengan tidak memasukkan Imam al-Bukhari dalam rantai perawi, Imam Muslim, dalam hadis yang banyak disusunnya memiliki status yang sama dengan Imam al-Bukhari, setakat yang

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

diketahui jumlah perawi dalam rantai perawian. Imam Muslim hanya mempunyai tiga perawi lain antara beliau dan juga Rasulullah SAW atas sebab yang sama.

Kedua, alasan mengapa Imam al-Bukhari dikecualikan dalam penyusunannya adalah agak kontroversi sebabnya, dan ini berdasarkan apa yang dikatakan oleh beberapa ulama masa lalu, yang mana telah diperjelaskan oleh Syakh Navaid Aziz. Telah diketahui bahawa Imam Muslim memiliki perwatakan yang sangat tegas, dan tidak akan bertoleransi dengan perihal yang beliau tidak setuju, sekiranya beliau yakin dengan kedudukannya. Imam al-Bukhari, sebaliknya, terkenal dengan metodologinya yang kasar dan ketat dalam periwayatan hadis. Salah satu kriteria ketatnya yang mana tidak dipersetujui oleh Imam Muslim adalah hakikat bahawa mana-mana perawi, untuk menjadikannya sah, mereka tidak hanya perlu diketahui telah hidup pada waktu tertentu, tetapi juga mereka harus diketahui dalam berjumpa dengan perawi sebelumnya dan berikutnya tanpa ada sebarang keraguan. Bagaimana kriteria tersebut dibuat? Menurut Imam Muslim, ini agak keterlaluan. Oleh itu, beliau mengecualikan Imam al-Bukhari dalam penyusunannya. Wallahua'lam.


Manakala bagi penjelasan ketiga adalah cukup mudah. Imam Muslim tidak mengulangi perkara yang mana telah dijelaskan oleh Imam al-Bukhari dalam penyusunannya. Sudah tentu, ada perkara yang harus diulang oleh Imam Muslim, dan ini berada di bawah payung *Mutafaqqun Alayhi*, yang bermaksud hadis yang terdapat dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Yang bukan *Mutafaqqun Alayhi* adalah berbeza, kebanyakan dari segi rantai perawian.

Seperti Imam al-Bukhari, Imam Muslim juga dipuji oleh gurunya. Kita telah menyebutkan bagaimana enam imam hadis hebat yang mana telah diajar oleh Qutayba ibn Sa'id dan Muhammad ibn Bashir atau al-Bindar. Al-Bindar pernah mengatakan bahawa ada empat muhaddithin yang hebat pada zamannya; Abu Zur'ar-Razi yang juga merupakan guru kepada Imam al-Bukhari dan Imam Muslim, Muslim al-Nishapuri, Abdullah ibn ad-Darimi Samarkandi, dan Muhammad ibn Ismail al-Bukhari. Al-Bindar kemudiannya mengatakan bahawa hanya al-Nishapuri dan al-Bukhari yang akan terkenal dalam bidang hadis.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Apa yang menjadikan Sahih Muslim lebih disukai ramai berbanding Sahih al-Bukhari? Mereka yang belajar hadis kebanyakannya bermula dengan Sahih Muslim, bukannya Sahih al-Bukhari. Ini sebahagiannya adalah kerana Imam Muslim memulakan kitabnya dengan pengenalan yang jelas, yang mana menyebutkan tentang keadaan serta status hadis, metodologi periwayatan hadis, dan kriteria yang ditetapkan bagi meremehkan atau mengkritik hadis tertentu. Sebaliknya, Imam al-Bukhari memulakan bukunya dengan hadis pertama mengenai "perbuatan adalah dengan niat", yang mana dimuatkan dengan isi yang abstrak, kemudiannya telah diperjelaskan oleh Ibn Hajar al-Asqalani dalam Fathul Bari. Kedua, Imam Muslim mengatur hadisnya, beralih daripada satu topik kepada satu topik, yang kemudian dipermudahkan oleh Imam Nawawi. Buku ini lebih senang diikuti berbanding dengan penyampaian hadis oleh Imam al-Bukhari. Walaupun terdapat tajuk bab, tetapi hadis yang dimasukkan adalah banyak dan berulang-ulang.

Kelebihan lain yang dimiliki oleh Sahih Muslim adalah pada *Mu'allaqat*; hadis yang disertakan dengan senarai perawi. Hampir kesemua hadis dalam Sahih Muslim (kecuali 10) dikemukakan bersama rantai perawi, sementara dalam Sahih al-Bukhari, sebaliknya tidak dapat ditemui. Akhir sekali, susunan Sahih Muslim lebih mudah diikuti kerana terdapat hadis yang kurang diulang. Namun demikian, bagi seorang guru pakar yang mana menggunakan bahan hadis sebagai sumber rujukannya, Sahih al-Bukhari adalah jauh lebih unggul, bahkan tanpa mengambil kira tahap kesahihannya.



(*Sahih Muslim*, oleh Imam Muslim)

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Masih ada beberapa perkara penting yang belum tersingkap, sebelum kita membincangkan mengenai kematiannya. Imam Muslim mengingatkan kita, pada bahagian pendahuluan Sahih Muslim tentang pentingnya daripada mana kita memperoleh pengetahuan agama. Ini bermaksud bahawa kita mestilah mengenalpasti latar belakang bukan sahaja guru, tetapi dimana guru tersebut mendapatkan pengetahuan dan maklumatnya. Dalam konteks sekarang, Syakh Yasir Qadhi mengatakan bahawa kita harus mencari ulama seperti al-Shawkani dari Yaman, dan Shah Waliullah dari India. Sekiranya terdapat bukti bahawa pengetahuan guru kita dapat ditelusuri kembali kepada mereka, maka kita mungkin mempunyai alasan yang baik untuk belajar daripada guru tersebut. Namun, harus diingat bahawa ini tidak bermaksud bahawa pilihan yang ada hanya terhad kepada dua ini sahaja.

Secara umum, terdapat dua fitnah atau isu kontroversi yang ada mengelilingi Imam Muslim pada zamannya. Yang pertama adalah fitnah berkaitan Halaqul Quran, yakni fokus penglibatannya lebih tertumpu kepada Imam al-Bukhari, tetapi Imam Muslim juga menjadi sebahagian daripada kisah ini. Muhammad ibn Yahya az-Zuhli, dalam salah satu halaqahnya, yang mana Imam Muslim juga merupakan salah seorang peserta, dengan tegas mengatakan barang siapa di dalam halaqah ini percaya bahawa Al-Quran adalah makhluk, maka tinggalkanlah perhimpunan ini. Jelas, Imam Muslim tidak terlalu bodoh dan dapat memahami pandangan Muhammad ibn Yahya. Muhammad ibn Yahya kemudian menunjuk kepada Imam Muslim. Mengetahui akan wataknya yang tajam, beliau tidak hanya meninggalkan halaqah selama-lamanya, tetapi beliau juga mengirim kembali sembilan jilid pengetahuan yang diperolehi daripada Muhammad ibn Yahya. Dalam pada itu, beliau turut memotong periwayatan Muhammad ibn Yahya daripada Sahih Muslim.

Fitnah kedua turut ada melibatkan Imam Muslim dan Imam al-Bukhari. Menurut beberapa ulama, isu ini tidak boleh dianggap terlalu serius. Kita telah membincangkan bagaimana Imam Muslim memotong nama Imam al-Bukhari daripada penyusunan hadisnya kerana tidak bersetuju dengan kriteria kesahan dan kebolehpercayaan rantai perawian.

InshaAllah, sebelum kita mengakhiri perbincangan ini, marilah kita mengetahui mengenai akhir hayatnya. Pada tahun 261H, beliau telah meninggalkan dunia pada usia 55 tahun. Dalam salah satu perhimpunannya, seorang lelaki datang untuk memberitahu kepada beliau tentang satu hadis sahih

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

(isi dan perawi). Hadis ini tidak pernah didengar oleh Imam Muslim. Beliau sangat terkejut kerana dari sekian banyaknya hadis yang telah beliau dengar, hafal dan analisis, tetapi tidak pernah beliau menemui hadis ini.

Beliau lantas pulang ke rumah dan mengurung dirinya di perpustakaan, menolak sesiapa yang mengganggunya, bahkan isterinya sendiri. Sebagai seorang isteri yang penyayang dan bertanggungjawab, dia tidak mahu suaminya mengurung diri tanpa makanan, oleh itu dia menyediakan bekas kurma yang besar kepada Imam Muslim. Dikatakan bahawa dalam setiap hadis yang beliau periksa, Imam Muslim akan mengambil satu kurma untuk dimakan. Oleh sebab beliau mempunyai ribuan hadis untuk diperiksa, kemungkinan juga beliau telah makan ribuan buah kurma. Kemudiannya, beliau telah ditemui tidak bergerak dengan wajahnya menghadap manuskrip hadis dengan pergunungan biji kurma di sebelahnya. Orang ramai menganggap bahawa beliau meninggal dunia adalah kerana jumlah potasium yang diambil daripada kurma tersebut, yang mana telah merosakkan hatinya. Wallahua'lam.

Apa-apa pun keadaannya, lelaki itu mencapai akhir hayatnya dengan memberi penumpuan kepada hadis dan meninggalkan warisan hebat melalui penulisan buku yang banyak, dimana Sahih Muslim adalah salah satu daripadanya. Semoga Allah SWT memberikan barakah untuk dedikasinya dan memberkati beliau serta keluarganya. Semoga Allah SWT turut memberikan barakah untuk pekerjaan kita dan memberkati kita dan keluarga juga. Aameen.

Bab 17: Imam at-Tirmidhi (Bahagian 1) – Anugerah Ingatan dan Ad-Darir (Buta)

Pada bahagian ini, kita akan beralih kepada Imam ketiga dalam sesi perbincangan Muhaddisin yang hebat, yang mana dimulai dengan Imam al-Bukhari RA, Imam Muslim, Imam at-Tirmidhi, Imam Abu Dawud, An-Nasa'i dan akhirnya Ibn Majah.

Imam at-Tirmidhi atau Abu Isa Muḥammad ibn Isa as-Sulami ad-Darir al-Bughi at-Tirmidhi berasal dari wilayah Khurasan, seperti Imam al-Bukhari. Dilahirkan pada akhir 209H atau awal 210H, beliau mempunyai minat yang besar terhadap pengetahuan agama, terutama dalam tradisi periwayatan hadis. Walaupun ayahnya tidaklah seperti ayah kepada Imam al-Bukhari atau Imam Muslim, yang mana merupakan ulama hadis, beliau sendiri secara beransur-ansur mengembangkan kemampuannya dan telah diberikan status sebagai penyusun hadis yang hebat, yakni seperti dua Imam sebelumnya.


Gelarannya atau *Laqab* adalah Abu Isa. Terdapat banyak perbincangan oleh para ulama masa lalu mengenai ketidakbolehan seseorang itu menggunakan nama seperti Abu Isa. Ini berlaku kerana seperti yang diketahui, Nabi Isa AS tidak mempunyai ayah. Oleh itu, seorang *Laqab* seperti Abu Isa mungkin mengimplikasikan bahawa nama tersebut digunakan oleh bapa Isa AS. Wallahua'lam.

InshaAllah, kita akan menerangkan lebih lanjut lagi tentang nama Abu Isa, tetapi buat masa ini, marilah kita lihat akan apa yang dikatakan oleh Imam Ibn Hakim mengenai Imam at-Tirmidhi atau Abu Isa. Imam Ibn Hakim yang meninggal pada tahun 405H, mengatakan bahawa tidak ada orang hebat lain yang mana pengetahuan dan zuhudnya adalah setara dengan Imam al-Bukhari RA kecuali Abu Isa. Beliau telah kehilangan kedua-dua penglihatannya dan menghabiskan tahun-tahun akhir hidupnya sebagai seorang ulama yang buta.

Sekurang-kurangnya terdapat tiga perkara yang dapat kita pelajari daripada Imam Ibn Hakim, yakni terkenal dengan penulisan bukunya, Mustadara' as-Salihin yang mana membincangkan dan menambahbaik beberapa hadis penting yang ditinggalkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim dalam koleksi mereka masing-masing. Perkara pertama yang kita ketahui adalah Imam at-

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Tirmidhi merupakan individu yang sangat berpengetahuan. Kedua, kita juga tahu bahawa nama Abu Isa terus disebut oleh ulama lain tanpa ragu-ragu. Ketiga, kita tahu bahawa Imam at-Tirmidhi menghabiskan banyak tahun akhir hidupnya dengan buta penglihatan. Dikatakan bahawa salah satu sebab kecacatan itu adalah kerana pengetahuannya. Beliau selalu menangis kerana cintanya pada pengetahuan.



(Shaykh Abdul-Aziz ibn Abdullah al-Shaykh)

Ini jelasnya bukanlah gambaran Imam at-Tirmidhi, tetapi Mufti Besar Arab Saudi yang sekarang, Shaykh Abdul-Aziz bin Abdullah Al Shaykh (buta). Imam at-Tirmidhi menjadi buta sepanjang hayatnya kerana kecintaannya pada pengetahuan, yang mana sering membuatnya menangis. Mufti Besar Arab Saudi sebelumnya juga buta penglihatan, dan mereka adalah Muhammad ibn Ibrahim Al ash-Syakh dan Abdul Aziz ibn Abdullah bin Baz.

Tidak banyak yang diketahui tentang kehidupan awalnya, kecuali ketika mana beliau menunaikan umrah, hatinya sangat terpaut akan dunia ilmu agama, terutama di Makkah dan Madinah. Selain itu, beliau turut dikenali sebagai at-Tirmidhi kerana dilahirkan di Tirmidhi, ataupun Wilayah Surxondaryo, Uzbekistan (sekarang).

Mari kita sama-sama bincangkan sedikit mengenai isu nama Abu Isa. Dikatakan bahawa Rasulullah SAW pernah bercakap dengan seorang lelaki yang mempunyai nama Abu Isa.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Rasulullah SAW berkata, "Tidakkah kamu tahu bahawa Isa AS tidak mempunyai ayah?". Soalan ini telah diulangi Baginda sebanyak tiga kali.

Para ulama mempunyai tafsiran yang berbeza terhadap hadis ini. Ada yang mengatakan bahawa hadis ini adalah petunjuk yang jelas bahawa nama Abu Isa sangat tidak disukai, jika tidak dibenarkan dalam Islam. Namun, sebilangan ulama mengatakan bahawa Rasulullah SAW dalam pernyataannya itu, hanyalah menguji ilmu para sahabat. Pernyataan itu tidak menyatakan apa-apa mengenai ketidakbolehan, Wallahua'lam. Jelasnya, Imam at-Tirmidhi sendiri tahu mengapa beliau menggunakan *Laqab* Abu Isa, walaupun banyak kisah yang menjustifikasikan penggunaannya.

Umar Ibn al-Khattab menegur salah seorang puteranya yang mana berkeinginan menggunakan nama Abu Isa. Mughirah Ibn Shubab at-Thaqafi juga menggunakan nama Abu Isa. Umar menasihati Mughirah dengan mengatakan, "Tidakkah kamu tahu bahawa Rasulullah SAW lebih suka nama seperti Abu Abdillah?", antara lain menyatakan bahawa Mughirah tidak boleh mengambil *Laqab* Abu Isa. Dalam riwayat lain, Mughirah menjawab soalan Umar itu dengan mengatakan bahawa *Laqab* Abu Isa telah diberikan kepadanya oleh Rasulullah SAW sendiri, Wallahua'lam. Salah seorang imam hadis yang hebat, yakni juga merupakan pelajar kepada Imam al-Bukhari dan Imam Muslim, Ibn Umri Syaiba mempunyai bab khusus yang membincangkan tentang nama Abu Isa dalam tradisi Islam.

Seperti Imam al-Bukhari RA, Imam at-Tirmidhi juga mempunyai ingatan yang kuat. Antara lain, terdapat kesempatan dimana beliau merancang untuk bertemu dengan seorang guru tua di Makkah. Salah satu sebabnya adalah bagi mendapatkan sebanyak mungkin hadis daripada guru tersebut, yang mana membolehkan beliau tidak memerlukan perantara (perawi antara dirinya dan guru).

Perlu dimaklumkan bahawa kredibiliti Muhaddisin dinilai, antaranya berdasarkan jumlah perawi antara dirinya dan Rasulullah SAW. Kita tahu bahawa Imam al-Bukhari mempunyai sekitar 24 hadis yang hanya mempunyai tiga perawi antara diri beliau dan Rasulullah SAW. Imam at-Tirmidhi pula, hanya mampu mendapatkan satu hadis, dimana terdapat tiga perawi antara dirinya dan Rasulullah SAW, dek usianya. Imam at-Tirmidhi berusia 16 tahun lebih muda daripada Imam al-Bukhari dan empat tahun lebih muda daripada Imam Muslim. Apa-apa pun keadaannya, Imam

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com


at-Tirmidhi berusaha memastikan hadis-hadis lain yang disusunnya, mempunyai riwayat sedikit yang mungkin.

Beliau telah berjanji dengan guru tersebut untuk hadir berjumpanya semasa waktu Asar dan membawa dua jilid hadisnya yang mana diriwayatkan secara tidak langsung daripada guru-guru sebelumnya. Ketika beliau sampai di kediamannya, beliau melihat bahawa dua jilid itu tiada walaupun dicari dengan bersungguh-sungguh. Akhirnya, beliau memutuskan untuk membawa dua buku kosong sahaja, hanya kerana beliau tidak mahu memungkiri janji yang dibuat untuk berjumpa pada waktu Asar.

Guru tersebut kemudiannya meminta beliau untuk meriwayatkan hadis. Imam at-Tirmidhi membuka buku-bukunya yang kosong itu dan meriwayatkan banyak hadis dari muka ke muka dengan ingatannya sahaja. Sebenarnya guru tersebut menyedari bahawa tiada sebarang tulisan dalam buku-buku itu dan hanya membiarkan Imam at-Tirmidhi meneruskan bercakap. Setelah meriwayatkan hadis berjam-jam lamanya, guru itu memintanya untuk berhenti. Adakah kamu membacanya dari ingatanmu sahaja? Dan adakah kamu mempraktikkannya sebelum ini? Imam at-Tirmidhi menjawab ya untuk soalan pertama dan tidak untuk yang kedua. Guru itu berasa amat kagum, "Aku tidak percaya bahawa kamu dapat menghafalnya kecuali kamu telah mempraktikkannya dengan serius".

Lantas, guru tersebut memberi Imam at-Tirmidhi 40 hadis yang lain. Hadis-hadis ini adalah Gharib, dimana sanad dan isinya adalah sukar dan kompleks. Sejurus selepas guru itu selesai membaca hadis berkenaan, Imam at-Tirmidhi segera mengulang 40 hadis tersebut tanpa gagal. Keajaiban ini menjelaskan bahawa bukan hanya beliau memiliki kemampuan untuk menghafal sesuatu dengan matanya, tetapi juga melalui pendengaran, yang mana merupakan dua kemahiran sekaligus. Semoga Allah SWT memberi kita kemampuan untuk menghafal sesuatu, terutamanya Al-Quran dan hadis seperti Imam at-Tirmidhi dan Imam al-Bukhari, Aameen.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com



(The Biography of Imam at-Tirmidhi, oleh Salahuddin Ali Abdul Mawjoed)

Ramai di antara kita tahu bahawa Imam at-Tirmidhi telah membuat karya agungnya, Sunan at-Tirmidhi yang mana merupakan penyusunan hadis berkaitan dengan Fiqh, dan InshaAllah akan diperbincangkan pada bahagian berikutnya.

Kita sekarang akan memusatkan pemerhatian dalam membincangkan mengenai guru-guru penting Imam at-Tirmidhi. Kita mulakan dengan Imam al-Bukhari RA dan Imam Muslim, yakni bukan sahaja sebagai pendamping tetapi juga sebagai guru. Bagi Imam Muslim, beliau dapat meriwayatkan satu hadis daripadanya. Hadis tersebut adalah mengenai melihat hilal (bulan sabit) yang menandakan masuknya bulan Ramadhan. Namun, banyak hadis, terutama yang berkaitan dengan fiqh telah beliau kumpulkan daripada Imam al-Bukhari.

Imam al-Bukhari dan Imam at-Tirmidhi mempunyai hubungan yang istimewa. Lagipun, mereka berdua berasal dari wilayah yang sama iaitu wilayah Khurasan dan mempunyai kampung halaman yang dekat. Imam al-Bukhari amat memuji Imam at-Tirmidhi. Sebenarnya, ketika mana Imam al-Bukhari memuji gurunya Ali al-Madini, beliau juga akan memuji Imam at-Tirmidhi, dimana beliau akan berkata, “Aku lebih banyak mendapat manfaat daripada kamu, iaitu lebih yang kamu manfaatkan daripada aku”. Menariknya, Imam al-Bukhari sendiri ada meriwayatkan dua hadis daripada Imam at-Tirmidhi. Bangga dengan perihal itu, di dalam penyusunannya beliau

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

mengatakan "Guru saya meriwayatkan hadis daripada saya, dan hadis-hadisnya adalah seperti berikut," Wallahua'lam.

Imam besar hadis yang mengajar enam Imam, (Bukhari, Muslim, at-Tirmidhi, Abu Dawud, An-Nasa'i, Ibn Majah), Qutaybah Ibn Sa'id dan Muhammad Ibn Bashir yang terkenal sebagai al-Bandar, menyampaikan pengetahuan mereka dengan ketara kepada Imam at-Tirmidhi. Kita akan membincangkan lebih lanjut lagi dalam bahagian berikutnya mengenai bagaimana para guru itu mempengaruhi pengetahuan serta pengolahan dan susunan hadis beliau dalam Sahih at-Tirmidhi.

Imam at-Tirmidhi menghabiskan bertahun-tahun hidupnya dengan cacat penglihatan. Rasulullah SAW mengatakan bahawa mereka yang kehilangan dua akan memasuki Jannah. Sahabat berpendapat bahawa "dua" itu adalah bermaksud anak perempuan dan anak lelaki tetapi Rasulullah SAW mengatakan bahawa itu adalah mata mereka (penglihatan). Hadisnya adalah seperti berikut:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ
سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّ اللَّهَ قَالَ إِذَا ابْتَلَيْتُ عَبْدِي بِحَبِيبَتَيْهِ فَصَبَرَ
عَوَّضْتُهُ مِنْهُمَا الْجَنَّةَ يُرِيدُ عَيْنَيْهِ

Dari Anas bin Malik r.a beliau berkata, aku telah dengar Nabi SAW bersabda: " Sesungguhnya Allah telah berfirman: Apabila Aku menguji seorang hambaku dengan dua perkara yang menjadi kesayangannya kemudian ia bersabar, aku akan gantikan kepadanya dengan pembalasan Syurga" Ia maksudkan dengan dua perkara yang menjadi kesayangannya ialah dua biji matanya.

[Sahih al-Bukhari]

Imam at-Tirmidhi meninggal dunia pada tahun 279H, yakni pada usia menjangkau 68 tahun, dan meninggalkan karya agungnya, Sunan at-Tirmidhi. Semoga Allah SWT mengurniakan Jannah kepada Imam at-Tirmidhi dan juga mereka yang diuji dengan kebutaan penglihatan. Dengan itu, kita mengakhiri perbincangan pada bahagian ini.

Bab 18: Imam at-Tirmidhi (Bahagian 2) - Sunan at-Tirmidhi dan Shama'il Muhammadiyah

Kita sekarang beralih kepada perbincangan bagi bahagian kedua biografi Imam at-Tirmidhi, dan untuk bahagian ini, kita akan berusaha dalam memberikan serta mengerti beberapa maklumat berkaitan dua karya utamanya, iaitu Sunan at-Tirmidhi dan Shama'il Muhammadiyah. Penting bagi kita disini untuk menyebutkan bahawa mengenai usia dan kekananan, Imam Abu Dawud itu adalah lebih jauh senior dan tua daripada Imam at-Tirmidhi. Walaupun begitu, reputasi dan kredibilitinya, terutama ketika Sunan at-Tirmidhi dinilai, para ulama selalu menyebut atau meletakkan at-Tirmidhi di tangga ketiga, setelah Imam al-Bukhari dan Imam Muslim.

Perkataan Sunan merujuk kepada koleksi yang memfokuskan pada hukum fiqh atau fiqh dalam Islam. Manakala perkataan Jami' biasanya merujuk kepada koleksi atau penyusunan yang merangkumi pelbagai aspek dan topik. Buku Imam at-Tirmidhi mempunyai kedua-dua komponen ini dalam periwayatan hadisnya. Sunan at-Tirmidhi beliau turut dikenali sebagai Jami' at-Tirmidhi, dan merupakan antara karya yang hebat, walaupun hadis yang dikumpulkan hanyalah sebanyak 3,956 sahaja.

Para ulama menganggap Sunan at-Tirmidhi sebagai ensiklopedia yang hebat, sebuah buku panduan dimana dapat diakses oleh semua umat. Ini kerana pertama sekali, Imam at-Tirmidhi telah menggabungkan kaedah yang digunapakai oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim dalam periwayatan hadis. Walaupun Imam al-Bukhari ada memberikan tajuk bab, akan tetapi beliau tidak mengatur hadisnya mengikut spesifikasi tertentu, dan sering mempunyai banyak pengulangan. Walaupun benar bahawa Imam Muslim mengatur hadisnya mengikut topik tertentu, namun begitu beliau tidak meletakkan tajuk bab untuk memisahkan sepenuhnya hadis-hadis berkenaan. Kemudian, barulah Imam Nawawi ada mengaturkan hadis tersebut serta memasukkan tajuk bab di dalam karyanya, al-Minhaj. Dengan menggabungkan kedua-dua kaedah ini, karya Imam at-Tirmidhi dapat berdiri sebagai karya terbaik yang dapat diakses. Sebab yang kedua, Imam at-Tirmidhi ada memberikan penjelasan lebih lanjut untuk kata-kata yang jarang digunakan. Manakala yang ketiga, beliau turut membuat menerangkan dengan jelas mengenai perawi yang kurang dikenali.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Kita telah menyebutkan bahawa dalam Sunan at-Tirmidhi itu, fokusnya adalah lebih spesifik, terutama pada hukum fiqh seperti taharah, solat, puasa dan lain-lain. Dengan organisasi seperti itu, dan bantuan penjelasan mengenai istilah serta latar belakang perawi tertentu, maka tidak peliklah jika terdapat ulama yang mengatakan bahawa karya Imam al-Bukhari dan Imam Muslim hanya baik bagi mereka yang pakar, tetapi karya Imam at-Tirmidhi adalah lebih baik untuk kepentingan pelajar baru dan juga pelajar hadis yang sudah ke hadapan.

Dalam karyanya, Imam at-Tirmidhi juga membahaskan pandangan para ahli hukum masa lalu mengenai keputusan mereka tentang fiqh. Memang benar bahawa kita sudah memiliki sekumpulan ulama fiqh seperti Imam Malik dan Imam Syafi'e, tetapi karya Imam at-Tirmidhi sangat hebat kerana mempunyai aspek fiqh serta hadis dalam satu produk.

Antara ciri penting yang lain daripada karya ini, seperti yang disebutkan oleh Syakh Navaid Aziz, adalah berkenaan koleksi hadisnya yang berjumlah 3,235 dimana tidak mempunyai sebarang kompilasi lain yang telah membincangkannya, meskipun berkaitan dengan keasliannya. Hadisnya adalah seperti berikut:

Diriwayatkan oleh Mu'adh bin Jabal:

"Suatu pagi, Rasulullah SAW tidak datang kepada kami untuk Solat Subuh, sehinggalah ketika mana kami hendak mencari cahaya matahari (yakni bermaksud matahari terbit). Kemudian Baginda keluar dengan segera, dan mempersiapkan untuk solat. Rasulullah SAW melakukan solat, dan Baginda melakukan solatnya itu dengan cara yang agak cepat. Ketika Baginda mengucapkan salam, Baginda terus melaungkan suaranya dengan lantang dan berkata kepada kami: "Duduklah di saf kamu masing-masing". Kemudian Baginda berpaling dan mendekati kepada kami, lalu berkata: "Aku akan menceritakan kepada kamu semua tentang apa yang menyebabkan diriku tidak datang kepada kalian pada pagi ini: Aku bangun pada waktu malam, mengambil Wudu dan berdoa sebanyak yang diriku mampu, dan terlelap semasa solatku, serta tertidur. Lalu aku melihat Tuhanku, Yang Maha Esa dan Mulia, dalam penampilan yang terbaik. Tuhanku berkata: 'Wahai Muhammad!' Aku menjawabnya: 'Tuhanku, disini aku, Tuhanku!' Tuhanku lantas berkata: 'Perkara apa yang paling sibuk dilakukan oleh kumpulan yang

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com


dimuliakan?’ Aku berkata: ‘Aku tidak tahu, Tuhanku’. Dan Tuhanku mengulang soalan itu sebanyak tiga kali. Aku berkata: ‘Kemudiannya, aku melihat-Nya meletakkan telapak tangan di antara bahu di tubuhku, dan aku merasa kesejukan pada hujung jari-jemari-Nya di antara dadaku. Lantas semuanya diungkapkan, dan aku menjadi sedar. Jadi, Tuhanku berkata: ‘Wahai Muhammad!’ Dan aku membalasnya: ‘Disini Tuhanku!’ Tuhanku berkata: ‘Perkara apa yang paling sibuk dilakukan oleh kumpulan yang dimuliakan?’ Aku menjawab: ‘Dalam tindakan atau perkara yang dilakukan oleh mereka’. Tuhanku berkata lagi: ‘Dan apakah itu?’ Aku berkata: ‘Perjalanan untuk berjemaah, perjumpaan di Masjid selepas Solat, Isbagh Al-Wudu semasa dalam kesulitan’. Tuhanku lanjut berkata: ‘Lalu apa lagi?’ Aku berkata: ‘Memberi makan kepada orang lain, bersikap lembut dalam pertuturan, dan solat pada waktu malam ketika mana mereka yang lain sedang tidur’. Tuhanku berkata: ‘Tanyalah.’ Aku berkata: ‘Ya Allah! Aku meminta kepadamu akan perbuatan baik, menjauhi perbuatan jahat, mengasihi orang miskin, dan Engkau mengampuni diriku, dan kasihanilah aku. Dan apabila Engkau menghendaki berlakunya Fitnah pada hambamu, maka bawalah aku tanpa Fitnah itu. Dan aku meminta kepadaMu untuk cintaMu, cinta kepada sesiapa yang Engkau cintai, dan perbuatan yang mendekatkan seseorang itu kepada cintaMu”. Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya itu adalah benar, maka hayati dan pelajarilah ia”.

Walaupun hadisnya sangat panjang, namun maknanya adalah tidak berselirat. Kita tidak mempunyai rancangan untuk membincangkan hadis tersebut secara terperinci, kecuali beberapa isu yang telah dibincangkan oleh para ulama. Pertama, kemungkinan untuk melihat Allah Yang Maha Kuasa, yang mana sebahagian besar ulama mengatakan bahawa tidak mungkin sama sekali, kecuali kepada Rasulullah SAW dalam keadaan yang istimewa. Kedua, terdapat banyak perbincangan mengenai senarai perbuatan penting yang harus kita laksanakan seperti pergi dan tinggal di masjid, memberi sedekah makanan kepada komuniti, dan juga melakukan solat malam. Wallahua'lam.

Apa yang penting untuk kita bahaskan disini adalah bahawa melalui keintelektuan Imam at-Tirmidhi, kita mendapat keuntungan daripada hadis-hadis mengikut kategori yang berbeza, sama ada yang sahih sehinggalah kepada Hasan, Dha'if dan bahkan Maudhu'. Berdasarkan penyusunan yang sebelumnya seperti dilakukan oleh Imam Ahmad ibn Hanbal, Imam al-Bukhari dan Imam

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Muslim, masing-masingnya mempunyai dua kategori hadis umum, iaitu sahih dan tidak sahih. Hadis ke-3,235 yang telah kita sebutkan disini termasuk dalam kategori Hasan, yang membawa maksud atau dikelaskan sebagai hadis yang sahih.



(*Sunan at-Tirmidhi*, oleh Imam at-Tirmidhi)


Sesuatu yang aneh turut berlaku dalam dunia periwayatan hadis, yakni ketika mana imam besar hadis dari Andalusia, Ibn Hizam, menyebutkan bahawa penyusunan hadis yang dilakukan oleh Imam at-Tirmidhi adalah Majhul (tidak dapat diterima). Ulama selepas itu menganggapnya sebagai sangat janggal kerana imam besar Andalusia itu tidak dapat mengenali akan pentingnya nilai karya Imam at-Tirmidhi. Ibn Kathir, Ibn Hajar, az-Zahabi, dan banyak lagi yang lain memberikan komen mereka sendiri dalam menyokong karya Imam at-Tirmidhi. Ada juga yang mengatakan seperti, "Bagaimana kita dapat menolak karya yang menjelaskan kepada kita bahawa matahari itulah yang memberikan cahaya (pernyataan fakta)?" Wallahua'lam.

Salah satu penjelasan yang dapat dibuat mengenai pernyataan pelik oleh Imam Ibn Hizam itu adalah kerana jarak antara Cordova dan juga Nishapur yang sangat besar, dimana memungkinkan maklumat mengenai hadis tidak disebarkan dengan baik, tidak seperti hari ini, dek teknologi

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

internet. Bagi kepentingan Ibn Hizam dalam melindungi hadis, dia tidak mahu mengiktiraf karya orang yang tidak dia kenali. Wallahua'lam.

InshaAllah, kita sekarang akan melihat karya Imam at-Tirmidhi yang seterusnya iaitu Shama'il Muhammadiyah. Secara umum, terdapat dua jenis riwayat mengenai Rasulullah SAW. Salah satunya berupa kisah politik dan perang, yang biasa disebut sebagai Maghazi, sementara yang lain adalah berkaitan dengan perwatakan, penampilan, barang-barang dan lain-lain milik Rasulullah SAW yang juga dikenali sebagai Shama'il.



(Shama'il Muhammadiyah, oleh Imam at-Tirmidhi)

Kita selalu boleh mempelajari mengenai apa yang dibincangkan oleh beberapa ulama atau ustaz dari Maghazi seerah atau Shama'il seerah. Sebahagian besar Shama'il seerah telah diambil daripada karya Imam at-Tirmidhi, iaitu Shama'il Muhammadiyah. Banyak sahabah atau saudara terdekat seperti Sayyidina Ali dan Anas ibn Malik menceritakan tentang perwatakan Nabi. Terdapat satu kisah semasa penghijrahan besar ketika mana Baginda SAW dan Abu Bakar bertemu dengan seorang wanita bernama Umm Ma'bad. Daripada kisah Umm Ma'bad ini, kita dapat pelajari bukan hanya mengenai penampilan Nabi, tetapi juga perwatakannya. Di bawah ini merupakan antara perkara yang telah dijelaskan olehnya mengenai Nabi:

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

“Aku melihat seorang lelaki yang tawaduk (rendah hati). Wajahnya bersinar berkilauan, baik budi pekertinya, dengan badannya yang tegap, indah serta sesuai sekali daripada bentuk kepala sehinggalah kepada bentuk tubuhnya. Dia seorang yang berwajah sangat tampan. Matanya elok, hitam dan lebar, dengan alis dan bulu mata lebat nan halus. Suaranya bergema indah berwibawa, panjang lehernya ideal, janggutnya tumbuh tebal dan keningnya melengkung halus, tidak bergabung. Jika dia diam, nampaklah kewibawaannya. Jika dia berbicara nampaklah kehebatannya. Jika dilihat dari kejauhan, dia adalah orang yang paling jaguh dan berwibawa. Jika dilihat dari dekat, dia adalah orang yang paling kacak, bicaranya yang gemelai, jelas, tidak banyak dan tidak pula sedikit. Nada bicaranya seperti untaian mutiara yang berguguran. Dia juga berketinggian sedang, tidak tinggi dan tidak pula pendek. Bagaikan sebuah dahan di antara dua dahan. Namun, penampilannya adalah paling bagus dan kedudukannya adalah paling tinggi. Dia memiliki banyak rakan yang mengelilinginya. Jika dia berbicara, maka yang lain pun mendengarkannya. Jika dia memerintah, maka mereka segera melaksanakannya. Dia adalah orang yang ditaati, tidak cemberut dan bicaranya tidak sembarangan”.

Daripada kisah ini, kita sedikit sebanyak dapat mengetahui mengenai penampilan fizikal Rasulullah SAW, bagaimana cara tutur Baginda serta keadaan ketika mana Baginda diam. Untuk menjadi seorang Muslim yang baik, kita haruslah belajar dalam mencontohi watak seperti itu.

Shama'il telah diterjemahkan dalam pelbagai bahasa dan banyak digunakan bagi mengajar umat tentang bagaimana untuk mendidik serta mengembangkan akhlak yang baik. Antara perincian Nabi yang dapat kita pelajari daripada hadis Umm Ma'bad ini adalah mengenai ketampanan serta sosok tubuh tegap Baginda. Nabi juga akan menjadi seperti “kubur” ketika Baginda diam, sementara ketika berbicara, kemuliaannya mencanak naik. Ucapan yang diungkap adalah ringkas dan manis, bukannya kecil atau remeh. Oleh itu, kita haruslah mencontohi watak-watak Nabi semampu mana yang kita boleh.

Manakala hadis-hadis Maghazi pula digunakan untuk menjelaskan kepada dunia bagaimana Islam berada pada tahap pembentukannya, terutama di Makkah, dan bagaimana ia berkembang dalam tiga tahap; yakni dari Hijrah hingga Hudaibiyah, dari Hudaibiya ke Fathul Makkah, dan dari Fathul

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Makkah hingga kepada pemergian Baginda SAW. Secara keseluruhannya, terdapat 399 riwayat hadis di Shama'il Muhammadiyah, yang mana telah dibahagikan kepada 50 bab.

Semoga Allah SWT dapat memberi kita kekuatan, sehingga InshaAllah satu hari nanti, kita dapat melaksanakan sesi perbincangan mengenai Shama'il Muhammadiyah. Dengan itu, kita akan mengakhiri bahagian ini. Semoga Allah SWT mengampuni setiap kekurangan kita. Aameen.

Bab 19: Imam Abu Dawud (Bahagian 1) – Hubungan yang Hebat antara Mentor dan Mentee

Kita sekarang beralih kepada imam hadis hebat yang mana keturunannya adalah sangat berbeza berbanding imam yang lain, seperti Imam al-Bukhari, Imam Muslim dan Imam at-Tirmidhi. Namanya ialah Abu Dawud atau Sulayman ibn al-Ash'ath ibn ishaq ibn Bashir ibn Surrah al-Azdi as-Sijistani. *Laqab* Abu Dawud digunakan olehnya bukan kerana beliau mempunyai seorang putera bernama Dawud, tetapi atas sebab puteranya Nabi Sulayman (Nabi Sulaiman) AS adalah Dawud (Daud) AS.

Beliau berasal daripada keturunan Arab yang berpusat di Yaman, yakni suku al-Azdi. Sijistani merupakan daerah dimana beliau dilahirkan, iaitu di bahagian selatan Afghanistan dan di sempadan Pakistan. Seperti imam-imam yang lain, beliau juga banyak menulis buku seperti Sulasatul Ahmad ibn Hanbal dan kitabnya yang paling terkenal, Sunan Abu Dawud.

Kita telah menyebutkan dalam perbincangan sebelumnya yakni berkaitan dengan kekananan, beliau adalah lebih jauh berusia berbanding Imam at-Tirmidhi. Dilahirkan pada tahun 202H, hanya lapan tahun lebih muda daripada Imam al-Bukhari, dan berumur sekitar lapan tahun lebih tua daripada Imam at-Tirmidhi. Walaupun kita ada menyebutkan bahawa daripada segi hadis Sahih, Imam at-Tirmidhi memiliki kelebihan berbanding dengan Imam Abu Dawud, dan diatas sebab itulah kita membincangkannya terlebih dahulu, tetapi ini tidak membawa maksud bahawa Sunan Abu Dawud kurang pentingnya. Sebenarnya, Sunan tersebut telah digunakan secara meluas dan turut memberi pengaruh yang kuat kepada para ulama dalam membincangkan mengenai manfaat fiqh dan fiqh.


Sejak di awal usianya lagi, beliau telah mula menunjukkan minatnya terhadap hadis, dan saudaranya, Muhammad terkenal sebagai seorang ulama hadis yang hebat sepanjang kehidupannya. Pada usia 18 tahun, Imam Abu Dawud telah pergi ke Baghdad, mencari ilmu pengetahuan. Walaupun beliau tidak dapat bertemu dengan guru yang direncanakan olehnya bagi menuntut ilmu, akan tetapi beliau tetap mendapat manfaat daripada luasnya pengetahuan Imam Ahmad ibn Hanbal yakni merupakan seorang pakar berkaitan hadis di kota Baghdad, bersama-

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

sama dengan Yahya ibn Ma'in. Kita akan membicarakan betapa dekatnya hubungan yang terjalin antara Imam Abu Dawud dan Imam Ahmad ibn Hanbal ini, namun marilah kita sama-sama membahaskan terlebih dahulu mengenai seorang guru hebat lain yang mengajar kesemua Enam Imam Besar Hadis.

Kita sudah menyatakan betapa besarnya ilmu Qutayba ibn Sa'id dan al-Bindar atau Muhammad ibn Bashir serta bagaimana Enam Imam Besar Hadis ini mendapat manfaat daripada mereka. Imam ketiga yang juga harus diberikan perhatian oleh kita adalah Muhammad bin Musanna, atau dikenali sebagai Abu Musa, yang mana pernah mengajar Enam Imam Besar Hadis, bahkan Imam Abu Dawud turut ada memberikan komen khas untuknya. Antara lain, Imam Abu Dawud mengatakan bahawa walaupun al-Bindar mempunyai banyak hadis bagi dikongsi bersama, periwayatan yang baik, namun Abu Musa memiliki kelebihan tersendiri berbanding al-Bindar, yang mana membolehkan para penuntut ilmu memperolehi manfaat dengan lebih mudah daripada pendekatan serta kemahiran yang digunakan oleh Abu Musa.

Hubungan antara Imam Abu Dawud dan Imam Ahmad adalah amat erat dan akrab sekali sehinggalah generasi ulama yang seterusnya menyebut bahawa Imam Abu Dawud ada menyerupai rupa serta penampilan Imam Ahmad. Menariknya, Imam Ahmad menyerupai penampilan dan rupa Waqi 'ibn Jarrah, yang menyerupai Sufyan ibn Qusairi, yang menyerupai al-Mansur, yang menyerupai Ibrahim Nakha'i, yang menyerupai Alqamah ibn Waqqas, yang menyerupai gurunya, Abdullah ibn Mas'ud dalam tingkah laku dan perwatakannya. Ibnu Mas'ud, walaupun terkenal dengan fizikalnya yang kecil, namun ia juga diketahui ada menyerupai akhlak dan tingkah laku Rasulullah SAW. Maksud yang ingin disampaikan disini ialah apabila para ulama mengatakan bahawa pelajar itu menyerupai gurunya, maka para ulama lebih berminat untuk membincangkan mengenai cahaya pengetahuan yang terserlah di wajah mereka, dan bukannya daripada segi fizikal dan tubuh mereka semata-mata.



(Kitab al-Musnad, oleh Imam Ahmad ibn Hanbal)

Sekiranya dapat kita perhatikan, mengikut barisan guru kepada Abu Dawud itu, yakni daripada Imam Ahmad sehinggalah kepada Abdullah ibn Mas'ud, kita mungkin melihat personaliti hebat seperti Waqi' ibn Jarrah, dimana Imam al-Bukhari sendiri telah belajar daripada karyanya. Karya Waqi' ibn Jarrah inilah yang menyebabkan Imam al-Bukhari mengetahui bahawa untuk menjadi seorang ulama hadis yang hebat, seseorang itu tidak hanya perlu belajar daripada mereka yang lebih tua dan sezamannya, tetapi juga daripada mereka yang lebih muda. Jika Imam al-Bukhari belajar atau meriwayatkan dua hadis daripada juniornya, yakni Imam at-Tirmidhi, maka Imam Abu Dawud akan turut merasa bangga kerana terdapatnya hadis yang diambil atau dipelajari oleh Imam Ahmad sendiri daripada beliau. Perihal ini memberitahu kita bahawa bukan hanya muhaddithin dari masa lalu, bagi meningkatkan kredibiliti mereka, berusaha dalam memotong sebanyak mungkin perawi yang ada sehinggalah mereka lebih dekat dengan Rasulullah SAW, yakni pada rantai periwayatan hadis, tetapi juga senior tidak mempunyai sebarang keraguan untuk belajar atau mengambil hadis daripada junior mereka.

Kita sudah menyebutkan pada sebelumnya bahawa Imam Abu Dawud ada mempunyai penyusunan mengenai pertanyaan beliau kepada Imam Ahmad ibn Hanbal, merangkumi pelbagai perkara. Salah satu persoalan yang sering dibahaskan oleh ustaz adalah mengenai seorang wanita

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Kristian yang sedang hamil serta meninggal dunia, dan wanita tersebut telah berkahwin dengan suami Muslim. Persoalannya, di manakah harus dia dikebumikan, mengetahui bahawa janin di rahimnya berpotensi dalam menjadi seorang Muslim. Respon kepada pertanyaan Imam Abu Dawud itu, Imam Ahmad telah menjelaskan pendapat yang paling kuat yang mana prinsip-prinsip berikut digunapakai:

Adalah lebih baik memberi hak kepada bukan Islam sekiranya kita tidak jelas, daripada membiarkan hak mereka dirampas. Daripada menguburkan orang bukan Islam di kawasan perkuburan bukan Islam, Imam Ahmad menyebutkan bahawa lebih baik dia dikebumikan sahaja di penjuru tanah perkuburan Muslim.

Imam Abu Dawud telah dipuji oleh banyak ulama, bukan sahaja dari masa lalu, tetapi juga para ulama kontemporari. Musa ibn Harun, misalnya, mengatakan bahawa Imam Abu Dawud diciptakan oleh Allah SWT di dunia ini untuk hadis, dan penciptaan selepasnya adalah di syurga. Ulama lain turut ada mengatakan bahawa pengetahuan hadis adalah terlalu mudah bagi Imam Abu Dawud, yakni seperti mana melenturkan logam adalah mudah untuk Nabi Dawud AS.



(Lokasi Basrah)

Basrah dikenali sebagai tempat dengan para ulama dan ahli sufi yang hebat seperti Hasan al-Basri (20H-110H). Di kota inilah Imam Abu Dawud mengabdikan masa serta hidupnya untuk mengajar hadis sehingga ke akhir hayatnya, dan jenazahnya turut dikebumikan di kota ini.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Beliau mempunyai banyak pelajar yang hebat, termasuklah anak-anaknya, Abdullah khususnya, bersama para perawi hebat yang lain seperti Ibn Dassah, Ubay ibn al-Jurri, dan Imam at-Tirmidhi sendiri. Dalam konteks ini, terdapat isu kontroversi yang tercatat antara Imam Abu Dawud dan puteranya, Abdullah, dimana merupakan salah seorang pelajarnya yang unggul. Dikatakan bahawa Imam Abu Dawud pernah mengatakan untuk tidak belajar daripada anaknya kerana dia adalah seorang pendusta. Tidak jelas bagaimana dan mengapa pernyataan seperti itu mungkin atau tidak diucapkan, tetapi anaknya Abdullah terkenal dengan kebolehannya tersendiri dan selalu bersama ayahnya. Dia juga terkenal dengan puisinya mengenai teologi atau aqidah.

Menurut Syakh Navaid Aziz, isi puisi itu mungkin tidak diterima oleh kumpulan tertentu. Bagi merosakkan kredibiliti karya Abdullah bin Abu Dawud, pernyataan Abu Dawud yang mengatakan untuk tidak belajar daripada anaknya kerana dia seorang pembohong mungkin telah dibuat-buat atau dipalsukan. Ulama hadis kontemporari, Imam Abdur Razaq bin Abdul Muhsin al-Abbad, ketika meneliti kes ini, mendapati bahawa mereka yang meriwayatkan kisah tersebut adalah antara mereka yang tidak berkaliber dan penuh dengan kecurigaan dalam kisah mereka itu.

Pada kebiasaan waktunya, Imam Abu Dawud akan berlama-lama di Baghdad bagi bertemu dengan pakar-pakar hadis, tidak hanya Imam Ahmad dan Ishaq ibn Rahwayh sahaja, tetapi juga dengan Ali al-Madini dan Yahya ibn Ma'in. Pada suatu masa, ketika Imam Abu Dawud sibuk dengan ibadah dan solatnya, seorang lelaki daripada istana raja, yang merupakan saudara khalifah datang mengunjunginya. Ibn Jabir (hamba Imam Abu Dawud) menghadap lelaki itu dan membawanya kepada Imam Abu Dawud. Imam Abu Dawud diminta untuk pergi ke Basrah kerana ketiadaan guru yang ramai manakala Baghdad telahpun diberkati serta dipenuhi dengan banyaknya. Lelaki itu juga mahu Imam Abu Dawud mengajar anak-anak mereka, tetapi secara tertutup.

Sama seperti Imam Malik dan Imam al-Bukhari, serta imam-imam lain, yang mana sangat percaya bahawa seseorang itu haruslah merendahkan dirinya dalam menuntut ilmu, walaupun bersetuju untuk pergi ke Basrah dan mengajar anak-anak di sana, Imam Abu Dawud enggan memberikan pengajaran peribadi kepada keluarga Diraja. Beliau telah pergi ke Basrah dan mula mengembangkan halaqahnya sehinggalah menginjak usia yang tua dan meninggal di Basrah pada tahun 275H.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

InshaAllah, pada bagian berikutnya, kita akan membicarakan sebahagian daripada sumbangannya, terutama mengenai karyanya Sunan Abu Dawud itu sendiri. Semoga Allah SWT mengampuni setiap kekurangan kita dan memberkati kita dengan pengetahuan dan hidayah-Nya. Aameen. Dengan itu, kita mengakhiri sesi bahagian ini.

Bab 20: Imam Abu Dawud (Bahagian 2) - Sunan Abi Dawud dan Surat kepada Masyarakat Makkah

Kami mengakhiri sesi sebelumnya dengan membincangkan bagaimana Imam Abu Dawud telah dipanggil untuk berpindah dari Baghdad ke Basrah, kerana Baghdad sudahpun dipenuhi dengan para guru hebat sementara Basrah sangat memerlukan guru yang berkaliber tinggi seperti Imam Abu Dawud. Dalam sesi perbincangan ini kita akan menjelaskan pula beberapa mesej penting daripada karya agung Imam Abu Dawud, iaitu Sunan Abi Dawud.


Sebelum meneruskan perbincangan tersebut, marilah kita sama-sama menyegarkan kembali ingatan kita tentang betapa eratnya hubungan antara beliau dan Imam Ahmad bin Hanbal, serta bagaimana Imam Abu Dawud mengemukakan banyak pertanyaan fiqh kepada gurunya, Imam Ahmad, juga menyusun pertanyaan-pertanyaan itu sebagai sebuah karya yang disebut, "Persoalan kepada Imam Ahmad". Sebenarnya, muridnya, Ubay ibn al-Juri* mempunyai hubungan yang serupa dengan Imam Abu Dawud, seperti mana Imam Abu Dawud dengan Imam Ahmad. Walaupun begitu, Ubay al-Juri lebih berminat dengan permasalahan berkaitan *Ilal* atau kecacatan tersembunyi dalam hadis. Kecacatan tersembunyi itu boleh berlaku kerana ketiadaan sebutan khusus mengenai nama penuh perawi yang dapat dijumpai atau mungkin juga disebabkan susunan ayat yang pelik di dalam sesebuah hadis. Sebagai contoh, perawi itu boleh sahaja menjadi Abdullah atau Amru atau Malik, dimana dua daripadanya juga dikenali sebagai Ibn Dinar. Ini merupakan kecacatan biasa yang mana jelas tidak akan membahayakan isi kandungan hadis. Ubay al-Juri disini tidak boleh dikelirukan dengan muhaddithin yang hebat, iaitu al-Jurri.

Imam Abu Dawud, sama seperti Imam Ahmad, mempunyai prinsip yang sangat kuat mengenai pendapat individu berbanding hadis yang lemah. Bagi mereka, hadis mungkin lemah kerana terdapatnya masalah tertentu mengenai perawi, tetapi kerana ia adalah hadis, pendapat individu haruslah diletakkan di tempat yang kedua kepada apa yang telah dipelajari sebagai hadis. Sebenarnya, antara Qias (analogi) dan hadis lemah, mereka lebih sukakan hadis lemah. Selain Sunan Abi Dawud, karya penting lain daripada Imam Abu Dawud termasuklah *Kitab al-Radd Ala Ahl al-Qadr* (Buku Jawapan kepada Kaum Qadr), yang mana menjelaskan tentang pentingnya aqidah atau teologi Ahli Sunnah wal Jamaah sebagai lawan kepada mereka yang sangat bergantung

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

kepada logik untuk mendekati Tuhan Yang Maha Kuasa. Jelasnya, Imam Abu Dawud selalu berada di pihak Imam Ahmad mengenai isu ciptaan Al-Quran dalam menjadi perbincangan teologi terhadap kumpulan Mu'tazila.

Mari kita menyambung perbincangan mengenai Sunan Abi Dawud. Kita sebelumnya ada menyebutkan tentang karya sunan yang menunjukkan bahawa penyusunan tersebut membawa banyak perbincangan fiqh dan manfaat hukum bagi umat Islam. Imam Abu Dawud sendiri turut menjelaskan tentang isi sunannya dalam karya yang lain, berjudul *Risalah Ila Ahl al-Makkah* (Surat kepada Orang Makkah).



(*Sunan Abi Dawud*, oleh Imam Abu Dawud)

Terdapat beberapa objektif mengenai Sunan Abi Dawud. Pertama, Imam Abu Dawud menginginkan kesemua perbincangan tentang hadis fiqh dimasukkan ke dalam satu karya, yang merupakan sunannya. Perlu difahami bahawa para fuqaha seperti Imam Abu Hanifah, Imam Syafi'e, Imam Malik, dan juga Imam Ahmad, banyak menggunakan hadis serta Wahyu sebelum keputusan mengenai isu-isu tertentu diajukan. Apa yang ingin dilakukan oleh Imam Abu Dawud

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

adalah, dengan memiliki satu buku, para penuntut ilmu tidak lagi perlu mencari hadis mengenai fiqh daripada pelbagai sumber.

Kedua, aspek objektif Sunan Abi Dawud adalah mengumpulkan dan menyusun hadis-hadis terbaik, yakni menurut beliau merupakan hadis-hadis yang lengkap mengenai fiqh ibadah. Lengkap disini tidaklah bermaksud Sahih, dan harus diambil maklum bahawa pada masa Imam Abu Dawud ini, pengkategorian yang dikembangkan oleh Imam at-Tirmidhi masih belum banyak diikuti. Kategori yang kita bicarakan adalah Sahih, Hasan, Dha'if, dan Maudhu'. Konsep lengkap yang disebutkan ini membawa maksud bahawa hadis berkenaan adalah utuh, jika tidak cukup sahih untuk digunakan sebagai bukti dalam menjadikan hukum-hukum fiqh daripada ibadah tertentu sebagai sah.


Shaykh Navaid Aziz menyebutkan bahawa hadis-hadis yang disusun oleh Imam Abu Dawud bukanlah merupakan hadis sahih, misalnya Solat at-Tasbih. Dikatakan bahawa hanya Imam Abu Dawud yang ada menceritakan tentang pentingnya Solat at-Tasbih ini (dalam Sunan Abi Dawud, hadis ke-1,297), dan tidak terdapat dalam mana-mana penyusunan para imam lain sebelumnya. Namun, hadis ini merupakan hadis yang lemah. Imam at-Tirmidhi kemudiannya telah menjelaskan tentang hadis ini lebih jauh lagi.

Penjelasan ketiga Imam Abu Dawud mengenai sunannya adalah berkaitan dengan perawi hadis, walaupun hadis-hadis yang diriwayatnya adalah Dha'if, namun mengetahui bahawa manfaat atau kebaikannya dalam ibadah, penting bagi kita sebagai umat Islam untuk belajar dan mempraktikkan hadis-hadis tersebut. Beban tanggungjawab untuk menuruti hadis Dha'if tidak terletak kepada mereka yang mengikutinya, tetapi mereka yang meriwayatkannya. Mengenai hadis Solat at-Tasbih, berikut merupakan rangkaian perawi, yang dimulai dengan Abdurrahman ibn Bishr, Musa Bin Abdul Aziz, Hakam Bin Aban, Ikrimah serta Ibnu Abbas.

حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ بَشْرِ بْنِ الْحَكَمِ النَّيْسَابُورِيُّ، حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ، حَدَّثَنَا
الْحَكَمُ بْنُ أَبَانَ، عَنْ عِكْرِمَةَ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
لِلْعَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Perkara keempat yang ditekankan oleh Imam Abu Dawud pada sunannya, walaupun hadis-hadis yang dikutipnya tidak sahih, tetapi tiada satupun hadis yang disusunnya ditinggalkan oleh majoriti ulama lain. Jadi, ada penjelasan atau hujah yang baik untuk kita belajar dan mengamalkan hadis tersebut. Berapa banyak hadis seperti itu (tidak sahih) yang disusun oleh Imam Abu Dawud dalam sunannya? Imam Abu Dawud mengatakan bahawa beliau telah mengumpulkan sebanyak 500,000 hadis, dan daripada hadis-hadis tersebut, beliau telah memasukkan 4,800 hadis berkaitan hukum fiqh ibadah ke dalam bukunya.



(Panduan Solat Tasbih, oleh Abu Ezzat al-Mubarak)

Salah satu kompilasi unik Imam Abu Dawud adalah berkenaan dengan topik Solat at-Tasbih. Para ulama mengatakan bahawa melalui penyusunan Imam Abu Dawud inilah, kita mengetahui bagaimana melakukan Solat at-Tasbih, walaupun maktum bahawa hadis yang disebut oleh Imam itu adalah Dha'if. Wallahua'lam.

Kita telah membincangkan bahawa dari segi kekananan, kita berhak dalam memperjelaskan tentang Imam Abu Dawud sebelum Imam at-Tirmidhi. Namun, kerana keaslian hadis bukanlah masalah utama bagi Imam Abu Dawud, kita membincangkan tentang beliau setelah Imam at-Tirmidhi, yang mana lebih memberikan penekanan kuat terhadap kesahihan hadis.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Menurut Imam Abu Dawud, daripada 4,800 hadis yang telah disusunnya, empat hadis berikut adalah cukup dalam meringkaskan keseluruhan hadis yang pernah didengar oleh beliau, iaitu:

- *Innamal a'malu binniyat* (tindakan dinilai berdasarkan niatnya).
- Ketepikan perkara yang tidak memberi keseimbangan kepada kita,
- Jangan melakukan perkara yang tidak mahu berbalik semula kepada diri kita, dan terakhir
- Apa yang haram serta halal itu adalah jelas bagi kita.

Keempat-empat hadis tersebut memperjelaskan tentang agama kita, dimana separuh daripada agama ini adalah berkenaan akhlak atau watak. Model empat hadis Imam Abu Dawud ini mengingatkan kita kepada 40 hadis Imam an-Nawawi. Lebih penting lagi, empat hadis Imam Ibn Abi Zayd al-Qayrawani juga berkaitan dengan topik akhlak. Empat hadis Imam Abu Dawud ini, menariknya, terdapat dalam 40 hadis Imam an-Nawawi dan dua hadisnya terdapat dalam empat hadis Imam Ibn Abi Zayd.

Imam Abu Zayid memberi tumpuan tentang bagaimana umat Islam dapat mengembangkan perwatakan baik mereka. Empat hadis tersebut adalah:

- Tinggalkan perkara yang bukan merupakan keseimbangan kepada kita,
- Jangan melakukan perkara yang tidak mahu berbalik semula kepada diri kita,
- Berkatalah mengenai perkara kebaikan atau kekal diam,
- Jangan marah.

Apa-apa pun hadis yang disusun oleh para ulama itu, kita dengan jelas dapat menyimpulkan bahawa Islam itu adalah separuh daripada akhlak atau perwatakan yang baik. Shaykh Navaid Aziz menyebutkan bahawa mereka yang berpengetahuan akan kelihatan buruk jika mereka mempunyai akhlak yang teruk dan sebaliknya.

Kita telah membincangkan pelajar terbaik Abu Dawud yang mana merupakan anaknya sendiri, Abdullah. Sebilangan ulama lebih memilih anaknya daripada beliau. Manfaat yang diperolehi oleh Abdullah melalui perhubungan rapat dengan ayahnya adalah banyak. Sebahagian daripada

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

kebaikan tersebut termasuklah fakta bahawa dia dapat meriwayatkan hadis dan menyampaikan nama Abu Dawud, kerana di banyak tempat, mereka bersama-sama mempelajari hadis.

Dalam Sunan Imam Abu Dawud pada hari ini, ia terdiri daripada 5,274 hadis dan bukannya 4,800 hadis seperti mana yang disebutkan oleh beliau. Menariknya, jika tidak menghairankan, yang kita miliki sekarang telahpun disusun oleh pelajarnya yang lain, iaitu Ibn Dassah. Mengapa ia mempunyai lebih daripada yang sepatutnya? Ini adalah kerana terdapat banyak pelajar yang menyusun hadis bersama-sama dengan kompilasi penting Ibn Dassah. Beberapa hadis mungkin mengandungi Mukarrarat (pengulangan). Oleh kerana Imam Abu Dawud hanya menyebut versi-versi penting atau bahagian-bahagian hadis (Syahid) sahaja, maka akan adanya kes yang mana pelajarnya menyusun versi hadis yang lebih panjang. Semua ini membawa perluasan daripada 4,800 hadis yang asli kepada 5,274 hadis yang kita miliki sekarang, Wallahua'lam.

Sumbangan Imam Abu Dawud adalah sangat besar, sehinggalah pada hari terakhirnya beliau masih terus mengajar. Imam Abu Dawud meninggal dunia pada 16 Syawal, 275H di Basrah. Semoga kita terus mendapat manfaat daripada perbincangan Sunan Imam Abu Dawud ini, dan semoga Allah SWT memberkati jiwanya dan juga jiwa kita serta ahli keluarga kita, Aameen.

Bab 21: Imam an-Nasa'i (Bahagian 1) – Belajar dan Mengembara


Terdahulu, kita mengakhiri perbincangan mengenai empat imam hadis pertama, dimana sumber dan maklumat tentang diri mereka adalah umum dan senang dijumpai. Manakala butiran dan pengetahuan para imam yang tersisa, Imam an-Nasa'i dan Imam Ibn Majah, bukan hanya sukar untuk dicari, bahkan beberapa daripada maklumat tersebut dibincangkan secara samar-samar sahaja jika tidak dijelaskan. Dalam sesi ini, kita hanya dapat memasukkan beberapa keterangan yang mana disebutkan secara lalu oleh Shaykh Navaid Aziz dalam perbincangannya mengenai empat imam sebelumnya.

Imam an-Nasa'i dilahirkan pada tahun 214H (atau dalam beberapa riwayat 215H), di daerah yang disebut Nasa' di Khurasan, iaitu sebuah kota yang dikenali sebagai Turkmenistan pada hari ini. Nama sebenarnya ialah Abu Abdurrahman Ahmad ibn Shu'ayn ibn Ali ibn Sinan an-Nasa'i al-Khurasani. Tidak banyak yang diketahui perihal ibu bapanya, tetapi seperti para imam besar yang lain, beliau juga pernah mendapat pengetahuan agama pada usia muda, terutama dalam bidang hadis. Sebilangan besar pengetahuan awalnya dikumpulkan dari Nasa' melalui pendakwah tempatan, sehingga berusia 15 tahun, dimana beliau mula didedahkan dengan ilmu berkaitan hadis dan Al-Quran. Beliau juga mula menghafal Al-Quran pada awal usianya.

Antara banyak gurunya, yakni merupakan guru yang sama mengajar enam Imam, (Bukhari, Muslim, Tirmidhi, Abu Dawud, an-Nasa' dan Ibn Majah) haruslah dinyatakan di sini. Tiga daripadanya adalah Qutaybah Ibn Said, Muhammad Ibn Bashir atau al-Bindar, dan Muhammad bin Muthanna atau Abu Musa. Imam an-Nasa'i duduk bersama Qutaybah lebih dari satu tahun lamanya, sebelum mengembara ke Baghdad, Kufah, Makkah dan Madinah, serta Mesir. Sebenarnya, beliau banyak menghabiskan kehidupannya dan melakukan pengajarannya di Mesir. Sebilangan besar Muhaddisin hebat seperti Ishaq Ibn Rahwayh, Ishaq Ibn Ibrahim dan al-Harith Ibn Miskin, juga merupakan guru-gurunya. Dikatakan bahawa Imam al-Bukhari telah menemui sebanyak 1,080 guru, sementara Imam Abu Dawud sebanyak 500 guru. Imam an-Nasa'i juga ada mencatatkan amaun yang banyak dalam berguru.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Hasil karyanya, Sunan an-Nasa'i terus dirujuk sehingga ke hari ini. InshaAllah, kita akan cuba untuk memperincikannya pada bahagian seterusnya. Di antara enam Muhaddisin ini, dua daripadanya dikenali sebagai Sahihain (Bukhari dan Muslim) dengan penyusunan Sahih mereka, sementara empat yang lain dikenali sebagai Sunan Arba'a (Empat Imam yang membincangkan hadis mereka dengan Implikasi Fiqh bagi Manfaat Fiqh).



(Musnad, oleh Imam Ishaq ibn Rahwayh)

Seterusnya, kita akan membincangkan tentang peranan pentingnya, terutama di Mesir. Seperti yang dijangkakan, untuk memanfaatkan sepenuhnya pengetahuan tentang hadis, beliau telah melaksanakan halaqah di Mesir. Beliau tidak hanya dikenali dengan baik mengenai pengajarannya, tetapi juga kemampuan beliau untuk menghafal ribuan hadis, yang mana telah mengangkat gelarannya sebagai Huffaz Hadis. Terdapat banyak pelajar yang memperoleh manfaat daripadanya, termasuklah ahli teologi Jaafar at-Tahtawi.

Sebagai catatan, sekurang-kurangnya terdapat empat Imam Aqidah penting yang mana mempunyai pendekatan berbeza serta tersendiri. Jaafar at-Tahtawi terkenal dengan pendekatan

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

rasionalnya dalam Aqidah, berbanding dengan Imam Ahmad Ibn Hanbal, yakni menerusi pendekatan tradisional atau secara harfiah, Wallahua'lam. Manakala di antara Imam Aqidah itu adalah Abu Hasan al-Ash'ari dan Abu Mansur al-Maturidi. Syakh Hamza Yusuf turut menamakan Rabi'atul Adawiyah dan Hasan al-Basri, yakni antara tokoh penting dalam ajaran teologi.

Imam an-Nasa'i telah mendirikan rumahtangga dengan empat orang isteri. Dan hanya seorang daripada anaknya, Abdullah, yang dikenali aktif dalam menceritakan hadisnya. Imam an-Nasa'i turut mempunyai anak muridnya yang tersendiri, Abu Bakar al-Sunni, dimana banyak hadis daripada dia yang kita pelajari hari ini adalah diceritakan terus oleh Abu Bakar.

Peranan lain yang menarik mengenai Imam an-Nasa'i ini, adalah berkenaan penyertaannya dalam peperangan. Semasa zamannya, Mesir sedang berperang dengan negara-negara lain. Imam an-Nasa'i tidak hanya terkenal dengan kecerdasan intelektualnya, tetapi juga semangat pejuangnya. Terdapat banyak hadis yang membincangkan mengenai pentingnya jihad, sama ada jihad dalaman atau luaran, yang mana melibatkan dalam memerangi nafsu dan musuh-musuh Islam. Salah satu contoh hadis yang disusun oleh Imam al-Bukhari, adalah seperti berikut:

Rasul Allah ditanya, "Apakah perbuatan yang terbaik?" Dia menjawab, "Untuk mempercayai Allah dan Rasul-Nya (Muhammad)." Penanya kemudian bertanya lagi, "Apa yang seterusnya (dalam kebaikan)?" Dia menjawab, "Untuk melibatkan diri dalam Jihad (pertempuran agama) dengan Asbab Allah."


Sahih al-Bukhari Isu.1, Buku 2, No.25

Bukan sekadar mengumpul dan mengajar hadis, tetapi Imam an-Nasa'i juga merupakan antara Ahli Fuqaha yang hebat dan terkenal dengan Ijtihadnya. Salah satu bukunya yang berkaitan dengan Fiqh adalah al-Manasiq, yang mana beliau banyak mendapat manfaatnya daripada keputusan Imam As-Syafi'e dalam hukum Fiqh.

Imam As-Syafi'e dilahirkan pada tahun 150H. Ketika Imam an-Nasa'i dilahirkan pada tahun 214H, Imam as-Syafi'e telahpun menghadapi Ilahi 10 tahun sebelumnya. Dia adalah seorang mujtahid,

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

bererti dia membuat penilaian dan menyatakan fatwa dalam setiap permasalahan baru atau lama yang mana memerlukan penafsiran baru.



(Khasais Ali, oleh Imam an-Nasa'i)

Sebilangan ulama, termasuk Ibn Taymiyyah, mengatakan antara lain, bahawa Imam an-Nasa'i telah menguasai banyak aspek dalam fiqh Imam Ahmad Ibn Hanbal. Ketika mana Imam an-Nasa'i hendak membuat Ijtihad, mereka berdua telah menggunakan pendekatan Hanbali dan juga Syafi'e. Antara pelajar-pelajar Imam an-Nasa'i termasuklah:

- Ahmad ibn Muhammad ibn Salamah Al-Azdi
- Ahmad ibn Muhammad Al-Hashimi (dikenali sebagai Ibn As-Sunni)
- Sulaiman ibn Matir Al-Lakhmi At-Tabarani
- Abu Ja'far At-Tahawi
- Abu Uthman An-Naysaburi

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

- Hamzah ibn Muhammad Al-Kinani
- Abu Jafar Ahmad ibn Ismail An-Nahhas An-Nahawi

Terdapat banyak riwayat mengenai kematiannya dan juga perkuburannya. Dikatakan bahawa beliau telah berhijrah ke Damsyik untuk mengajar pengetahuannya. Damsyik bukan hanya terkenal dengan sebilangan besar orang Sunni, tetapi juga terkenal dengan kesetiaan yang kuat terhadap Mu'awiyah Ibn Abu Sufian, yakni telah banyak menyumbang dalam pembangunan ekonomi dan juga penyebaran agama. Walaupun Mu'awiyah sudah meninggal dua abad sebelum Imam an-Nasa'i (60H), pengaruhnya masih terasa di Damsyik, bukan hanya disebabkan jawatannya sebagai seorang gabenor, tetapi juga merupakan raja pertama Kerajaan Bani Umayyah yang berpusat di Damsyik.

Menurut satu kisah, masyarakat Damsyik telah meminta Imam an-Nasa'i untuk menulis sebuah buku tentang kehebatan Mu'awiyah, mengetahui bahawa Imam An-Nasa'i sudah mengarang sebuah buku tentang legasi Sayidina Ali RA. Melihat akan Imam an-Nasa'i yang tidak memberi apa-apa balas yang diharapkan, juga memberi maksud bahawa beliau telah menolak permintaan itu, mereka langsung menjadi marah dengan Imam an-Nasa'i. Dikatakan bahawa ketika Imam an-Nasa'i menjadi 'sarkastik' tentang idea menulis buku mengenai Mu'awiyah, masyarakat di sana menjadi marah dan memukulnya dengan kuat sehingga menyebabkan beliau jatuh sakit yang teruk.

Dikatakan bahawa beliau ingin pergi ke Makkah. Setelah sampainya di Makkah, beliau meninggal dunia. Ad-Daraqutni dan beberapa ulama lain menyebutkan bahawa Imam an-Nasa'i meninggal di Makkah dan jenazahnya dikebumikan antara Safa dan Marwa. Riwayat lain yang disebutkan oleh Imam az-Zahabi menyatakan bahawa Imam an-Nasa'i ada melakukan perjalanan ke Baitul Maqdis dan meninggal di daerah yang disebut sebagai Ramlah, Palestin. Apa-apa pun yang berlaku, para ulama telah bersetuju bahawa beliau meninggal pada hari Isnin, 13 Safar 303H, dan meninggalkan karyanya sebagai warisannya, Sunan an-Nasa'i.

Sebelum kita membahaskan tentang Sunan an-Nasa'i pada bahagian berikutnya, marilah kita membincangkan beberapa maklumat mengenai rupa dan sifat fizikal Imam an-Nasa'i. Seperti yang telah disebutkan oleh sebuah institusi bernama Darulkautsar, oleh orang yang sama dalam

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

memberikan beberapa maklumat mengenai enam imam hadis, Muhammad ibn Muhammad al-Shaybah, kita setidaknya dapat menerangkan tiga perkara tentang Imam an-Nasa'i. Beliau merupakan seorang yang sangat tampan dengan warna kulit kemerahan. Oleh kerana beliau mempunyai akhlak yang hebat, pengetahuan dan penampilannya adalah saling melengkapi dan kelihatan lebih hebat. Seperti banyak ulama besar yang lainnya, beliau juga terkenal dengan Qiyam al-Layl, bacaan Al-Quran, dan dengan jelas pengetahuannya tentang hadis. Beliau telah mengamalkan gaya berpuasa Nabi Daud AS, iaitu berpuasa pada hari bergantian. Dengan maklumat mengenai Imam an-Nasa'i ini, kita akan tamatkan bahagian ini disini.

Bab 22: Imam an-Nasa'i (Bahagian 2) - Kisah Sunan an-Nasa'i

InshaAllah, kita akan meneruskan sesi tazkirah dengan perbincangan lanjut mengenai Imam an-Nasa'i. Dalam bahagian kali ini, kita akan memberi perhatian yang lebih kepada karya terkenalnya, Sunan an-Nasa'i. Pada bahagian sebelumnya, kita telah menyebutkan tentang peranan Abu Bakar ibn Ahmad sebagai usaha cemerlang Sunni dalam meneruskan penceritaan karya Imam an-Nasa'i, kerana Sunan an-Nasa'i yang kita miliki saat ini merupakan usaha Abu Bakar, menyusun hadis tersebut dengan cara yang sistematik. Terdapat dua sejarah yang bertentangan tentang Sunan an-Nasa'i, dan InshaAllah, kita akan mulakan dengan membincangkan satu yang mana diperdebatkan oleh kebanyakan ulama, ustaz dan ustazah.


Imam an-Nasa'i telah memberikan yang terbaik dalam membuat versi akhir Sunannya, daripada yang disebut sebagai al-Kubra menjadi kepada al-Sughra. Sunan an-Nasa'i yang biasa kita lihat hari ini adalah versi al-Sughra, kadang-kadang juga disebut al-Muntajab atau al-Mukhtar (Pemilihan). Sunan an-Nasa'i ada masanya turut dianggap sebagai kitab sahih ketiga setelah Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim.

Ketika pertama kali mengumpulkan hadis, beliau telah menyusunnya di bawah buku besarnya yang berjudul al-Kubra. Beliau kemudiannya menyampaikan buku tersebut kepada Amir Mesir supaya dapat memberi manfaat kepada ummah. Amir bertanya kepadanya apakah beliau telah memastikan bahawa kompilasi yang dikemukakannya itu adalah tepat (sahih). Sebagai seorang yang jujur, Imam an-Nasa'i mengatakan bahawa sebahagian daripada hadis tersebut adalah Sahih sementara yang lain adalah Hasan, dan bakinya hampir sama. Amir kemudian meminta beliau untuk mengemukakan kepadanya yang sahih sahaja. Oleh itu, Imam an-Nasa'i telah memilih hadis yang benar-benar sahih sahaja bagi dimasukkan ke dalam karya barunya yang disebut al-Sughra, atau juga dikenali sebagai Sunan an-Nasa'i.

Kami telah menyebut sebelumnya bahawa beliau ada mendapat banyak manfaat daripada gurunya, termasuk tiga orang guru yang mengajar keenam-enam imam hadis yang hebat. Guru yang dimaksudkan itu adalah Qutayba ibn Sa'id, Muhammad ibn Bashir atau al-Bindar, dan Muhammad ibn Muthanna atau Abu Musa. Imam an-Nasa'i juga mendapat manfaat secara

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

langsung daripada Imam at-Tirmidhi dan Imam Abu Dawud. Sebenarnya, terdapat perdebatan dalam kalangan para ulama mengenai penggunaan nama Abu Dawud yang disebut dalam Sunan an-Nasa'I, yakni perdebatan sama ada nama tersebut merujuk kepada Abu Dawud Sulayman ibn al-Ash'ath as-Sijistani. Ini kerana penggunaan nama Abu Dawud pada masa itu adalah banyak, dan setelah penyelidikan lebih lanjut dijalankan, Abu Dawud yang disebut dalam Sunan an-Nasa'i sememangnya merupakan Abu Dawud as-Sijistani. Terdapat juga perbincangan mengenai apakah benar Abu Abdurrahman atau Imam an-Nasa'i menemui Imam al-Bukhari. Walaupun sebilangan sarjana mengatakan bahawa beliau ada berjumpa dengannya, tetapi majoriti mengatakan bahawa perkara itu adalah sangat mustahil.



(*Sunan an-Nasa'i*, oleh Imam an-Nasa'i)

Buku pertamanya, al-Kubra, hampir jarang ditemui, walaupun ada yang mengatakan bahawa di wilayah tertentu seperti di India, buku tersebut mungkin masih ada. Dalam perbincangan kali ini, setiap kali kita menyebut tentang Sunan an-Nasa'i, kita akan merujuk kepada al-Sughra. Namun, jika terdapat nama-nama seperti al-Munziri dan al-Mizi disebut dalam karya Imam an-Nasa'i,


More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

kemungkinan besar perbincangan itu merujuk kepada buku al-Kubra, yang mana merupakan karya yang belum dipilih secara teliti untuk mengesahkan kesahihannya.

Ulama yang kemudian seperti Abu Farash al-Jawzi (510H-597H) (tidak boleh dikelirukan dengan Ibn al-Qayyim al-Jawziyya), dalam bukunya al-Maudhu'at al-Kubra, yakni sebuah buku mengenai hadis-hadis yang merupakan Maudhu, menyebutkan bahawa terdapat 10 hadis dalam karya Imam an-Nasa'i adalah Maudhu'. Perihal ini telah menimbulkan banyak perdebatan dalam kalangan para ulama mengenai kesahihan al-Sughra yang telah disusun oleh Imam an-Nasa'i.

Komen-komen sedemikian mengenai keaslian penyusunan hadis bukanlah merupakan satu perkara yang tidak biasa atau baru dalam dunia hadis. Imam besar hadis ad-Daraqutni, yang mana mendapat gelaran Imam Hadis Kesembilan (setelah Enam Imam Besar Hadis, dan nombor tujuh serta lapan adalah Imam Ahmad dan Imam Malik), turut mengatakan permasalahan mengenai keaslian kompilasi hadis Sahih Imam al-Bukhari dan Imam Muslim masing-masingnya. Menurut ad-Daraqutni, sekurang-kurangnya terdapat 32 hadis dalam Sahih al-Bukhari dan 200 di dalam Sahih Muslim yang tidak sepenuhnya memenuhi peraturan atau kriteria kesahihan hadis.

Akan tetapi, ulama-ulama besar yang kemudian seperti Ibn Hajar al-Asqalani (773H-852H) dan Ibn Kathir (701H-774H), seperti yang disebutkan oleh Syakh Navaid Aziz, menjelaskan bahawa tidak ada masalah yang serius dalam persoalan keaslian bagi kedua-dua kompilasi Sahih tersebut, seperti yang diperkatakan oleh ad-Daraqutni. Oleh itu, umat Islam tidak boleh keliru dengan perkara yang diucapkan oleh Imam ad-Daraqutni, termasuklah mengenai al-Sughra Imam an-Nasa'i atau Sunan an-Nasa'i. Walaupun Abu Farash al-Jawzi menyebut tentang 10 hadis Maudhu' yang terdapat dalam karyanya, Imam Jalaluddin as-Suyuti (849H-911H) membuat komen yang serupa antara al-Maudhu'at dan Sunan an-Nasa'i, dimana dia berkata antara lainnya, bahawa Sunan yang dibuat oleh Imam an-Nasa'i merupakan kitab yang hebat dan umat Islam seluruhnya haruslah mendapat manfaatnya.



(Al-Maudhu'at, oleh Abu Farash al-Jawzi)

Semua ulama hadis telah melakukan tugas yang hebat dalam menyusun hadis-hadis ini. Namun, masih benar bahwa terdapat kemungkinan beberapa hadis mempunyai unsur Dha'if atau juga Maudhu'. Oleh itu, menjadi tanggungjawab ulama yang seterusnya dalam melakukan apa yang disebut sebagai tahqiq (pembetulan) atau takhrij (sambungan) serta tarjih (membandingkan kekuatan hadis untuk digunakan dalam ketetapan). Dan misi itu telahpun dilakukan oleh Abu Farash al-Jawzi dalam karyanya yang disebut sebagai al-Maudhu'at.

Secara umumnya, para ulama bersepakat dalam mengatakan bahawa tidak ada masalah mengenai kompilasi Sunan an-Nasa'i dan semua hadis yang disusun itu adalah Sahih, bukanlah merupakan perkara yang tepat, namun untuk menegaskan bahawa terdapatnya hadis Maudhu' yang mana menyebabkan karya tersebut tidak boleh dilihat sebagai sebuah kompilasi yang hebat, juga adalah tidak betul. Keseluruhannya, Imam as-Suyuti hanya menjelaskan bahawa Sunan an-Nasa'i itu memiliki hadis yang Sahih, Hasan dan Dha'if dalam penyusunannya. Kita, sebagai insan biasa tidak seharusnya berusaha dalam menilai karya-karya imam yang hebat. Sebenarnya, kita mestilah selalu ingat tentang pentingnya untuk tidak mencuba dan membincangkan sesuatu yang tidak pasti, apatah lagi perkara itu adalah melibatkan hadis.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Terdapat hadis yang menyebutkan bahawa orang yang berdusta tentang Baginda SAW dengan cara apa-apa sekali pun akan dimasukkan ke dalam neraka. Hadisnya adalah seperti berikut:

إِنَّ كَذِبًا عَلَيَّ لَيْسَ كَكَذِبِ عَلَيَّ أَحَدٍ، مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا، فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

“Sesungguhnya berdusta ke atasku (menggunakan namaku) bukanlah seperti berdusta ke atas orang lain (menggunakan nama orang lain). Sesiapa yang berdusta ke atasku dengan sengaja, maka siaplah tempat duduknya dalam neraka”.

(Riwayat al-Bukhari)

Terdapat juga hadis lain dengan pesanan yang serupa, yakni seperti berikut:

مَنْ حَدَّثَ عَنِّي بِحَدِيثٍ يُرَى أَنَّهُ كَذِبٌ فَهُوَ أَحَدُ الْكَاذِبِينَ

“Sesiapa yang menyampaikan daripadaku sesuatu hadith yang pada sangkaannya adalah dusta maka dia adalah termasuk dalam kalangan pendusta.”

(Muqaddimah Sahih Muslim)

InshaAllah, kita telahpun belajar sesuatu daripada perbincangan ini, dan sebelum kita mengakhiri mengenai Imam an-Nasa'i, marilah kita senaraikan beberapa karya pentingnya yang lain, iaitu seperti berikut:

- As-Sunan ul-Kubra
- As-Sunan us-Sughra/Al-Mujtaba
- Al-Khasa'is
- Fada'ilus-Sahabah
- Al-Manasik

InshaAllah, dalam bahagian seterusnya, kita akan membincangkan mengenai imam terakhir daripada enam imam yang mana telah kita sama-sama bahaskan dalam siri ini. Dengan itu, kita tutup perbincangan ini.

Bab 23: Imam Ibn Majah (Bahagian 1) - *Rehlah 'Ilmiah* (Perjalanan dalam Mencari Ilmu)

InshaAllah, dalam bahagian ini, kita akan membincangkan Enam Imam Hadis Besar yang terakhir, iaitu Imam Ibn Majah. Sebilangan ulama, ustaz serta ustazah mungkin mengatur perbincangan para imam secara berbeza, sesuai dengan tahap keaslian hadis yang mereka kumpulkan ataupun mengikut susunan kronologi tarikh lahir. Perbincangan secara kronologi akan bermula dengan Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Dawud, Imam at-Tirmidhi, Imam Ibn Majah dan terakhir Imam an-Nasa'i. Namun, dalam perbincangan ini, kita mengikuti bagaimana ia dibahas secara umum, yakni berdasarkan pada tahap keaslian hadis yang dikumpulkan, bermula daripada Imam al-Bukhari sehinggalah kepada Imam Muslim, Imam at-Tirmidhi, Imam Abu Dawud, Imam an-Nasa'i dan terakhir Imam Ibn Majah.


Seperti perbincangan mengenai Imam an-Nasa'i, yang sebahagian besar ideanya bukan datang daripada Syakh Navaid Aziz, perbincangan kita tentang perihal Imam Ibn Majah juga melibatkan pelbagai sumber yang tersedia. Maklumat mengenai Imam Ibn Majah tidak hanya sedikit seperti Imam an-Nasa'i, tetapi beberapa idea dan butiran yang dinyatakan adalah kabur jika tidak diperjelaskan. Kita, InshaAllah akan cuba dalam memperbaiki lagi perbincangan seiring dengan penerusan pengumpulan maklumat dan penjelasan mengenai Enam Imam Besar Hadis ini.

Nama Imam Ibn Majah sebenarnya adalah Abu 'Abdillah Muḥammad ibn Yazid ibn Majah al-Rab'i al-Qazwini. Beliau dilahirkan pada tahun 209H, yakni enam tahun lebih tua dibandingkan dengan Imam an-Nasa'i dan 15 tahun lebih muda daripada Imam al-Bukhari. Qazwin pada mulanya berada di kawasan timur daripada Iraq, tetapi sekarang merupakan sebahagian wilayah Iran. Semua imam hadis yang telah kita bincangkan, kecuali Imam Abu Dawud as-Sijastani adalah bukan berbangsa Arab. Mereka merupakan Musta'rab (bukan Arab dengan budaya Arab ketika tanah mereka terdedah dengan pengaruh Arab). Dari segi sejarah, Qazwin telah dibuka oleh khalifah Uthman RA, dimana, seorang sahabat dengan nama Barrad ibn Azim ditugaskan untuk menjadi Amir, dan oleh sebab itu dakwah Islam tersebar luas.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Seperti banyak muhaddithin yang lain, Abu Abdullah Muhammad ibn Yazid atau Ibn Majah telah didedahkan dengan pengetahuan Islam, terutama hadis, pada usia yang muda. Beliau belajar daripada seorang ulama tempatan, Ali ibn Muhammad at-Tanabasi sebelum melakukan perjalanan ke pelbagai negeri, untuk menuntut ilmu. Rehlal 'Ilmiah (perjalanan atau pengembaraan mencari ilmu) merupakan antara amalan biasa para ulama agung pada masa lalu, bahkan juga sekarang. Kita tahu bagaimana Imam al-Bukhari, Imam an-Nasa'i, dan sebenarnya kesemua Enam Imam Besar Hadis terkenal dengan amalan Rehlal 'Ilmiah mereka.

Harus diingat bahawa Salman al-Farsi juga berasal daripada wilayah Parsi, dan telah melakukan perjalanan mencari kebenaran. Dia tinggal di satu tempat ke satu tempat yang lain, beralih daripada pegangan Zoroastrianisme menjadi Kristian, dan pada suatu ketika menganut agama Yahudi, sebelum hatinya berpindah kepada Islam di bawah pengawasan Rasulullah SAW, akhirnya.



(In Quest of Truth: Salman al-Farisi, oleh Abdul Basit Ahmad)

Daripada pemujaan api di Parsi kepada penganutan agama Kristian di Syria, sehinggalah cahaya kebenaran Islam di padang pasir Arab; begitulah perjalanan Salman Al-Farisi (R.A)

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

ketika mana dia berangkat dalam mencari kebenaran. Dia telah meninggalkan kehidupan yang kaya, aman dan mewah demi menuntut ilmu Tuhannya, Allah. Kehidupannya adalah manifestasi daripada pernyataan Nabi:

"Barangsiapa menempuh jalan yang ingin memperoleh pengetahuan, maka Allah akan mempermudah baginya jalan menuju Syurga."

Demikian jugalah perjalanan daripada Enam Imam Besar Hadis

Pada usia 18 tahun, Ibn Majah telah mula melakukan perjalanan ke semua kawasan penting dan penuh dengan ilmu pengetahuan di Baghdad, Makkah, Madinah, Mesir dan juga di kawasan Bilad al-Sham, yang merangkumi Jordan dan Palestin. Diketahui bahawa beliau berjaya dalam bertemu dengan banyak ulama besar, termasuklah pelajar Imam Malik di Madinah dan pelajar Imam al-Layth di Mesir. Imam Malik adalah pelajar Nafi' yang mana telah menuntut ilmu daripada Ibnu Umar, antara sahabah yang hebat. Imam al-Layth pula terkenal dengan pengetahuannya yang luas, sehingga Imam Syafi'e sendiri memuji kredibiliti Imam al-Layth, lebih tinggi daripada Imam Fiqh yang lain, walaupun dia tidak menemui Imam al-Layth secara sendiri.

Perjalanan ini adalah sangat penting kerana ini merupakan masa dan ketika bagi beliau dalam mengumpulkan hadis untuk karyanya sepanjang melakukan perjalanan, dan bila mana beliau menghimpunkannya, beliau dengan langsung menyusun di dalam buku yang kemudiannya telah dikenali sebagai Sunan Ibn Majah. Imam Ibn Majah berbeza dengan Imam al-Bukhari dari segi kaedah penyusunan mereka. Adapun Imam al-Bukhari menyusun hadis hanya ketika dia telah menguasai keseluruhan pengetahuannya.

Kisah Rehlal 'Ilmiah ini turut mengingatkan kita tentang sahabah yang hebat, Jabir ibn Abdullah yang mana telah melakukan perjalanan dari Madinah ke Damsyik hanya untuk mengumpulkan satu hadis sahaja daripada seorang sahabah, iaitu Abdullah bin Unays.

Dia (Abdullah ibn Unays) berkata, `Aku mendengar Rasullulah bersabda:

«يَحْشُرُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ النَّاسَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَوْ قَالَ: الْعِبَادَ عُرَاءَ غُرْلًا بُهْمًا»

(Allah akan mengumpulkan orang-orang - atau hamba-hamba-Nya - pada hari kiamat, telanjang, tidak bersunat dan Buhman.) Aku (Jabir ibn Abdullah) bertanya, "Apa itu Buhman"

Dia berkata,

لَيْسَ مَعَهُمْ شَيْءٌ، ثُمَّ يُنَادِيهِمْ بِصَوْتٍ يَسْمَعُهُ مَنْ بَعْدَ كَمَا يَسْمَعُهُ مَنْ قَرُبَ: أَنَا الْمَلِكُ، أَنَا
الدِّيَانُ لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِنْ أَهْلِ النَّارِ أَنْ يَدْخُلَ النَّارَ وَلَهُ عِنْدَ أَحَدٍ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ حَقٌّ
حَتَّى أَقِصَّهُ مِنْهُ، وَلَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ أَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ وَلَهُ عِنْدَ رَجُلٍ مِنْ أَهْلِ
النَّارِ حَقٌّ حَتَّى أَقِصَّهُ مِنْهُ حَتَّى اللَّطْمَةِ»

(Mereka tidak akan ada apa-apa pada diri mereka. Kemudian akan ada suara memanggil yang mana jauh kedengaran semudah yang didengari oleh mereka yang dekat: "Aku adalah raja dan Aku Dayyan (pemberi pembalasan) tidaklah patut bagi seorang penduduk neraka untuk masuk neraka sedangkan dia mempunyai hak atas seseorang daripada penduduk syurga sampai Aku memberikan haknya. Juga tidaklah patut seseorang daripada penduduk syurga untuk masuk syurga sedangkan seseorang daripada penduduk nereka mempunyai hak atas dirinya sampai Aku memberikan haknya. Hatta satu tamparan sekalipun. Kami bertanya, "Bagaimana itu terjadi? Kami mendatangi Allah dalam keadaan telanjang dan tidak bersunat, dan tidak memakai sehelai benangpun?". Maka dia berkata:

«بِالْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ»


(Dengan [pahala] untuk perbuatan baik, dan [balasan] untuk perbuatan jahat.)

Terdapat banyak pencapaian Imam Ibn Majah yang diperolehi daripada perjalanan ini. Beliau tidak hanya berjaya mengumpul sebanyak 4,000 hadis yang mana sebahagian, secara umumnya adalah berbeza dengan kompilasi imam terdahulu, tetapi beliau juga telah menzahirkan usaha dalam

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

mendapatkan rangkaian perawi yang paling sedikit. Sebenarnya, daripada karyanya yang disebut sebagai Sulast Ibn Majah, kita mengetahui tentang pemilihan Imam Ibn Majah mengenai rantaian pendek perawi hadis.

Daripada perjalanannya, beliau bukan saja menjadi ahli hadis, tetapi beliau turut diketahui telah menghasilkan dua buah karya lain selain Sunan Ibn Majah. Yang pertama adalah Tafsir Al-Qur'an (Penafsiran Al-Quran) yang tidak dapat dihasilkan oleh banyak ulama pada zamannya. Manakala Qadarullah, buku itu tidak dapat bertahan lama dan hilang dalam cakupan masa serta ruang. Kita juga mungkin mengetahui Tafsir Al-Qur'an oleh at-Tabari, merupakan sedikit lebih muda daripada Imam Ibn Majah sendiri. Imam at-Tabari meninggal pada tahun 310H. Satu lagi karya penting Imam Ibn Majah, Kitab at-Tarikh adalah berkaitan dengan ilmu sejarah, dimana buku tersebut telah membincangkan mengenai kisah-kisah sahabat, terutama yang meriwayatkan hadis. Wallahua'lam.



(Tafsir at-Tabari, oleh Imam at-Tabari)

Jauh sebelum Imam at-Tabari menghasilkan karyanya mengenai penafsiran al-Quran, Imam Ibn Majah telah mengembangkan reputasinya dalam bidang tafsir al-Quran. Terdapat banyak catatan yang menunjukkan bahawa bukan sahaja Imam Ibn Majah mempunyai buku mengenai

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

sejarah hadis, tetapi juga mempunyai karya hebat sama tinggi dengan karya at-Tabari, jika tidak lebih baik. Walaupun buku itu hilang dalam masa dan sejarah, namun penceritaan pada buku itu masih terdapat dalam satu bentuk atau sebagainya. Wallahua'lam.

Gurunya, Ali ibn Muhammad at-Tanabasi, meninggal pada tahun 233H ketika mana Imam Ibn Majah baru berusia sekitar 24 tahun. Jelas, beliau mempunyai banyak guru dalam senarainya, dan di antara senarai tersebut adalah ulama-ulama terkenal seperti Jubarah ibn Mughallis, Abu Bakar ibn Abi Shaibah, Nasr ibn Ali an-Nishapuri, Abu Bakar ibn Khallad al-Bahili, Muhammad ibn Bashar, Abul-Hasan Ali ibn Muhammad Tanafisi, dan Ali ibn Mundhir serta Abu Zur'a ar-Razi. Abu Zur'a ar-Razi adalah guru yang sangat beliau percayai, dan bukunya Sunan Ibn Majah yang akan kita bahas InshaAllah pada bahagian berikutnya telah diserahkan kepada Abu Zur'a untuk diperiksa sebelum Imam Ibn Majah mempunyai keyakinan dalam mengumumkannya sebagai satu karya penting. Sama seperti imam yang lain, beliau juga mempunyai banyak anak didik, beberapa pelajar pentingnya termasuklah Ali bin Abdullah al-Falani, Ibrahim ibn Dinar al-Jarshi, Ahmad ibn Ibrahim al-Qazvini, Hafiz Abu Ya'la al-Khalili, dan Abu Amr Ahmad ibn Muhammad ibn Hakim al-Madani al-Isfahani.

Setelah lama pemergiannya dalam mengumpulkan sejumlah besar pengetahuan, beliau telah menghabiskan sebahagian besar waktunya di al-Qazwin, dan kemudian meninggal pada tahun 273H pada usia 64 tahun, walaupun beberapa riwayat mengatakan bahawa dia meninggal pada tahun 275H. Wallahua'lam.


InshaAllah, pada sesi seterusnya, kita akan meneruskan perbincangan secara khusus mengenai bukunya, Sunan Ibn Majah. Semoga Allah SWT mengampuni kekurangan kita dan semoga Allah SWT menambah pengetahuan dan Iman kita. Aameen.

Bab 24: Imam Ibn Majah (Bahagian 2) - Sunan Ibn Majah

InshaAllah, dalam sesi ini, kita akan mengakhiri perbincangan mengenai kehidupan Imam Ibn Majah, imam hebat dari Qazwin, Iran, dan juga salah satu karya beliau yang paling terkenal. Kita telah membincangkan banyak aspek mengenai diri beliau, seperti minatnya untuk menuntut ilmu, proses pengumpulan pengetahuan dalam Rehlah 'Ilmiah, guru-gurunya dan muridnya serta juga beberapa karyanya. Kita telah menyebutkan bahawa daripada banyak karya-karyanya, para ulama mengelompokkannya menjadi tiga yang penting: penafsiran quran, riwayat para sahabat dan perawi (tarikh), serta yang masih berdiri teguh hingga ke hari ini, Sunan Ibn Majah. InshaAllah kita akan meneruskan dalam membincangkan mengenai Sunan dan beberapa masalah yang berkaitan dengannya.

Sunan dikelompokkan di bawah *Kitab as-Sittah* (Enam Kitab Hadis Utama), jelas kerana ia mampu dalam menambah pengetahuan dan koleksi yang baru dalam penyusunan hadis sebelumnya, baik oleh Imam al-Bukhari serta Imam Muslim, dan juga oleh Abu Dawud, at-Tirmidhi dan an-Nasa'i. Terdapat sekitar 4,000 hadis yang disusun dalam Sunan, dan lebih dari satu pertiga daripadanya merupakan penambahan hadis baru menerusi lima buku terdahulu. Koleksi itu dibuat daripada Rehlah 'Ilmiah di banyak wilayah yang telah kita bincangkan di bahagian sebelumnya.

Ada beberapa ulama yang menyebutkan bahawa beliau berusaha untuk mencari pengetahuan bukan hanya di tanah Arab, tetapi melangkah lebih jauh, sehingga sampai ke Konstantinopel. Ketika kembali ke kampung halamannya di Qazwin, beliau telah mengatur dan menyusun karya-karyanya, seterusnya mempersembahkan kepada ulama besar pada zaman itu, Abu Zur'a ar-Razi untuk tujuan pemeriksaan. Antara ucapan balas yang diberikan oleh Abu Zur'a adalah, jika buku itu diberikan kepada orang lain, maka dia tidak akan lagi merujuk kepada bahan yang lain. Namun, terdapat sekitar 30 hadis yang memerlukan penjelasan lanjut, dimana secara langsung menunjukkan bahawa terdapat masalah dengan hadis-hadis berkenaan. Walau apa-apa pun keadaannya, banyak ulama seperti Abu Ya'la, Ibn Kathir dan az-Zahabi memberikan beberapa komen yang baik dan juga diselitkan sedikit kritikan.



(Sunan Ibn Majah, oleh Imam Ibn Majah)

Menarik tentang Sunan ini, ia dimulakan dengan nilai pentingnya mengikuti jejak Rasulullah melalui amalan sunnah. Sunan dipuji kerana organisasi seperti ini mengatur sistem babnya secara sistematik. Sekitar 4,000 hadis, Imam Ibn Majah telah membahagikannya kepada 1,500 bab dan dibincangkan secara jelas daripada segi makna dan faedah fiqh yang dapat kita perolehi melalui hadis-hadis tersebut.

Penting bagi kita untuk perhatikan perbezaan antara empat kitab sunan (Abu Dawud, Tarmizi, An-Nasa'i dan Ibn Majah) dengan dua kitab sahih atau tepat oleh al-Bukhari dan Muslim. Sunan adalah buku yang lebih terarah perhatian pembaca tentang pentingnya fiqh atau manfaat fiqh yang dapat kita perolehi daripada hadis-hadis yang dikumpulkan dan dihimpunkan oleh para imam. Keaslian hadis bukanlah objektif utama dalam pemikiran empat imam sunan, melainkan bagaimana keputusan dapat dibuat daripada hadis itu sendiri. Dua Sahih (*Sahihain*) sama sekali berbeza kerana perihal penting bagi Imam al-Bukhari dan Muslim adalah untuk menyusun hanya hadis sahih sahaja yang mana mampu untuk dijadikan sebagai satu tindakan rujukan yang paling dipercayai bagi ummah. Oleh itu, kemungkinan masalah hadis Dha'if dalam empat sunan, termasuk Sunan Ibn Majah tidak boleh diketepikan.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Sunan Ibn Majah biasanya disebut sebagai buku terakhir *Kitab as-Sittah* hanya kerana jumlah hadis Dha'if yang terdapat di dalamnya adalah banyak dan jelas. Ulama kontemporari, Muhammad Fu'ad Abdul Baqi telah melakukan perkhidmatan yang hebat dalam memeriksa kesahihan hadis-hadis yang disusun ini dengan teliti. Kita telah membincangkan bagaimana dia menjelaskan bahawa jumlah hadis yang disusun dalam al-Jami' as-Sahih milik Imam al-Bukhari tanpa pengulangan hanyalah sebanyak 5,620 sahaja. Sebagai catatan, dalam banyak perbincangan, kita mungkin pernah mendengar tentang ustaz atau ustazah yang mengatakan bahawa kuantiti hadis yang dikumpulkan oleh Imam al-Bukhari adalah sekitar 7,000 hingga 9,000.

Menurut Muhammad Fu'ad Abdul Baqi, jumlah koleksi hadis Ibn Majah adalah sekitar 4,341, dimana penambahan (*Zawa'id*) adalah 1,339 hadis, dan daripada jumlah ini, 328 dikatakan sebagai hadis Sahih, 99 hadis Hasan, 613 hadis Dha'if dan 99 hadis Maudhu'. Sebenarnya, masalah hadis Dha'if dan Maudhu' di dalam Sunan Ibn Majah sama sekali bukanlah perkara baru. InshaAllah, kita akan membincangkan masalah ini pada akhir perbincangan ini.


Apa yang ingin kita ketengahkan sekarang ialah mengapa karya-karya besar seperti al-Muwatta' yang dibuat oleh Imam Malik atau Musnad Imam Ahmad tidak dianggap sebagai sebahagian daripada Enam Kitab Hadis Utama. Sebenarnya, perbincangan ini, terutama mengenai al-Muwatta' milik Imam Malik telah dibincangkan oleh banyak ulama pada awal abad keenam Islam. Bahkan, ada di antara mereka yang mengatakan bahawa menilai daripada masalah hadis Dha'if di dalam Sunan Imam Ibn Majah, adalah lebih tepat untuk mengangkat keunggulan al-Muwatta'.

Walaupun benar bahawa al-Muwatta' adalah karya yang hebat, sebahagian besar kandungannya sudah ada di dalam sunan yang lain, terutama di *Sahihain*. Selanjutnya, al-Muwatta' merupakan penyusunan karya para penyusun terdahulu. Wallahua'lam. Oleh itu, generasi ulama seterusnya tidak hanya mengambil kira manfaat fiqh Sunan Abdul Majah tetapi juga hadis-hadis baru yang dikumpulkan itu tidak dapat dijumpai dalam kompilasi lain.

Mengenai masalah hadis Dha'if dan Maudhu' di Sunan, misalnya, Imam az-Zahabi, dalam bukunya *Tazkirat al-Huffaz*, membincangkan beberapa permasalahan. Ini termasuklah komen Abu Zur'a ar-Razi yang dibincangkan sebelumnya. Sekiranya Abu Zur'a benar dalam penilaiannya,

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

yang mana telah memberikan penghargaan besar kepada Sunan Ibn Majah dan menyebutkan bahawa 30 hadis sahaja yang memerlukan penjelasan, maka hanya hadis-hadis itu yang harus menjadi satu-satunya hadis yang bermasalah.



(Kitab Tazkirat al-Huffaz, oleh Imam az-Zahabi)

Kita telah membincangkan bagaimana sarjana kontemporari Muhammad Fu'ad Abdul Baqi menekankan bahawa terdapat 613 hadis dalam Sunan Ibn Majah adalah Dha'if. Masalah ini tidak boleh diperbesar kerana para ulama pada masa lalu telahpun menjalankan tugas mereka, dan penting bagi para ulama berikutnya untuk memeriksa hasil mereka. Proses ini dinamakan sebagai Tahqiq. Ulama kontemporari yang lain, misalnya Syakh Muhammad Nasiruddin al-Albani, telah melakukan tanggungjawabnya dengan baik dengan menumpukan perhatian yang lebih pada hadis Dha'if dan bukannya yang sahih, sama ada dalam Sunan Ibn Majah atau juga dalam sunnah yang lain.

Oleh itu, kita tidak perlulah terlampau risau. Sebenarnya, kita harus berterima kasih kepada Imam Ibn Majah, kerana kita berpeluang dalam meneliti serta membaca karya-karyanya. Kita berdoa agar selalu mendapat manfaat daripada karya Ibn Majah, mengetahui bahawa betapa

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com


berpengetahuannya (Alim) Imam Ibn Majah dan juga betapa jujurnya (thiqah) dia. Semoga Allah SWT memberi kita kekuatan untuk melakukan itu.

Imam Ibn Majah hidup selama 64 tahun, bermula pada tahun 209H dan meninggal pada tahun 273H. Sudah tentu, kematian Imam Ibn Majah menimbulkan kerugian yang banyak bagi ummah dan bahkan ada puisi yang ditulis bagi mengenang serta memperingati dirinya, yang mana ada mengatakan bahawa kematian Imam Ibn Majah telahpun menggegarkan takhta pengetahuan. Wallahua'lam. Saudara-saudaranya, Abu Bakar dan Abdullah, serta anaknya Abdullah merupakan antara ahli keluarga penting yang melakukan khidmat baik mereka semasa pengebumiannya. Dengan itu, kita mengakhiri perbincangan mengenai Imam Ibnu Majah ini. Semoga Allah sentiasa memberkati Ibn Majah dan seisi keluarganya, dan juga memberkati kita dan keluarga kita. Aameen.

Bab 25: Epilog - Kitab at-Tis'ah dan Perbincangan Kontemporari Hadis

Hanya melalui petunjuk dan berkat-Nya sahaja kita dapat mencapai bahagian terakhir tazkirah, yakni mengenai para imam hadis.

Dalam sesi pengenalan kepada perbincangan ini, kita telah menjelaskan tentang perlunya mengutamakan pengetahuan hadis dan diskusi yang jelas mengenainya. Kita juga ada menerangkan tentang tujuh perintis hadis yang mana telah meriwayatkan banyak hadis di bawah kekuasaannya. Mereka itu adalah Abu Hurairah, Sayyidatina Aisha, Ibn Umar, Ibn Abbas, Anas ibn Malik, Jabir ibn Abdullah dan Abu Sa'id al-Khudri. Dalam bahagian penutup ini, kita ingin berkongsi beberapa konsep yang mungkin tidak diketahui umum, yakni terdapatnya sembilan muhaddithin dimana masing-masingnya mempunyai buku mengenai hadis. Secara lalu kita juga akan menyebutkan perbincangan kontemporari mengenai hadis.



(*Sunan ad-Daraqutni*, oleh Imam ad-Daraqutni)

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Ketika para ulama menyebut tentang sembilan kitab utama hadis (*Kitab at-Tis'ah*), jelas mereka merujuk kepada enam Imam Besar Hadis, iaitu Imam (Bukhari, Muslim, at-Tirmidhi, Abu Dawud, an-Nasa'I dan Ibn Majah). Untuk menjadikannya sembilan, penambahan tiga imam yang lain adalah Imam Ahmad ibn Hanbal dan buku hadisnya Musnad, Imam Malik dan karyanya al-Muwatta, serta Imam ad-Daraqutni dan bukunya Sunan ad-Daraqutni.

Kita mungkin pernah atau biasa mendengar mengenai Musnad Imam Ahmad, dimana beliau telah mengumpulkan dan menghimpunkan hadis menjadi 45 jilid ditambah dengan lima jilid lagi pada bahagian indeks serta lampiran. Dalam karya agungnya, Imam Ahmad menyusun hadis-hadis tersebut berdasarkan kewibawaan para sahabat, yakni bermula daripada Abu Bakar dan ke bawah. Pada jilid 45, Imam Ahmad membincangkan mengenai sahabiyyat (para sahabat wanita) dalam Islam, serta hadis yang telah diceritakan oleh mereka. Al-Muwatta' iaitu penulisan agung Imam Malik mungkin merupakan antara kompilasi hadis pertama yang tersusun rapi dalam Islam. Sebenarnya, terdapat banyak hadis dalam kitab-kitab besar yang dibuat oleh Imam al-Bukhari dan Muslim, dimanfaatkan menerusi daripada al-Muwatta'.

Imam Malik meninggalkan dunia pada tahun 179H, sementara Imam Ahmad pada tahun 241H. Para ulama juga ada membincangkan tentang kedudukan buku yang sepatutnya berada di tangga ketujuh, yakni antara al-Muwatta' milik Imam Malik dan Musnad kepunyaan Imam Ahmad. Majoriti bersetuju bahawa Musnad Imam Ahmad ditempatkan di tempat ketujuh manakala Imam Malik di tempat kelapan.

Terakhir, iaitu di tempat kesembilan dalam senarai itu adalah Imam ad-Daraqutni. Nama sebenar Imam ad-Daraqutni adalah Abul-Hasan' Ali ibn' Umar ibn Ahmad ibn Mahdi ibn Mas'ud ibn al-Nu'man ibn Dinar ibn' Abdullah al-Baghdadi al-Daraqutni. Beliau dilahirkan pada tahun 306H dan meninggal pada tahun 385H. Dalam karyanya, beliau menjelaskan bahawa adanya 32 hadis yang tidak memenuhi tahap keaslian, disamping itu beliau turut menyatakan bahawa terdapat 200 hadis dengan masalah yang serupa dalam karya Imam Muslim.



(Shaykh Muhammad Nasiruddin al-Albani)

Pada abad ke-20, ada seorang muhaddithin yang hebat, iaitu seorang lelaki kulit putih daripada Albania, Shaykh Muhammad Nasiruddin al-Albani, yang mana karyanya adalah setanding bukan sekadar dengan karya ad-Daraqutni, tetapi juga dalam banyak hal dengan empat sunan, yakni Imam (di- Tirmidhi, Abu Dawud, an-Nasa'I dan Ibn Majah). Pada tahap tertentu, karyanya turut membawa kemampuan sama tinggi dengan karya Imam Bukhari dan Imam Muslim. Beliau telah meninggal pada tahun 1420H (1999).

Walaupun penemuan dan perbincangannya penting, ulama-ulama terulung berikutnya seperti Imam Ibn Hajar al-Asqalani dan Imam Ibn Kathir menyebut bahawa tidak ada masalah besar mengenai hadis-hadis tersebut, yang mana telah dikumpulkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim. Antara lainnya, perbincangan sebegini hanya berguna bagi para ulama yang kepakarannya dalam bidang hadis sahaja. Sebagai orang awam, kita hanya perlu menumpukan perhatian pada faedah yang boleh diperolehi daripada hadis-hadis berkenaan, InshaAllah.

Amat jelas sebenarnya, bahawa terdapat ramai ulama hebat selepas ad-Daraqutni, yakni seperti Imam al-Asqalani (Fathul Bari) dan Imam an-Nawawi (al-Arba'in). Oleh itu, kita mengakhiri perbincangan ini dengan mengetengahkan muhaddithin kontemporari yang mana sumbangannya dalam dunia hadis adalah sangat luar biasa. Orang yang kita maksudkan ini adalah Shaykh

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Nasiruddin al-Albani. Beliau dilahirkan pada tahun 1333H dan meninggal pada tahun 1420H, datang dari tanah Albania dan tergolong dalam keluarga yang beragama. Ayah beliau adalah Mufti Besar di tanah airnya. Beliau telah berhijrah ke Syria ketika mana negara yang mereka duduki mengamalkan pegangan sekular, sama seperti kerajaan Turki di bawah pemerintahan Mustafa Kamal al-Tartuk. Beliau kemudiannya mula mempelajari pengetahuan agama dan hadis dengan serius. Beliau juga merupakan antara beberapa lelaki kulit putih yang sangat cemerlang dalam pengajian Islam pada zamannya. Menerusi karyanya, beliau berjaya memisahkan hadis Sahih daripada hadis Dha'if, yakni melalui empat sunan milik Imam (at-Tirmidhi, Abu Dawud, an-Nasa'i dan Ibn Majah).

Semoga Allah SWT memberkati jiwa dan keluarganya, serta memberkati diri kita. Mudah-mudahan juga kita dikurniakan ilmu hadis yang luas supaya dapat menjadi umat Islam yang lebih baik, dan mengikut jejak Rasulullah SAW dalam mendekati diri kepada Allah SWT. Aameen.

Sebelum mengakhiri siri ini, kita ingin menyampaikan penghargaan yang tak terkira kepada Shaykh Navaid Aziz atas Bab maklumat mengenai Imam Besar Hadis, terutamanya Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam at-Tirmidhi dan Imam Abu Dawud. Dengan itu, kita tamatkan sesi perbincangan ini, yang juga menandakan bahawa berakhirnya siri ini.

Rujukan

- Ad-Daraqutni, A. B. U. (1966). *Sunan ad-Daruqutni*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ahmad, A. B. (2000). *In Quest of Truth: Salman al-Farisi*. Darussalam Publishers & Distributors.
- al-Asqalani, I. I. H. (1987). *Kitab Fathul Bari*. Bab Ilmu. Kairo: Dār al-Hadis.
- Al-Bukhari, M. (1978). *Sahih al-Bukhari*. Dar Ul-Hadith.
- Al-Bukhari, M. (1986). *Kitab at-Tarikh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Jawzi, A. F. (2003). *Al-Maudhu'at*. Beirut: Dar Al Kutub Ilmiyah.
- al-Mubarak, A. E. (2004). *Panduan Solat Tasbih*. Al-Hidayah.
- al-Musawi, A. H. S. (2014). *Abu Hurayra*. Lulu Press, Inc.
- al-Qayrawani, I. A. Z. (2018). *The Risalah*. Diwan Press.
- Al-Sijistani, A. D. (2003). *Sunan Abi Dawud*. Beirut: al-Makmah al- 'Ashriyyah.
- an-Nasa'i, M. (2010). *Sunan An-Nasa'i*. Kairo: Dar al-Hadits.
- an-Nasa'i, M. (2016). *Khasais Ali*. Book Corner.
- At-Tabari, M. (2008). *Tafsir At-Tabari*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Azmi, M. M. (1967). *Studies in Early Hadith Literature*. Doctoral dissertation, University of Cambridge.
- az-Zahabi, M. (1968). *Kitab Tazkirat al-Huffaz*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Baqi, M. F. A. (1979). *Al-Lu'lu'wal Marjan*. Bina Ilmu.
- Ibn Ḥanbal, A. (1985). *Kitab al-Musnad*. al-Maktab al-Islāmī.
- Majah, I. (1999). *Sunan Ibn Majah*. Riyāḍ: Dār al-Salām.
- Mawjood. S. A. A. (2007). *The Biography of Imam at-Tirmidhi*. Darussalam.
- Muslim, I. (1978). *Sahih Muslim*. New Delhi, India: Kitab Bhavan.
- Rahwayh, I. I. (1990). *Musnad*. Dar at-Taaseel.
- Tirmidhi, M. (2007) *Sunan at-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Ihya al-Turath al-Arabi.
- Tirmidhi, M. (2019). *Shama'il Muhammadiyah*. Imam Ghazali Institute.